

PARLIMEN KESEMBILAN  
*Ninth Parliament*  
PENGKAL KETIGA  
*Third Session*  
MESYUARAT KETIGA  
*Third Meeting*

---

Jilid III                      Bil. 72                      Hari Rabu      26 November 1997

---

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN      (Ruangan      )

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Perbekalan 1998**

Jawatankuasa:

Jadual -

**Maksud B. 43**

(Ruangan      )

**Maksud B. 44**

(Ruangan      )

USUL-USUL:

**Anggaran Pembangunan 1998**

Jawatankuasa:

**Maksud P. 44**

(Ruangan      )

**Maksud P. 45**

(Ruangan      )

**Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat** (Ruangan      )

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S, J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- Yang Berhormat Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)

- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

“ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

“ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

“ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)

“ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)

“ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)

“ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)

“ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)

“ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)

“ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)

- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- Yang Berhormat Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)

- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)

Yang Berhormat Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)

- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)

- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

Yang Berhormat Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)

- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

Yang Berhormat Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)



- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)

Yang Berhormat Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)

- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

# **DEWAN RAKYAT**

## **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T.,  
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K., P.S.D.

Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat  
: Puan Nor Hayatee binti Abdullah

## **CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

## **PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN**

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor

## **BENTARA MESYUARAT**

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Rabu, 26 November 1997**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat] *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**AKTA KAWALAN SEWA (PEMANSUHAN) 1997 - RANCANGAN  
KERAJAAN MENEMPATKAN PENYEWA**

**1. Tuan Wong Kam Hong [Bayan Baru]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) rancangan kerajaan untuk menempatkan penyewa-penyewa yang terbabit dalam Akta Kawalan Sewa (Pemansuhan) 1997; dan
- (b) sama ada kerajaan ingin membina rumah melalui Tabung Perumahan Kos Rendah atau Syarikat Perumahan Negara untuk menampung keperluan 7,000 keluarga yang terbabit dalam Akta Kawalan Sewa (Pemansuhan) 1997.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato'**

**Azmi bin Khalid]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada masa sekarang tiada rancangan kerajaan yang khusus untuk menempatkan penyewa-penyewa yang terbabit dalam Akta Kawalan Sewa (Pemansuhan) 1997. Ini ialah kerana sudah pun sedia ada beberapa program perumahan untuk golongan pendapatan rendah.

- (b) Melalui Tabung Perumahan Rakyat Termiskin Kerajaan Persekutuan telah meluluskan sebanyak 27 buah projek dengan 14,671 unit rumah di seluruh negara. Penyewa yang terlibat dengan Akta Kawalan Sewa akan diberi pertimbangan untuk menyewa rumah-rumah tersebut.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa pemansuhan Akta Kawalan Sewa akan menimbulkan satu krisis sosio-ekonomi daripada segi perumahan kepada mereka yang berpendapatan rendah, bolehkah kerajaan memberi satu jaminan bahawa apabila sampai tarikh 31 Disember 1999 iaitu tarikh yang terakhir atau point untuk Akta Kawalan Sewa dimansuhkan sepenuhnya, bahawa tiada suatu keluarga akan menderita, akan ditindas oleh kerana tidak mampu dan tidak boleh mengadakan perumahan kos rendah. Jadi, adakah kerajaan akan menimbang untuk mengadakan satu rancangan khusus, sungguhpun sekarang tidak ada satu rancangan khas supaya tiada satu keluarga akan dinafikan atau mengalami deprivation oleh kerana pemansuhan Akta Kawalan Sewa?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai makluman umum, mereka yang terlibat dalam rumah-rumah kawalan sewa ini ada tiga kategori;

- (i) berpendapatan tinggi;
- (ii) berpendapatan sederhana; dan
- (iii) mereka yang berpendapatan rendah.

Jadi, yang disoalkan ialah mereka yang berpendapatan rendah. Walaupun kerajaan tidak mempunyai program yang khusus, tetapi diberi tempoh selama tiga tahun lebih untuk mereka ini mencari tempat-tempat, mencari projek-projek yang sesuai dengan pendapatan masing-masing. Sungguhpun Yang Berhormat dari Kota Melaka meminta satu jaminan .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tanjong, Yang Berhormat.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Ya, Tanjong. Minta maaf.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tanjong yang soal.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Antara dua itu sama sahaja. *[Ketawa]* Walaupun Yang Berhormat meminta satu jaminan, saya tidak boleh memberi jaminan di sini, tetapi kerajaan sentiasa peka, sentiasa meneliti keadaan dari masa ke semasa dan jika perlu sangat, maka akan diberi pertimbangan yang sewajarnya.

**Tuan Ho Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di bawah Akta ini, seperti kita semua sedia maklum dalam tempoh dua tahun tiga bulan ini, mungkin terlibat dengan permohonan untuk menaikkan sewa dan ia memang terlibat dengan satu formula di mana nilai tahunan digunakan. Tetapi saya ingin menarik perhatian kementerian, misalnya di negeri Johor selama ini Kerajaan Negeri Johor memakai improve value dan bukan nilai tahunan.

Baru-baru ini saya telah pun berbincang dengan Majlis Daerah Kluang Utara di mana kadar yang dikira iaitu nilai tahunan dengan improve value kali

kadar pulangan. Jadi, saya ingin tahu sama ada ini diterima pakai oleh kementerian dan mungkin perbincangan di antara penyewa dengan tuan punya rumah pasti ada rayuan-rayuan yang perlu dikemukakan kepada tribunal rayuan. Jadi, saya ingin tahu sama ada tribunal rayuan ini telah pun ditubuhkan di tiap-tiap negeri untuk menyelesaikan masalah-masalah yang mungkin timbul.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, ada dua soalan.

Yang pertama, soalan yang kedua ialah sama ada tribunal rayuan telah ditubuhkan di semua pihak-pihak berkuasa tempatan. Sememangnya kementerian telah mengarahkan semua pihak-pihak berkuasa tempatan menubuhkan tribunal masing-masing, kalau tidak cukup satu boleh ditubuhkan dua, boleh ditubuhkan tiga untuk menyelesaikan masalah, kalau masalahnya banyak. Jadi, dari segi itu pihak kementerian pada hari ini kalau hendak minta kepada saya, saya tidak dapat angka yang sebenar, kalau Yang Berhormat mahu saya boleh memberi secara bertulis.

Yang kedua, mengenai nilai yang dikenakan sebagai sewa asas kepada sewa yang baru ini. Sememangnya dalam penggubalan pindaan telah pun diperketatkan formula yang tertentu. Sekiranya pihak-pihak berkuasa tempatan menggunakan kaedah-kaedah yang bersesuaian, yang bertepatan dengan formula itu ianya tidak ada masalah, tetapi kalau ada masalah dan kalau pihak penyewa itu tidak puas hati, maka pihak penyewa ada hak untuk membuat rayuan kepada tribunal, dan tribunal inilah yang akan menentukan sama ada sewa itu wajar atau tidak.

## **PERSEMPADANAN ANTARABANGSA DI ANTARA MALAYSIA DENGAN NEGARA JIRAN**

2. **Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar]** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan sejauh manakah “persempadanan” antarabangsa di antara Malaysia dengan negara-negara jirannya selesai dan bagaimana pula dengan “persempadanan” di antara negeri-negeri di negara ini.

**Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Goh Cheng Taik]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat persempadanan antarabangsa di antara Malaysia dengan negara-negara jiran adalah meliputi Malaysia - Thailand; Malaysia - Indonesia; Malaysia - Brunei dan Malaysia - Singapura.

Penandaan dan pengukuran sempadan (darat) antarabangsa antara Malaysia dan Thailand telah siap pada 26 September 1985 sepanjang 551.5 kilometer.

Penandaan sempadan antara Malaysia - Indonesia adalah meliputi 2 sektor iaitu Sektor Sabah dan Kalimantan Timur iaitu sepanjang 371 kilometer telah siap ditanda dan diukur pada 13 April 1994. Sektor Sarawak dan Kalimantan Barat iaitu sepanjang 1480 kilometer. Kerja bermula pada tahun 1975 dan sehingga kini sepanjang 871.2 kilometer telah siap.

Semasa mesyuarat kedua Suruhanjaya Bersama Malaysia - Indonesia yang berlangsung di Jakarta Indonesia pada 5 hingga 8 Februari 1993, kedua-dua belah pihak telah bersetuju supaya penandaan dan pengukuran sempadan dari Malaysia - Indonesia disiapkan pada penghujung tahun 2000.

Bagi sempadan Malaysia - Brunei jaraknya sejauh 575.6 kilometer, ia meliputi 237 kilometer yang mempunyai perjanjian dan 358.6 kilometer yang

masih lagi tiada perjanjian di antara kedua negara. Pengukuran sempadan antara kedua negara ini masih lagi di peringkat rundingan.

Sempadan perairan Malaysia - Singapura di Selat Johor adalah berdasarkan pertengahan terusan air dalam iaitu dengan izin, centre of deep water channel iaitu mengikut The Street Settlement and Johor Water Agreement 1927. Kerja ukur hidrografi bersama Malaysia -Singapura telah dijalankan bermula 10 Mac 1980 dan berakhir pada 3 Oktober 1981.

Pada 7 Ogos 1955 kedua-dua belah pihak telah menandatangani perjanjian yang dikenali sebagai Agreement Between the Government of Malaysia and the Government of Republic of Singapore to the limit precisely the territorial water boundary in the cordon with the Street Settlement and Johor Territorial Water 1927.

Mengenai sempadan antara negeri-negeri di Malaysia, sehingga kini kerja-kerja penandaan dan pengukuran sempadan hanya meliputi negeri-negeri berikut:

- Pahang - Terengganu sejauh 160 kilometer siap diukur dan bakinya 67.2 kilometer belum lagi diukur.
- Perak dan Pahang sejauh 52.5 kilometer siap diukur dan bakinya 97.5 kilometer masih belum diukur.

**Tuan Md Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya mendapat penjelasan tambahan tentang persempadanan perairan di antara Malaysia dan Filipina yang tidak disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Apakah asas yang digunakan untuk menentukan persempadanan perairan bagi



negeri-negeri di Malaysia, kerana ini merupakan masalah kepada nelayan-nelayan terutama sekali bagi negeri saya Perlis, kalau lajak sedikit dia kata masuk perairan Kedah, jadi nelayan Perlis tidak tahu hendak menangkap ikan di mana. Jika ke utara sedikit sudah masuk Thailand. Jadi, saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dr. Goh Cheng Taik:** Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Ukur merupakan tukang sahaja yang mengukur dan dasarnya dikendalikan oleh Kementerian Luar Negeri.

**Tuan Kamaruddin bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagi menambahkan efisien pegawai bagi negeri-negeri khususnya dalam hal pentadbiran, penyaluran pembangunan, pengeluaran geran bagi negeri-negeri, adakah pihak kementerian sanggup untuk mengeluarkan kos, kerana ada negeri-negeri yang tidak sanggup mengeluarkan kos ukur, penandaan sempadan bagi negeri-negeri yang mana ini akan merumitkan pegawai-pegawai melaksanakan tugas mereka dengan lebih efisien. Adakah pihak kementerian menghadapi masalah dari segi penandaan sempadan terutamanya daripada negeri Perlis dan negeri Thai?

**Dr. Goh Cheng Taik:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai kerja menyempadankan sempadan antara negeri, Jemaah Menteri pada tahun 1993 telah memutuskan bahawa kos ditanggung bersama oleh kerajaan-kerajaan negeri yang berkenaan dan negeri-negeri yang saya sebutkan tadi telah meminta kerja sempadan dijalankan telah menandatangani Memorandum of Understanding dan juga sudah membayar kos pengukuran.

Mengenai kerja pesempadanan Malaysia dan Thailand ini ditanggung bersama oleh Malaysia dan Thailand, jadi tiada soalan berbangkit.

### **SAHAM BUMIPUTERA - MENGUBAH SISTEM PERUNTUKAN**

**3. Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datoh]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk mengubah sistem peruntukan saham bumiputera daripada syarikat-syarikat yang hendak disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BKSL) dengan semua 30 peratus saham yang diperuntukkan kepada bumiputera disalurkan kepada Amanah Saham Bumiputera demi memastikan lebih ramai bumiputera menikmati faedahnya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat dari Bagan Datok, pembahagian saham yang dilaksanakan oleh MITI adalah berpandukan kepada garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan di mana sebahagian besar daripada saham-saham khas adalah diperuntukkan seperti berikut:

- (a) 65% daripada saham-saham tersebut adalah untuk institusi-institusi amanah yang diberi keutamaan seperti Permodalan Nasional Berhad, Tabung Haji, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Koperasi Polis Di Raja (M) Berhad;
- (b) 25% kepada pemegang-pemegang saham sedia ada dalam syarikat yang menawarkan saham;
- (c) 10% kepada ahli-ahli lembaga pengarah syarikat yang akan disenaraikan, dan pihak-pihak yang berkaitan dengan syarikat yang memenuhi kelayakan.

Tuan Yang di-Pertua, garis panduan tersebut telah mengambil kira kepentingan institusi amanah termasuklah Amanah Saham Bumiputera. Di samping itu, individu bumiputera yang terlibat secara langsung dengan syarikat sama ada sebagai pemegang saham sedia ada melalui pemegangan ekuiti, ahli lembaga pengarah dan yang memberi sumbangan kepada kemajuan syarikat juga diambilkira dan dipertimbangkan bagi peruntukan saham.

Jika kesemuanya 30% saham khas bumiputera diagihkan kepada institusi atau Amanah Saham sahaja, maka hasrat kerajaan untuk mewujudkan golongan bumiputera yang aktif dalam sektor korporat tidak akan tercapai. Dengan itu, buat masa ini kementerian belum bercadang untuk mengubah dasar peruntukan saham khas bumiputera yang dilaksanakan sekarang.

Berdasarkan kepada statistik peruntukan saham, sebahagian besar peruntukan telah ditawarkan kepada institusi amanah. Misalnya pada tahun 1995 peruntukan kepada institusi-institusi Amanah ialah 314 juta unit atau 86.7%, 1996 - 241.5 juta unit saham (88.93%) dan antara Januari hingga September 1997 sebanyak 522.7 juta unit saham (63.7%) daripada peruntukan.

Peruntukan bagi kategori pemegang saham sedia ada yang diiktiraf dan ahli lembaga pengarah syarikat, serta bumiputera yang ada kaitan dengan pihak syarikat bagi tahun 1995 sebanyak 116.2 juta unit (25.8%), 1996 - 137.4 juta unit (35.5%) dan 1997 (Januari hingga September) ialah sebanyak 240.2 juta unit atau 24.2% daripada peruntukan.

Manakala peruntukan kepada syarikat dan koperasi yang berdaftar dengan MITI pula ialah 19.5 juta unit (4.3%) pada tahun 1995, 8.6 juta unit (2.2%) bagi tahun 1996 dan hingga September 1997 ialah sebanyak 119.8 juta unit (12.1%).

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada kawan saya di sebelah ini dahulu yang telah dinaikkan pangkat, sampai sekarang tempat beliau yang kosong ini belum diisi lagi.

Dalam keadaan sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, ada dua senario. Pertama sekali saham-saham terbitan baru yang dikenali sebagai 'pink form' dahulu ramai orang berebut untuk mendapatkan pink form. Senario sekarang ini pink form ini terlebih dahulu ditawarkan kepada institusi bumiputera sama ada yayasan, koperasi ataupun lain-lain badan.

Yang kedua, senarionya terdapat penurunan pemegangan ekuiti bumiputera dalam syarikat-syarikat apabila ia telah disenaraikan. Jadi, saya ingin tahu daripada sahabat saya ini apakah tindakan-tindakan yang akan diambil untuk mengatasi kegawatan permasalahan ini, banyak saham yang tidak diambil ini, kerana ianya di bawah harga tawaran, di bawah IPO. Oleh itu, kita hendak tahu sangatlah, Pemuda UMNO pun hendak tahu sangatlah daripada Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Terima kasih, pada Yang Berhormat Datuk Ketua Pemuda UMNO Malaysia.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedang mengkaji dari segi penurunan ekuiti bumiputera di dalam

Bursa Saham Kuala Lumpur. Oleh kerana terdapat beberapa institusi di mana institusi amanah pun tidak dapat mengambil saham yang diperuntukkan oleh kerajaan kepada mereka setelah mengambil kira apabila saham-saham ini disenaraikan di Bursa Saham, harga penyenaian pada masa sekarang khususnya rendah daripada Initial Public Offer (IPO). Oleh yang demikian, kementerian sedang mengkaji perkara ini iaitu setakat mana penurunan ekuiti bumiputera di dalam Bursa Saham Kuala Lumpur dan insya-Allah tidak lama lagi kementerian akan mendapat rumusan daripada kajian tersebut.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, lanjutan daripada tawaran untuk institusi bumiputera, saya dapati pada masa harga saham melambung cukup susah hendak mendapat tawaran daripada MITI. Tetapi di dalam kemerosotan nilai saham di BSKL ini dan secara kebetulan saya sendiri mengetuai satu koperasi, hampir tiap-tiap bulan mendapat tawaran, tetapi kita tidak mengambil tawaran saham itu. Jadi sekarang ini apakah yang menyebabkan MITI begitu mewah untuk menawarkan saham bumiputera?

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Tuan Yang di-Pertua, ini kita balik kepada basic economy iaitu supply and demand. Oleh kerana saham begitu laris sebelum daripada kejatuhan Bursa Saham Kuala Lumpur, maka kita berikan kepada badan-badan amanah supaya badan-badan amanah ini dapat keuntungan daripada saham-saham tersebut. Jadi badan-badan amanah ini boleh mengagihkan keuntungannya kepada jumlah pelabur khususnya bumiputera yang lebih ramai daripada yang terdapat sesebuah

syarikat atau sesebuah koperasi. Tetapi dengan kejatuhan Bursa Saham Kuala Lumpur pada masa ini, sepertimana yang saya terangkan tadi ada juga badan-badan amanah yang tidak dapat mengambil tawaran, oleh kerana boleh jadi kurang pegangan wang tunai, tidak dapat mengambil saham tersebut, maka ianya diberikan kepada badan-badan yang lain, yang kita jangka dapat mengambil saham-saham tersebut.

Kita mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat oleh kerana koperasi beliau telah dipilih dan ini menunjukkan bahawa koperasi Yang Berhormat bagus dari segi pengurusannya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tuan Yunof Edward Maringking.

*[Soalan No. 4 - Y.B. Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran] tidak hadir]*

#### **TABUNG USAHAWAN - PELUANG PINJAMAN**

**5. Tuan Asmat Nungka [Beluaran]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan adakah pihak kerajaan sedar bahawa di Sabah masih kurang yang mendapat peluang pinjaman tabung usahawan ini; dan usaha kerajaan untuk mengatasinya dan jika sudah ada yang berjaya membuat pinjaman berapa jumlahnya setakat ini.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan Yang Berhormat dari Beluran bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat dari Ledang pada 3 Disember dan soalan Yang Berhormat dari Kluang pada 19 Disember memandangkan ketiga-tiga soalan ini mempunyai kaitan dan persamaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Baiklah.

**Tuan Idris bin Jusoh:** Pada masa ini Kementerian Pembangunan Usahawan mengendalikan satu tabung untuk membantu usahawan kecil mendapatkan kemudahan pembiayaan iaitu Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil (SEFF). Tabung ini menawarkan pembiayaan di antara RM10,000 hingga RM50,000 kepada usahawan yang layak. Antara syarat-syarat kelayakan ialah mempunyai lesen perniagaan yang sah, telah menjalankan perniagaan sekurang-kurangnya tiga bulan, bersih dari sebarang rekod pinjaman yang tidak baik dan lulus kursus yang dikendalikan oleh kementerian.

Semenjak tabung ini dilancarkan pada 31 Oktober tahun lalu, sambutan usahawan dari seluruh negara adalah agak menggalakkan. Sehingga 25 November 1997, kementerian menerima 4,460 permohonan. Sebanyak 3,394 telah melepasi tapisan kredit dan layak mengikuti latihan. Pada masa ini seramai 426 usahawan dari seluruh negara telah berjaya mendapat pembiayaan dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM15,150,000. Taburan usahawan yang telah mendapat pembiayaan mengikut negeri ialah seperti berikut:

<b>Negeri</b>	<b>Usahawan</b>
Perlis	11
Kedah	54
Pulau Pinang	9
Perak	25
Selangor	35
Wilayah Persekutuan	55

Negeri Sembilan	9
Melaka	6
Johor	18
Pahang	25
Kelantan	63
Terengganu	77
Sabah	15
Sarawak	24

Bilangan usahawan Sabah yang mendapat kemudahan pinjaman dari Tabung SEFF ini masih agak kecil. Untuk memastikan lebih ramai usahawan mengetahui tentang SEFF, satu majlis pelancaran SEFF di peringkat negeri Sabah telah diadakan pada 29 September yang lalu dan program-program promosi akan diadakan secara berterusan.

Hasil daripada aktiviti di atas, bilangan permohonan yang diterima dari negeri Sabah semakin bertambah. Sehingga 25 November 1997, kementerian telah menerima 177 permohonan dan 112 usahawan telah melepasi tapisan kredit dan layak untuk mengikuti latihan. Di samping 15 usahawan dari Sabah yang telah berjaya mendapat pembiayaan, seramai 12 lagi usahawan telah mengemukakan permohonan mereka kepada bank dan kini sedang dalam proses penilaian.

Selain dari tabung SEFF, terdapat dua lagi kemudahan pembiayaan yang ditawarkan kepada peniaga kecil. Kemudahan tersebut ialah Tabung Pinjaman Penjaja dan Peniaga Kecil (TPPK) yang dikendalikan oleh CGC dan Sekim



Pembiayaan Peniaga Kecil yang dikendalikan oleh MARA. Kedua-dua pinjaman ini ialah pinjaman yang kurang daripada RM10,000 dan Tabung Pinjaman Penjaja dan Peniaga Kecil tadi dijamin sepenuhnya oleh CGC.

Skim Pembiayaan Kecil yang ditawarkan oleh MARA juga menyediakan pembiayaan sehingga RM10,000 dan perbezaan utama tabung SEFF dengan tabung pembiayaan peniaga kecil MARA ialah tabung SEFF tidak memerlukan penjamin dan juga tidak memerlukan cagaran.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, tahniah kepada kementerian yang telah memberikan banyak peluang kepada usahawan-usahawan.

Soalnya saya hendak bertanya di Negeri Sembilan, sejak bila angka '9' ini kekal. Adakah ianya hendak mengekalkan Negeri Sembilan dengan '9' pemohon ataupun apa sebabnya dan saya hendak tahu bagaimana prestasi peminjam-peminjam dari Negeri Sembilan di segi pembayarannya, di segi perniagaannya ataupun segi masalah yang dihadapi?

**Tuan Idris bin Jusoh:** Terima kasih Yang Berhormat dari Jelevu. Angka '9' untuk Negeri Sembilan itu tidak akan kekal sebenarnya. Ia akan bertambah dari masa ke semasa dan sehingga kini prestasi peminjam dari Negeri Sembilan semuanya baik belaka.

### **KERETA PROTON DARI UNITED KINGDOM - KEBENARAN SYARIKAT KERETA MENGIMPORT**

**6. Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada kementerian membenarkan syarikat kereta tempatan mengimport kereta-kereta terpakai Proton dari United Kindgom dan mana-mana negara untuk dibaikpulih dan diperbaharui dan dijual dalam pasaran tempatan sebagai kereta terpakai bermutu sebagaimana

yang dilakukan oleh Proton Corporation Sdn. Bhd. membeli semula dan mengimport kereta-kereta terpakai Proton Wira dari United Kingdom untuk diperbaharui semula (refurbishment) baru-baru ini, kemudian dieksport semula ke seberang laut seperti Afrika dan adakah Proton Corporation Sdn. Bhd. sendiri diberi permit import (AP) bagi maksud tersebut.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Tuan Yang di-Pertua, langkah yang diambil oleh syarikat Proton untuk mengimport semula kereta-kereta Proton untuk ‘refurbishment’, dengan izin dan kemudian dijual semula sebagai kereta terpakai merupakan di antara strategi pemasarannya. Dengan cara ini, Proton berharap dapat mengukuhkan kedudukannya di pasaran antarabangsa dan seterusnya menjamin keupayaan menghadapi cabaran daya saing yang hebat berpunca dari keadaan perdagangan yang semakin liberal.

Kementerian ini sedia menerima permohonan daripada mana-mana syarikat kereta tempatan yang ingin menjalankan aktiviti sedemikian. Walau bagaimanapun, kementerian tidak dapat memaklumkan sekarang sama ada cadangan tersebut dapat diluluskan tanpa mengetahui rancangan syarikat secara terperinci.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini pernah meluluskan permit import pada Proton Corporation Sdn. Bhd. bagi maksud tersebut.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah adakah kereta-kereta Proton tersebut dikenakan duti import? Jika ada berapakah kadarnya atau adakah Proton Corporation diberikan pengecualian atau satu kadar khas lebih rendah dari pengimport biasa kenderaan.

Mengapakah kebenaran mengimport ini diberikan kepada Proton Corporation sahaja dan bukan pengimport kenderaan yang lain?

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Tuan Yang di-Pertua, dia ada tiga soalan, sepatutnya satu sahaja.

Saya hendak menjawab soalan yang ketiga dahulu. Kalau Yang Berhormat dari Cheras dengar tadi bahawa kementerian sedia mengambilkira permintaan dari syarikat-syarikat lain bukan hanya Proton Corporation sahaja, tetapi tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.

Saya rangkumkan soalan pertama dan kedua sekali iaitu berkenaan dengan import duti. Sekiranya Proton bawa masuk kereta tersebut, sebagai contohnya dari United Kingdom kereta itu dibuat refurbishment, dengan izin di Malaysia dan dijual ke Malaysia, maka cukai-cukai tertentu haruslah dibayar. Tetapi sekiranya diimport ke free commercial zone dekat pelabuhan dan refurbishment itu dibuat di free commercial zone itu, kemudian dieksport balik ke negara luar, maka ianya tidak ada import duti yang dikenakan, oleh kerana dari segi added value kita sudah terima dan kita sudah ada added value pada Proton yang dibuat refurbishment itu.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan permit import untuk pengimportan kereta dari negara asing, saya hendak bertanya apakah persediaan yang dibuat oleh kerajaan untuk menghadapi persaingan yang akan dibawa oleh kereta Honda City yang telah dianakangkat oleh negara Thai, kerana selepas pelaksanaan akta tidak lama lagi, tarif untuk

kereta mungkin jatuh ke 20%. Ini akan memberi satu persaingan yang hebat kepada Proton Saga, Proton dan juga kereta Kancil.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam proses globalisasi dan liberalisasi, kita berharap kepada syarikat-syarikat Malaysia dalam konteks ini, Proton dan juga satu dua buah syarikat pengeluar kereta yang lain supaya dapat bersaing dengan pengeluar-pengeluar syarikat di peringkat antarabangsa. Jadi apabila WTO comes into this effect, dengan izin di dalam tahun 2003, maka persaingan akan menjadi begitu hebat dan terpaksa Proton pastikan sekiranya kereta Honda City or may be whatever car, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua hendak masuk ke pasaran Malaysia dan sekiranya kereta Proton bersaing, maka segala insentif, segala bentuk financial incentive yang diberikan oleh Proton dapat juga bersaing dengan apa yang diberikan oleh kereta Honda daripada Thailand. Oleh yang demikian, kita tidak seharusnya memikirkan bahawa ada persaingan yang datang daripada negara lain, tetapi kita mesti memikirkan bahawa kita dalam proses globalisasi dan liberalisasi, seharusnya kita boleh bersaing di peringkat antarabangsa dan juga di dalam pasaran kita sendiri juga.

## **PELAN BENTUK BANGUNAN DAN PERUMAHAN - GARIS**

### **PANDUAN**

7. **Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim [Sabak Bernam]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah satu garis panduan mengenai pelan bentuk bangunan dan perumahan sebelum diluluskan ianya berteraskan kepada ciri-ciri budaya tempatan atau budaya Malaysia. Sekiranya belum ada, disyorkan supaya dijadikan satu syarat atau garis panduan.

**Dato' Azmi bin Khalid]:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini berpendapat bahawa penggalakan (encouragement) dengan izin adalah lebih sesuai dipraktikkan oleh kerajaan berbanding dengan paksaan ke atas masyarakat, para pemaju dan arkitek untuk menggunakan ciri-ciri Malaysia sebagai teras rekabentuk pelan-pelan bangunan di Malaysia. Ini adalah bertujuan untuk tidak membendung kreativiti para arkitek di negara ini.

Bagi bangunan-bangunan tertentu memang sudah ada pun menjadi amalan agar ciri-ciri kesenian dan kebudayaan Malaysia diperkenalkan. Bangunan-bangunan yang dimaksudkan adalah seperti muzium, pejabat pelancongan, chalet-chalet peranginan atau lain-lain bangunan yang ada berkaitan dengan industri pelancongan.

Bagaimanapun, kementerian ini ada menyediakan garis panduan bagi ciri-ciri perumahan yang boleh memudahkan masyarakat tempatan beribadat, berinteraksi dan lain-lain.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah kerajaan berpuas hati dengan nama-nama bangunan dan pangsapuri-pangsapuri yang tidak langsung mencerminkan kita berada di Malaysia?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Kerajaan memang tidak berpuas hati dengan nama-nama yang diberikan kepada bangunan-bangunan terutama di Kuala Lumpur dan di tempat-tempat besar. Ini mencerminkan bahawa pihak-pihak yang memajukan ini mempunyai inferiority complex. Inferiority complex memang wujud dalam masyarakat kita. Misalnya kalau kita jual goreng pisang

di gerai-gerai, kita sanggup memanggilnya 'pisang goreng', tetapi apabila pisang itu dijual di hotel-hotel ia sudah ditukar nama kepada 'banana fritters'. Tetapi kalau kita pergi ke restoran-restoran Jepun sama ada kita di Amerika, di Singapura atau di mana-mana, kita sendiri rakyat Malaysia tidak segan silu, kita memang mengenal dengan perkataan 'swesee', 'sasumee', 'meesosop' dan sebagainya. Kalau nama diperkenalkan di tempat kita, kita masih mempunyai satu kompleks yang membanggakan unsur-unsur luaran. Ini adalah satu perkara yang tidak patut diteruskan, kalau Yang Berhormat mencadangkan supaya perkara ini diserangi, diperangi dengan hebatnya, maka saya rasa kementerian akan memberi perhatian.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau kita lihat jabatan-jabatan kerajaan sama ada Polis, Kastam, Imigresen dan sebagainya, semuanya menggunakan satu pelan sahaja. Jadi saya dengar senang hendak lulus, satu pelan boleh buat bangunan di seluruh negara, satu pelan boleh bina untuk bermacam-macam bangunan.

Sekarang ini Kementerian Pendidikan berlandaskan design and built boleh meluluskan iaitu design yang berlainan sedikit - alhamdulillah. Tetapi persoalan saya adakah kerajaan masih menggunakan satu pelan untuk semua jabatan kerajaan dan tidak ada variation langsung, jadi semua merupakan 'bangsal' sahaja orang kata.

**Seorang Ahli:** Tidak elok.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jadi, ciri-ciri kemalaysianan ini tidak ada di dalam reka bentuk yang telah digunakan oleh kerajaan.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi reka bentuk sememangnya menggunakan standard plan - amat mudah, oleh kerana standard plan itu sudah diketahui berapa costingnya. Jadi, kalau hendak dikirakan kos memang senang dan mudah, kalau hendak dilaksanakan sesuatu projek itu dengan cepat memang senang dan mudah. Cuma ada masalah, ada tempat-tempat di mana standard plan itu digunakan untuk dibina di atas bukit, maka ada tempat-tempat di mana 'diparangkan' bukit untuk dibina bangunan. Ini adalah satu amalan yang tidak baik, yang tidak sepatutnya berlaku, tetapi ada juga majlis-majlis tempatan atau pihak berkuasa tempatan yang mengambil berat bahawa tiap-tiap pelan bangunan yang dikemukakan sama ada oleh kerajaan atau tidak mesti mempunyai ciri-ciri yang tertentu. Walaupun kita tidak mempunyai satu arahan yang berterusan, tetapi digalakkan pihak-pihak berkuasa tempatan mengambil berat tentang ciri-ciri reka bentuk.

### **RENCANA BERUNSUR SEKS - TINDAKAN TERHADAP PENERBIT/PENCETAK DAN PENGEDAR**

**8. Che Ibrahim bin Mustafa [Sungai Petani]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) tindakan yang diambil terhadap penerbit, pencetak dan pengedar yang menyalahgunakan kebebasan akhbar dengan menyiarkan rencana yang keterlaluan berunsur seks, yang bertujuan untuk melariskan penjualan; dan

- (b) menyatakan bilangan tindakan yang diambil serta denda yang dikenakan dan apakah langkah-langkah ini mendatangkan kesan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengambil tindakan terhadap penerbit, pencetak dan pengedar yang menyiarkan rencana yang keterlaluan berunsur seks semata-mata untuk melariskan penjualan penerbitan mereka mengikut peruntukan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Di antara tindakan yang biasanya diambil termasuklah memberikan nasihat, teguran atau amaran kepada penerbit serta pencetak dan sekiranya nasihat, teguran dan amaran yang diberikan tidak diendahkan, maka tindakan menggantung atau membatalkan permit penerbitan dan tindakan menggantung atau membatalkan lesen mesin cetak akan diambil. Di samping itu, sekiranya penerbitan yang berkenaan sangat negatif, ianya akan diharamkan di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

- (b) Dari tahun 1996 hingga Oktober 1997, Kementerian Dalam Negeri telah mengambil tindakan ke atas 38 penerbit kerana menerbitkan rencana atau gambar yang



berunsur negatif termasuklah yang berunsur seks dan lucu. Kementerian Dalam Negeri berpendapat tindakan yang telah diambil adalah berkesan.

**Che Ibrahim bin Mustafa:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada KDN sedar bahawa sejak akhir-akhir ini, di dalam ruangan pendidikan seks dalam akhbar-akhbar mingguan terutamanya dan akhbar-akhbar tabloid, kadang-kadang banyak digalurkan tentang kisah-kisah seks yang amat keterlaluan dan amat lucu. Adakah kerajaan sedar dan apakah tindakan yang diambil?

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar tentang kecenderungan terutamanya dalam satu dua tahun ini. Sebenarnya telah pun beberapa kali Kementerian Dalam Negeri memberi teguran, amaran termasuk dua kali kementerian telah menggantung permit tabloid. Salah satu tabloid yang begitu ghairah untuk mempamerkan ataupun menerbitkan unsur-unsur yang tidak sihat itu. Namun demikian, kementerian juga sentiasa mendapat teguran dan kritikan daripada pihak penerbit. Mereka selalunya menggunakan alasan dengan mengatakan 'zaman moden ini tidak boleh kita ketat sangat dan ada juga orang kata kita tidak demokratik kerana cuba hendak menyekatkan kebebasan akhbar atau majalah. Bagaimanapun kementerian sentiasa ada pendirian yang seimbang, iaitu kita tetap akan menjaga kemoralan tanpa meruntuhkan akhlak moral negara kita. Kita akan terus mengambil tindakan tidak kira apa kritikan untuk kepentingan masyarakat negara kita termasuk membatalkan permitnya, itu tetap akan dijamin.

**Tuan Mohamed Khalid bin Nordin:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita boleh membaca akhbar melalui Internet dan akhbar dalam Internet lebih daripada cerita lucu dan cerita seks. Jadi, apakah persediaan kementerian bagi menghadapi keadaan ini, adakah tindakan kementerian terhadap penerbit dan sebagainya amat berjaya serta bagaimana pula dengan pembaca, apakah tindakan kementerian terhadap pembaca?

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat masih ingat pernah Kementerian Dalam Negeri menerangkan satu langkah untuk menyediakan kepada pembaca, tertutamanya ibu bapa dan pemuda iaitu klasifikasi filem. Sebenarnya klasifikasi filem itu adalah untuk menyediakan secara psikologi terhadap orang awam di mana apabila mereka tahu sesuatu filem ataupun gambar itu bermaksud untuk orang dewasa sahaja, maknanya tidak sesuai untuk orang muda, maka melalui klasifikasi itu judgement, dengan izin orang dewasa akan menjadi lebih tepat dan adalah salah satu cara boleh menyediakan pembaca-pembaca Internet.

Bagi Internet selagi mereka itu tidak didownload, tidak dicetak semula, maka Akta Mesin Cetak tidak boleh diguna untuk bertindak terhadap mereka. Walau bagaimanapun, saya difahamkan kerajaan melalui kementerian yang lain memang ada mengawasi Internet walaupun pada masa sekarang kita tidak boleh bertindak dengan cepat, tetapi kita sedang memikirkan satu cara yang lebih berkesan.

**KLINIK DAN HOSPITAL SWASTA - KADAR BAYARAN**

**9. Tuan Kamarudin bin Ahmad [Arau]** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan klinik-klinik swasta dan hospital swasta mengenakan bayaran tanpa mengeluarkan resit di atas bayaran perkhidmatan dan perubatan. Adakah kementerian bercadang untuk menguatkuasakan arahan mengeluarkan resit dan peraturan kewangan yang sewajarnya agar bayaran yang dikenakan tidak terlampau tinggi yang akhirnya akan membebankan pesakit.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]:** Tuan Yang di-Pertua, bil terperinci atau resit rawatan yang menunjukkan kos pemeriksaan dan kos ubat boleh didapati daripada pengamal perubatan swasta atas permintaan.

Adalah menjadi tanggungjawab pengamal-pengamal perubatan swasta itu sendiri untuk mengeluarkan bil rawatan tersebut. Persatuan Perubatan Malaysia, Association of Private Hospital Malaysia (APHM) dan Federation of Private Medical Practitioners Association of Malaysia serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah bersetuju agar pengamal perubatan di klinik dan hospital swasta menyediakan bil terperinci rawatan kepada pesakit. Setakat ini telah dipersetujui untuk mengeluarkan bil tersebut jika diminta oleh pesakit.

Cadangan untuk menguatkuasakan arahan mengeluarkan resit dan peraturan kewangan yang sewajarnya berdasarkan kepada suatu garis panduan fee sedang dipertimbangkan di dalam rang undang-undang yang baru untuk hospital swasta.

**Datuk Lim See Cheng:** Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kementerian telah membuat satu keputusan supaya hospital swasta perlu menyediakan tempat untuk pesakit yang datang daripada keluarga miskin.

Jadi, soalan tambahan saya bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini sambutan yang dapat diterima oleh kementerian daripada pihak hospital swasta. Adakah kementerian Yang Berhormat akan menentukan tempoh masa untuk hospital swasta berbuat demikian?

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini agak terkeluar daripada soalan asal, tetapi saya akan terus menjawab. Sebenarnya wad kebajikan yang dimaksudkan untuk memberi perhatian kepada pesakit-pesakit yang kurang bernasib baik ini sudah pun dimaklumkan supaya semua hospital swasta memberi sedikit peruntukan, malah satu jawatankuasa bersama yang telah diwujudkan oleh kementerian dalam cadangan bagaimana untuk mengatasi masalah ketinggian kos dan memberi pertimbangan kepada pesakit yang kurang bernasib baik itu. Kementerian sudah mencadangkan beberapa faktor seperti:

- (i) mencadangkan supaya disediakan sebahagian peratusan daripada keuntungan untuk diberi keperluan bagi membiayai wad kebajikan ini bagi pesakit yang kurang bernasib baik; dan
- (ii) untuk mewujudkan satu petunjuk di semua hospital swasta yang mengamalkan sama ada mereka mengikuti dan memberi perhatian tentang pelaksanaan wad kebajikan ini.

Setakat ini nampaknya satu sambutan yang baik di kalangan hospital swasta, tetapi belum ada sebarang tindakan untuk menguatkuasa. Mungkin kalau didapati bahawa ada keperluan, satu peruntukan boleh dipertimbangkan dalam satu akta baru.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tahu adakah kerajaan ingin menggubal apa-apa undang-undang atau mengambil tindakan bila resit dikeluarkan oleh klinik-klinik, detail itu ada ditulis mengenai apakah drugs yang diberi misalannya panadol dan sebagainya? Detail of the prescription, yang pertama. Adakah kerajaan juga bercadang di masa akan datang apabila kita berjumpa dengan doktor di klinik-klinik, kita dapat consultation mengenai apakah drugs yang perlu dibeli, kita boleh beli di luar, tidak perlu beli di klinik-klinik tersebut.....

**Seorang Ahli:** Soalan ane?

**Tuan M. Kulasegaran:** Sudah beri ane. *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah memaklumkan bahawa tidak ada penguatkuasaan, tetapi Kementerian Kesihatan telah mengadakan perbincangan dengan ketiga-tiga persatuan dan wakil daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengenai perkara ini dan bagaimana untuk mengatasinya.

Pertama, supaya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna memberi satu garis panduan mengenai pemberian maklumat atau bayaran (charge) kepada pesakit dan pengguna oleh pihak klinik dan

bukan secara mandatori, maknanya pesakit itu mesti memohon atau minta bil detailnya.

Kedua, KPDN dan HEP, FOMCA, CAP dan sebagainya mengadakan kempen dan ceramah untuk memberi kesedaran dan galakan kepada orang ramai untuk mendapatkan keterangan lanjut. Mereka harus menuntut caj rawatan daripada doktor-doktor mereka dan juga persatuan-persatuan doktor menyedarkan ahli-ahli tentang perkara ini serta menasihatkan mereka supaya memberi butiran-butiran bayaran itu kepada pesakit-pesakit mereka.

Bil terperinci yang dimaksudkan adalah mengikut pecahan bayaran seperti berikut:

- (i) caj konsultasi;
- (ii) caj setiap ubat yang diberi;
- (iii) caj prosedur;
- (iv) caj ujian-ujian dan lain-lain caj.

Itu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat  
Cik Sukinam Domo.

*[Soalan No. 10 - Y.B. Cik Sukinam Domo (Batang Sadong) tidak hadir]*

#### **PIL DIET FEN-PHEN (GENFLURAMINE DAN PHENTERMINE) - KESAN TERHADAP INJAP DAN PEMBULUH JANTUNG**

**11. Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]** minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa banyak kes injap dan pembuluh jantung bermasalah berlaku kesan dari pengambilan pil diet Fen-phen (genfluramine dan phentermine) yang popular

yang menyebabkan kerosakan pada injap jantung. Apakah langkah-langkah diambil oleh kementerian bagi memastikan bahawa pil diet yang lain atau serat diet selamat dimakan.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Penggunaan bersama ubat Fenfluramine dan Phentermine dengan dosej yang rendah untuk melangsingkan badan di Amerika Syarikat tidak diamalkan di negara kita. Laporan Food and Drug Administration, Amerika Syarikat menunjukkan penggunaan Fenfluramine ada kaitan dengan kerosakan injap jantung. Setakat ini Kementerian Kesihatan tidak menerima sebarang laporan kes kerosakan injap jantung di Malaysia.
- (b) Kementerian Kesihatan telah mendaftarkan 4 keluaran Fenfluramine untuk pemasaran dalam negara ini. Keluaran ini hanya boleh digunakan atas nasihat dan preskripsi pengamal perubatan.
- (c) Sebagai langkah untuk mengelakkan kejadian kerosakan injap jantung, Pihak Berkuasa Kawalan Dadah, Kementerian Kesihatan telah menggantung pendaftaran semua keluaran Fenfluramine pada 29 September 1997. Pengedar-pengedar juga dikehendaki memanggil balik stok semua keluaran ini dari pasaran.
- (d) Pihak Berkuasa Kawalan Dadah, Kementerian Kesihatan juga mendaftarkan 7 keluaran Phentermine untuk rawatan

obesity. Kementerian Kesihatan masih membenarkan penjualan keluaran Phentermine oleh sebab ia tiada kaitan dengan kesan advers yang dilaporkan di Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan akan terus mengawasi penggunaan ubat ini supaya ia tidak disalahgunakan. Langkah-langkah yang diambil termasuk:

- (i) menggunakan kebenaran import/eksport.
  - (ii) mendapatkan laporan bulanan pengimportan, penjualan keluaran tersebut dari pembekal-pembekal.
- (e) Bagi mengurangkan berat badan, Kementerian Kesihatan menggalakkan program pemakanan yang sihat dan senaman tanpa pengambilan ubat-ubatan. Pil-pil anti-obesity hanya diperlukan atas nasihat ikhtisas perubatan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, bercakap berkenaan melangsingkan badan ini, tadi kita menyentuh mengenai ubat. Jadi, saya ingat perkara ini tidak jauh, bukan terkeluar dari soalan, saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjawab. Adakah Yang Berhormat sedar ada juga mesin-mesin senaman yang dijual pada hari ini kadang-kadang bukan menyihatkan badan, pada hal menyakitkan badan dan menegangkan urat-urat. Contohnya saya sendiri biasa menggunakan satu mesin, tetapi sebulan saya sakit pinggang, sebab kononnya mesin itu boleh mengempiskan perut, jadi saya



beli dan akhirnya mesin tersebut menyusahkan pinggang saya pula, sebulan saya sakit pinggang dan 'off'. *[Ketawa]* Jadi, adakah....

**Beberapa Ahli:** 'Off' apa? 'Off apa'? *[Ketawa]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Jadi, adakah....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Apa hubung kaitnya soalan Yang Berhormat dengan soalan asal.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Ya. Jadi, adakah pihak kementerian bercadang untuk memastikan bahawa.....

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** *[Masuk ke dalam Dewan dengan memakai cermin mata hitam]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Orang buta masuk....*[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Orang buta masuk ya! *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Itu magic apa? *[Ketawa]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Jadi, adakah pihak kementerian akan mengkaji supaya mesin-mesin atau alat-alat senaman ini sesuai untuk digunakan oleh manusia supaya ia tidak akan merosakkan badan, seperti kadang-kadang iklannya begitu baik sekali tetapi hasilnya tidak memadai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Saya rasa soalan ini jauh terkeluar dari soalan asal Yang Berhormat?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Kes langsing badan, diet - diet.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ini bersabit dengan pil-pil yang ada hubung kaitnya dengan penyakit jantung Yang Berhormat, bukannya mesin.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Pokoknya 'langsing'.  
*[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Teluk Intan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak jawabkah?

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** *[Tidak menjawab]*

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai pil-pil diet....

**Seorang Ahli:** Point of order.

**Tuan M. Kulasegaran:** .... adakah ia di'encourage' atau digunakan di negara ini memandangkan ramai wanita di negara ini yang mengatakan 'is more on the obesities side' dengan izin, yang ada kena-mengena dengan ini. Ada juga disiarkan di dalam surat khabar bahawa yang mengambil pil-pil ini telah mengalami side effect. Jadi, apakah tindakan kerajaan dalam hal ini?

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Saya rasa soalan itu ada berkaitan iklan berkenaan dengan ubat-ubat melangsingkan badan.

Kementerian Kesihatan sedar akan penyiaran iklan barangan berhubung dengan melangsingkan badan yang mungkin melanggar Tata Amalan

Pengiklanan Malaysia (Malaysia Code of Advertising Practice). Jadi, Tata Amalan ini adalah panduan untuk Persatuan-persatuan Penerbit, Pengiklan dan Agen Pengiklanan yang diterbitkan dan dikendalikan oleh Lembaga Piawaian dan Pengiklanan Malaysia. Tata Amalan ini tidak dikuatkuasakan oleh Kementerian Kesihatan. Namun begitu, di bawah Akta Ubat, Iklan dan Penjualan 1996 yang disemak pada tahun 1983, semua iklan produk untuk mencegah, merawat dan me'diagnosis' penyakit perlu mendapat kelulusan Lembaga Iklan, Kementerian Kesihatan terlebih dahulu sebelum penyiarannya. Jadi, iklan barangan untuk melangsingkan badan atau kecantikan tidak ditakrifkan sebagai rawatan penyakit di bawah akta tersebut. Walau bagaimanapun, tindakan boleh diambil ke atas iklan berkenaan di bawah akta ini, jika ia menyentuh tentang sebarang rawatan penyakit manusia.

Tuan Yang di-Pertua, tadi soalan Yang Berhormat [*kepada Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin*] sebelum daripada ini tidak boleh dijawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Sebenarnya soalan itu kalau tidak silap saya berkait dengan mesin Yang Berhormat, bukannya pil-pil ataupun ubat.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih.

#### **SAMPAH DI SEKITAR BANDAR KUALA LUMPUR - KAWALAN KADAR PEMBUANGAN**

**12. Datuk Abu Seman bin Haji Yusof [Alor Gajah]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah berterusan yang telah diambil oleh pihak berkuasa untuk mengawal kadar membuang sampah di sekitar bandar Kuala Lumpur kerana masih banyak terdapat rakyat yang tidak berdisiplin dan masih berbuat demikian di sekitar kompleks membeli belah seperti Pasar Seni, perhentian stesen bas dan kompleks-komplek sukan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]:** Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengambil beberapa tindakan dalam usaha menjaga kebersihan dan mengawal kadar pembuangan sampah di Bandaraya Kuala Lumpur. Langkah-langkah yang telah diambil dalam menangani masalah ini di antaranya ialah:

- (i) mempertingkatkan tindakan-tindakan menguatkuasa ke atas orang ramai sama ada individu, penjaja dan tuan punya premis perniagaan yang membuang sampah sesuka hati di tempat-tempat awam;
- (ii) menaikkan kadar kompaun kesalahan membuang sampah dari RM30 kepada RM100;
- (iii) mengambil tindakan mahkamah, sekiranya pesalah gagal membayar kompaun serta-merta dalam tempoh 14 hari;
- (iv) menangkap pesalah-pesalah dan terus dihadapkan ke mahkamah. Setakat ini seramai 22 orang pesalah telah dihadapkan ke mahkamah;
- (v) menempatkan kakitangan penguatkuasa berpakaian biasa (preman) di kawasan-kawasan perhentian bas, kompleks membeli belah dan lain-lain kawasan tumpuan orang ramai; dan
- (vi) melaksanakan pendekatan secara pendidikan dan nasihat secara berterusan kepada orang awam bagi menanam sikap bertanggungjawab untuk menjaga kebersihan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya kira enforcement ataupun penguatkuasaan pihak Bandaraya dan sebagainya tidak begitu ketat. Itulah sebabnya kita dapat lihat bahawa bila ada operasi bandar bersih, bila senyap operasi bandar jadi kotor. Jadi, adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya pertamanya mempertingkatkan penguatkuasaan dengan memperbanyakkan lagi pegawai-pegawai penguatkuasa untuk menangkap orang-orang yang membuang sampah.

Kedua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa pihak syarikat yang diswastakan untuk membersihkan kawasan-kawasan di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur tidak begitu baik menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka. Apakah tindakan kementerian untuk mengatasi masalah ini?

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Tuan Yang di-Pertua, memang kita sudah singkatkan penguatkuasaan. Malahan operasi anti kekotoran ini kita lancarkan sejak tiga bulan sudah, kita buat operasi sekurang-kurangnya tiga kali seminggu. Malahan kalau hendak tengok dari segi angka, daripada bulan Ogos sampai bulan Oktober, tetapi bulan November belum kira lagi, kita sudah tangkap 3,843 orang tidak termasuk Ahli Yang Berhormat. Ini individu, penjaja, premis berpandu. Maknanya ramailah lebih kurang 4,000. Jadi, memang kita pertingkatkan dan kita memang tangkap.

Mengenai hal mengangkut sampah yang telah diswastakan kita sudah jawab banyak kali, Tuan Yang di-Pertua. Memang ada room for improvement, ada ruang untuk diperbaiki lagi. Memanglah kita sedang mengadakan berbagai-bagai cara untuk mengawas dan mempertingkatkan lagi cara-cara Alam Flora mengangkut sampah.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu Bandaraya yang mengutip sampah ini dia buang di mana. Itu yang pertama, yang keduanya, sampah-sampah ini masih di....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, soalan tambahan biasanya satu sahaja.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Ini (b) *[Ketawa]* Bilakah Bandaraya hendak membeli incinerator atau alat pembakar sampah. Sebab saya ingat sudah sampai masanya untuk Bandaraya dan Jabatan Perdana Menteri mengarah supaya semua bandar-bandar memakai incinerator untuk membakar sampah-sampah, terutama sekali sampah-sampah DAP. *[Ketawa]*

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Tuan Yang di-Pertua, dahulu semasa mengutip sampah dibuang di Kuala Lumpur juga, iaitu di Sungai Besi, di daerah Kepong, di daerah Jinjang, banyak di kawasan pembangkanglah. Tetapi oleh sebab tempat-tempat ini sudah penuh, maka sekarang tempat buang sampah ini diubah di Selangor. Bukan kita hendak eksport tetapi tempat di Kuala Lumpur tidak ada, jadi kita buang di Bukit Air Hitam. Memang ada tempat buang sampah, jangan bimbang sebab banyak orang fikir bahawa kita buang sampah merata-rata.

Perkara kedua ialah berkenaan incinerator. Memang ada banyak cadangan dikemukakan kepada Dewan Bandaraya dan juga kepada kementerian. Tetapi didapati bahawa dari segi kos ia

terlalu tinggi dan jika dibandingkan kosnya tidak efficient, dengan izin. Tinggi sangat kos incinerator ini. Walau bagaimanapun, saya berpendapat satu hari nanti mungkin kita gunakan incinerator. Pada ketika ini masih lagi digunakan pelupusan sampah secara tanam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun suntuk.

*[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10, 13 hingga 31 akan dijilid dalam buku berasingan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1998**

**DAN**

**USUL**

### **ANGGARAN PEMBANGUNAN 1998**

#### **Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 1998 dan Anggaran Pembangunan 1998 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” **[Hari Kesebelas]**

**Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

**Maksud B.44 [Jadual] -**

**Maksud P.44 [Anggaran Pembangunan 1998] -**

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat dari Parit Sulong diminta sambung. Yang Berhormat diingatkan bahawa ada beberapa minit lagi.

**3.36 ptg.**

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya membangkitkan sekali lagi iaitu Butiran 020100 - Rancangan, yang menerima belanja RM63 juta,

Butiran 030200 - Perkhidmatan Luar Sivik dan Masyarakat yang menerima peruntukan RM52.78 juta, Butiran 030400 - Penerbitan, yang mendapat peruntukan RM2.85 juta, Butiran 030600 - Geraksaraf, yang mendapat peruntukan RM708,000 dan juga Butiran 060100 - Sukan Komanwel, yang mendapat peruntukan RM17.1 juta.

Tuan Pengerusi, saya menjelaskan semalam bahawa saya ingin bertanya berapa banyakkah stesen-stesen radio swasta dan TV swasta yang telah pun wujud dalam negara kita sekarang? Adakah kerajaan ataupun pihak Kementerian Penerangan mempunyai kuasa untuk mengawal 'contain'nya ataupun perisian daripada radio dan juga TV ini. Saya bertanya ini oleh kerana saya difahamkan bahawa Astro, iaitu TV satelit yang mengambil beberapa banyak rancangan daripada satelit, adakah ini menerima kawalan dari segi kontennya oleh pihak sama ada Kementerian Dalam Negeri ataupun Kementerian Penerangan. Saya membangkitkan persoalan ini oleh kerana feature filem atau filem-filem kebanyakan, iaitu wayang gambarnya adalah saya rasa melepasi jaring-jaring tapisan filem. Jadi, adakah perkara ini boleh dikuatkuasakan?

Yang keduanya, radio-radio swasta, semalam saya bertanya Setiausaha Parlimen berapa banyak radio swasta sekarang ini yang berbahasa Inggeris sebagai media perantaraannya, dan berapa banyak juga radio swasta yang boleh diizinkan untuk mencampuradukkan Bahasa Malaysia dengan bahasa Inggeris. Saya tahu ada stesen RTM sendiri menggunakan satu sistem komunikasi campur aduk, iaitu yang kadang-kadang pihak juruhebahnya bercakap Bahasa Malaysia tetapi pihak yang menelefon cakap bahasa Inggeris. Ada juruhebah bercakap bahasa Inggeris tetapi pihak yang menelefon bercakap Bahasa Malaysia. Saya sudah tegur dalam Belanjawan tahun lalu. Adakah ini pilihan kita daripada kementerian, wakil kerajaan, iaitu saluran rasmi ataupun perkara ini terlepas oleh kerana mungkin kurang pengawalan ataupun pemantauan daripada kita.

Pada masa yang sama, saya juga membabitkan dengan masalah contain Perkhidmatan Luar Sivik dan Masyarakat, Penerbitan, Geraksaraf dan Rancangan di dalam kita menangani isu-isu semasa yang mendesak dan kritikal. Saya mengambil contoh, isu semasa hari ini iaitu isu krisis mata wang dan juga kejatuhan pasaran saham yang sekali gus kita boleh ibaratkan sebagai isu ekonomi negara. Berapa cepatkah pihak Kementerian Penerangan menggunakan jentera-jenteranya sama ada menggunakan televisyen, radio, penerbitan dan juga penerangan khas di peringkat akar umbi untuk menangani isu-isu ini dan memberi penjelasan isu-isu ini sejelas-jelasnya kepada masyarakat di peringkat akar umbi.

Tuan Pengerusi, saya bertanya ini kerana kelambatan kita untuk memberi penjelasan yang sejelas-jelasnya dalam bentuk apa sekali pun memberi ruang kepada pihak pembangkang untuk mengeksploitasi isu ini kepada arah yang amat meracuni pemikiran rakyat. Umpamanya, hari ini kita baca kepala *Utusan Malaysia*, kenyataan daripada Yang Berhormat dari Merbok yang juga Penasihat Ekonomi Negara mengenai bank-bank kita kukuh. Mengapa ada satu penjelasan sebegini. Oleh kerana ada tohmah-tohmah kebelakangan ini daripada pihak pembangkang khususnya di beberapa kawasan. Saya dapat mengesan hari Jumaat yang lalu sewaktu saya berada di Kelantan, pembangkang mana yang berkuasa di Kelantan. Banyak orang bertanya adakah bank kita stabil. Siapa yang membawa edaran berita-berita palsu bahawa bank Malaysia tidak stabil. Kalau ini berlaku siapakah yang harus bertanggungjawab menyampaikan kepada rakyat bahawa berita keadaan ekonomi kita walaupun diserang kita adalah kukuh. Tidakkah kita memerlukan satu saluran tindakan untuk menyalurkan maklumat kepada rakyat.

Cuba kita kesan rancangan-ancangan radio, apa rancangan radio yang telah dibuat untuk kita menjelaskan kepada rakyat bahawa kita berhadapan dengan krisis dan rakyat harus bertenang. Bagaimanakah kita mentafsir kenyataan Perdana Menteri supaya rakyat berjimat-cermat. Apa bentuk program radio yang telah ada, apa bentuk program TV yang telah ada, apa bentuk risalah-risalah yang telah diedarkan kepada rakyat. Kita amat perlahan dan ini kita membuka ruang kepada pihak pembangkang dengan seluas-luasnya. Oleh kerana mereka dengan cara tidak bertanggungjawab membawa maklumat yang diputarbelitkan kepada rakyat demi kepentingan politik dia tanpa menghirau the total sum ataupun keputusan akhirnya yang agak merugikan kita semua.

Tuan Pengerusi, saya harap kita bertindak tegas dan cepat mengenai hal ini. Saya tahu Kementerian Penerangan telah banyak menjalankan usaha-uasaha yang baik. Tetapi di dalam berhadapan dengan satu keadaan krisis kita harus melaksanakan strategi-strategi krisis management. Apa perancangan kita pada masa hadapan dari segi saya kata sekali lagi menyalurkan maklumat yang tepat daripada kerajaan kepada rakyat di bawah akar umbi. Saya tidak mahu diwujudkan maklumat yang bercanggah. Kita ahli-ahli Parlimen sedia turun ke padang, kita telah memberi ikrar kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi atas talking point yang mana. Adakah talking point mengikut perception kita ataupun talking point yang mahu diselaraskan ataupun talking point yang rasmi yang boleh dapat menebalkan lagi keyakinan rakyat kepada kerajaan.



Saya bimbang sekiranya perkara ini kita tidak mahu menangani secara teratur dan kalau kita tidak mahu menggabungkan dan melihat perkara ini sebagai krisis, maka pihak pembangkang akan terus mengaut keuntungan political mileage dan rakyat akan terus teracun pemikirannya.

Tuan Pengerusi, satu lagi contoh saya ambil, iaitu Koridor Raya Multimedia dan teknologi multimedia ataupun teknologi informasi atau maklumat. Baru beberapa bulan yang lalu RTM melancarkan kempen teknologi maklumat. Perdana Menteri telah pun mengelilingi dunia bercerita perkara ini lebih kurang sudah dua tahun. Apa yang kita jelaskan kepada rakyat katakan teknologi maklumat sebagai tools atau sebagai perkakas untuk enhance ataupun memperbaiki kualiti hidup sebagai satu aspek. Kita harus melihat teknologi maklumat sebagai persiapan mindanya yang macam mana, sebagai persiapan generasinya macam mana, teknologi maklumat dari sektor perniagaan yang macam mana. Ini tidak dijelaskan kepada rakyat. Perdana Menteri muncul dalam televisyen membuat kenyataan berapa jauh sampai kepada rakyat.

Kita harus tahu bahawa latar belakang budaya kita adalah latar belakang rakyat yang suka mendengar secara lisan, talk communication ataupun hubungan lisan. Apa yang kita buat dari segi penerangan di peringkat bawah, tidak ada. Di samping komunikasi lisan harus juga ada makalah-makalah yang bercetak secara hitam-putih supaya apabila dia sudah mendengar, dia berminat dan dia merujuk balik kepada makalah, tidak ada. Ini harus dilakukan sekiranya kita mahu mengiringi dasar-dasar kerajaan, sekiranya kita mahu mengiringi kenyataan-kenyataan pemimpin supaya menjadi satu tindakan yang tegas, tuntas sehingga ke bawah.

Tuan Pengerusi, saya bimbang betul-betul dalam hal ini.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sila gulung ya.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Umpamanya, sekarang rancangan-rancangan televisyen. Saya tahu Kementerian Penerangan, saya ada maklumat secara tidak rasmi berhubung katanya kita tidak ada mempunyai pakar. Kerajaan mempunyai gabungan kapakaran yang luas. Kementerian Kewangan ada, Unit Perancang Ekonomi ada, MIER ada gabungan, mengapa kita tidak duduk bersatu di dalam menangani krisis, umpamanya.

Saya harap perkara ini dilaksanakan seberapa segera sebelum terlalu lambat, masuk angin. Saya harap pada waktu yang sama rancangan-rancangan radio, televisyen harus dihasilkan berapa persen terhadap kita menangani krisis pada hari ini. Oleh kerana yang kita hadapi sekarang bukan main-main, yang kita hadapi sekarang serius dan keadaan masa depan belum lagi menentu. Jadi, kalau

kita tidak sama-sama menanamkan, menyiapkan minda, preparing the mind kepada rakyat, sekiranya perkara yang lebih buruk akan berlaku, maka rakyat akan berhadapan dengan satu kejutan yang amat memeranjatkan yang boleh menjejaskan kestabilan politik dan juga keseluruhannya. Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Balik Pulau.

**3.46 ptg.**

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Maksud Bekalan B.44, kita melihat bahawa pada tahun hadapan kita akan diperuntukkan sejumlah RM836 juta untuk Kementerian Penerangan untuk mereka lakukan berbagai-bagai perkara. Kalau saya tengok di sini peruntukan yang khusus kepada RTM sahaja adalah agak banyak. Dalam pembangunan daripada RM50 juta lebih, kita tengok hampir setengah adalah diperuntukkan terus kepada RTM.

Perkara yang saya akan bangkitkan telah saya bangkitkan pada masa yang lepas, iaitu dengan Dewan Rakyat, Parlimen memperuntukkan wang begitu banyak kepada kementerian ini khususnya kepada RTM. Ini wang kerajaan, wang rakyat. Sekali lagi saya timbulkan isu kenapa dengan kita memperuntukkan wang yang begini banyak kepada satu daripada jabatan ataupun institusi awam, pada masa yang sama kita ataupun rakyat tidak mempunyai satu siaran awam. Pada masa yang sama kementerian juga mengutip lesen TV dan radio.

Sekarang ini RTM1 dan RTM2 bukan public station, kerana mereka menjual air time. Dengan mereka menjual air time tersebut mereka mengadakan rancangan dan sebagainya. Maknanya ini menunjukkan bahawa di dalam negara kita hari ini kita tidak ada public station. Kenapakah oleh kerana kita beri duit kepada kementerian ini, duit yang diluluskan oleh Parlimen sendiri, duit yang dikutip daripada hasil kerajaan kepada satu agensi atau jabatan kerajaan tetapi kita masih tidak ada satu public broadcasting station.

Pada masa yang sama kerajaan juga kutip lesen TV daripada rakyat untuk rakyat mempunyai hak ataupun privilege untuk tengok TV. Ini satu ketidakkonsistensi yang perlu dijelaskan oleh kementerian ini. Adakah kementerian tidak mempunyai satu perancangan untuk mewujudkan satu stesen televisyen yang dimiliki oleh awam yang tidak ada penjualan pengiklanan yang mana programnya tidak didorong oleh pertimbangan-pertimbangan komersial. Ini berbalik kepada soal yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong. Jika ada sebuah stesen TV yang dimiliki

oleh awam sepenuhnya dan memang patut pun ada sebuah stesen TV yang dimiliki oleh awam. Kalau tidak fasal apa kita beri duit kepada Kementerian Penerangan dan juga kepada RTM.

Jadi, kalau ada stesen awam maka masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong dari segi program penerangan yang mungkin tidak ada nilai komersialnya kalau kita hendak tengok dari segi bidding yang dibuat oleh pengiklan-pengiklan boleh disalurkan menerusi program tersebut untuk menjelaskan tentang krisis ekonomi yang dihadapi oleh negara sekarang ini. Ataupun satu perkara lain yang boleh dilakukan yang sepatutnya dilakukan sekarang tetapi boleh dilakukan kalau ada mekanisme yang saya sebutkan tadi. Satu daripada perkara yang saya selalukan timbulkan ialah proses politik dalam negara kita hari ini terasing daripada rakyat. Rakyat tidak tahu apa yang terjadi di dalam Dewan Rakyat ini. Nama sahaja Dewan Rakyat, tetapi rakyat tidak tahu apa yang terjadi dalam Dewan Rakyat ini. Kalau ikut liputan media cetak tidak banyak mana sangat. Tetapi kalau ada satu public broadcasting station, maka apa yang berlaku dalam Dewan ini rakyat dapat tahu. Ini kita mesyuarat enam-tujuh bulan dalam satu tahun, kalau dari segi liputan rakyat bukan tahu. Oleh sebab rakyat tidak tahu dia tidak kesah. Siapa yang kisah apa yang berlaku dalam Dewan Rakyat ini, tidak ada orang kesah pun. Jadi, rakyat tidak berasa bahawa dia bersama-sama dengan kerajaan dan dengan badan perundangan ini untuk menggubal dasar dan meluluskan undang-undang. Dia berasa bahawa proses politik itu adalah tidak penting dan relevan kepada hidup dia.

Ini adalah satu kesuntukan yang pada pendapat saya berlaku sekarang ini. Kalaulah RTM sekarang kata dia hendak kena jual air time baru dia boleh tunjuk atau memberi masa untuk benda-benda macam ini, tetapi kalau ada satu public broadcasting station dan kita boleh lakukan perkara-perkara ini.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Parit Buntar bangun.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Minta cepat-cepat sedikit!

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Minta penjelasan daripada sahabat saya dari Balik Pulau. Satu masa dahulu RTM telah memberikan liputan yang agak meluas tentang proceeding dalam Dewan ini. Tetapi sekarang ini tidak lagi dibuat, cuma melalui radio. Jadi, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat sama ada Yang Berhormat bersetuju atau tidak bahawa memandangkan kepada apa yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi dan oleh sahabat kita

Yang Berhormat dari Parit Sulong, sama ada Yang Berhormat bersetuju atau tidak supaya RTM menimbang semula membuat liputan yang meluas tentang proceeding dalam Dewan ini.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Terima kasih rakan saya dari Parit Buntar. Yang saya minta ini lebih daripada itu. Saya minta bukan sekadar liputan diadakan, sememangnya patut ada liputan tentang proceeding di sini dan tentang apa yang disebutkan oleh Parit Sulong oleh RTM, kerana RTM berfungsi dari segi pengurusan dia dan juga dari segi perbelanjaan pembangunan pengurusan adalah datang daripada Parlimen sendiri, daripada kerajaan, dia milik awam. Apabila datang daripada sini bermakna dia adalah milik awam.

Jadi, kita hendaklah supaya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kawan saya ini boleh memperjelaskan di sini kalau boleh difikirkan dan dipertimbangkan kepada pihak kementerian yang mungkin dibawa kepada Kabinet supaya diadakan satu public broadcasting station atas sebab-sebab yang saya katakan tadi. Sebab-sebab yang saya kira adalah penting. Mana boleh tiap-tiap tahun memperuntukkan dana awam tetapi public interest itu tidak dilindungi oleh peruntukan yang kita beri. Jadi, saya minta supaya perkara ini, kali yang kedua, ketiga mungkin kita telah bangkitkan supaya kita mendapat satu jawapan yang agak konkrit. Maksudnya boleh kita bawa kepada peringkat kementerian, dan kementerian melakukan sesuatu untuk bawa kepada Kabinet misalnya untuk mendapat satu keputusan supaya kita adakan public broadcasting station yang dimiliki oleh awam yang mendapat pembiayaan awam daripada apa yang kita luluskan dan boleh berfungsi dari segi penyiarannya, program-programnya untuk menyebarkan maklumat, penerangan tentang proses politik, tentang apa-apa juga isu yang ada kepentingan awam dan sebagainya. Kalau kementerian tidak mahu mansuhkan lesen TV sebab dapat RM30 juta-RM40 juta satu tahun tidak mengapa. Tetapi adalah sangat janggal jika kementerian kira mengenai lesen TV ini kita dok sibuk macam mana hendak privatise pengutipan lesen ini, tetapi tidak ada siapa tengok pun dari segi public interest, dari segi penyiaran ini. Hendak beri lesen broadcasting kepada TV3, Metro dan sebagainya tidak mengapa. Mereka private, stesen swasta, dia hendak bubuh program apa dia punya hal dengan syarat kita ada sekatan yang tertentu. Tetapi stesen penyiaran yang menerima duit awam daripada Parlimen sendiri.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua yang ingin saya bangkitkan dalam hal ini juga ialah saya, duduk dalam Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara. Tiap-tiap tahun kita buat kempen membaca. Kempen membaca ini ialah kempen yang akan mendatangkan kesan positif kepada seluruh negara. Kita sedar bahawa pada sekarang ini kadar celek huruf kita memang okaylah 90% lebih. Itu dari segi

functional yang boleh baca. Tetapi kadar membaca kita adalah cukup rendah. Jadi, ini satu lagi perkara yang saya hendak tanya, sebab bila kita hendak siarkan dalam kempen membaca Perpustakaan Negara kita hendak siarkan slot 30 saat sebagai kempen membaca. Yang itu pun kita kena beli air time daripada RTM. Ini masalahlah.

Saya hendak tahu di mana garisannya. Perpustakaan Negara ialah satu agensi kerajaan yang mempunyai fungsi untuk meningkatkan kadar membaca yang akan mendatangkan kesan externality, kesan luaran yang positif. Apabila ia hendak gunakan satu lagi agensi kerajaan untuk menyebarkan dan mencapai hasrat tersebut kena bayar duit. Jadi, saya hendak tahu dari segi dasar penjualan masa ini adakah semua kena jual?

Katakan, Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) hendak buat tentang public message fasal accident katakan, ataupun buat message untuk gang dadah supaya remaja misalnya sedar tentang dadah, ataupun masalah public message lain yang tertentu. Jadi, kalau hendak bubuh di TV3, hendak bubuh di stesen-stesen swasta yang lain memanglah mungkin kena bayar. Itu pun saya rasa stesen swasta sepatutnya memperuntukkan daripada setiap jam sekian-sekian banyak untuk public messages, public broadcasting sebagai sumbangan sosial dia. Tetapi untuk RTM mana boleh. Kalau kilang mana hendak buat advertisement tidak mengapalah caj dia kalau hendak caj. Tetapi kalau satu jentera kerajaan yang lain untuk menyebarkan satu kenyataan untuk kepentingan awam kenapa dia hendak guna satu jabatan kerajaan, satu badan kerajaan juga dia kena bayar duit.

Jadi, kita ingin penjelasan yang lebih jelas sedikit dan tindakan susulan yang konkrit ke arah ini. Kita tidak boleh kata RTM sekarang kena cari hasil dia sendiri, kena jadi self-sufficient dari segi kewangan dan pengurusan dan oleh yang demikian RTM pun kena cari duit. Itu okaylah ada fungsi yang tersebut. Tetapi fungsi RTM sebagai sebuah badan penyiaran awam, itu harus kita kekalkan. Jika tidak pasal apa tiap-tiap tahun kita hendak beri peruntukan kepada RTM. Duit ini ialah duit awam. Kita tidak beri peruntukan kepada badan-badan swasta, tetapi kita beri kepada badan-badan awam.

Jadi, dua perkara ini, Tuan Pengerusi, saya ingin penjelasan daripada rakan saya, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan supaya kita jelas tentang ini. Saya juga mohonlah supaya selepas jawab di Dewan ini benar-benar perkara ini diambil tindakan susulan, kerana saya beri kepastian bahawa selagi saya ada kerusi duduk di sini, setiap kali saya ada kesempatan untuk saya timbulkan isu ini, saya akan timbulkan isu ini setiap kali sehinggalah ada tindakan yang diambil

tentang perkara-perkara yang kita bangkitkan tentang RTM ini. Dengan itu, Tuan Pengerusi saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tuan.

**4.00 ptg.**

**Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin membahas berkaitan dengan Maksud Bekalan B.44. Saya ingin menyentuh khusus untuk kebajikan kakitangan RTM yang berasal dari negeri Sabah yang ditukar ke Angkasapuri yang telah pun dibangkitkan oleh saya beberapa kali yang lalu dan masih lagi menjadi masalah.

Tuan Pengerusi, kita faham bahawa kementerian memang mempunyai peranan yang penting di dalam menyebarkan dasar-dasar kerajaan. Tetapi persoalannya tentang keberkesanan peranan kakitangan jika mereka terpaksa berjauhan dengan keluarga begitu lama, terutama anak-anak yang masih memerlukan penjagaan ibu mereka. Ada beberapa kakitangan RTM di Kota Kinabalu yang telah ditukarkan ke Kota Kinabalu kerana keluarga masih di Kota Kinabalu atas sebab mereka tidak boleh ditukarkan ke sini. Kita memang menerima hakikat bahawa kakitangan kerajaan boleh ditukar atas keperluan perkhidmatan pada bila-bila masa dan ke mana sahaja. Tetapi persoalannya adakah hanya semata-mata ada peruntukan ataupun kuasa untuk melakukan itu maka kebajikan kakitangan itu tidak diambil kira. Jadi, saya minta pihak kementerian khusus sahabat saya Yang Berhormat dari Semporna, Setiausaha Parlimen supaya mengambil kajian tentang masalah ini, kalaulah mereka yang ditukarkan begitu lama dan meninggalkan keluarga di Sabah, mintalah pihak kementerian mengkaji kemungkinan mereka ditukar kembali ke negeri Sabah.

Antara dasar yang perlu ditekankan oleh pihak kementerian ialah tentang masyarakat penyayang. Kalaulah kita mengatakan bahawa kerajaan ini mengamalkan masyarakat penyayang, tetapi ibu bapa tidak dapat memberi kasih sayang kepada anak-anak mereka, maka saya rasa ini satu perkara yang amat aneh sekali. Jadi, oleh sebab itu, saya fikir kita perlu memberi contoh di mana kita mengutamakan kebajikan mereka yang terlibat di dalam penyebaran dasar ini sebelum kita mengharapkan rakyat mempercayai dasar ini.

Yang kedua saya ingin sentuh, Tuan Pengerusi ialah mengenai sebaran perkhidmatan luar sivik dan masyarakat. Ini juga mempunyai satu peranan yang amat penting sebagai saluran menyebarkan maklumat kepada masyarakat tidak kira di mana khususnya mereka di luar bandar. Tetapi saya ingin sentuh di sini ialah mengenai maklumat yang dibawa melalui program ini, seharusnya

ia mempunyai satu tujuan khusus, mengenai dasar-dasar khusus kerajaan yang melibatkan rakyat di luar bandar. Misalnya tentang pemberian bantuan kepada rakyat yang termiskin, walaupun memang banyak saluran yang boleh dipakai oleh pihak kerajaan tetapi pihak-pihak yang memerlukan tidak mengetahui cara hendak mendapatkan bantuan itu. Jadi, saya minta agar pihak kementerian supaya memberi satu maklumat yang tepat supaya mereka yang memerlukan itu tidak perlu lagi bertanya kepada mana-mana pihak, bahkan boleh terus menghubungi jabatan-jabatan yang berkenaan untuk mendapat bantuan.

Pada saat ini kadangkala pihak kementerian-kementerian yang berkenaan terpaksa memberi maklumat sendiri mengenai hal ini dan tidak begitu berkesan oleh kerana ada pihak-pihak yang mem'politise'kan bantuan itu, dengan izin, di mana target atau sasaran itu tidak tercapai. Misal kata saya ambil contoh di negeri Sabah di mana bantuan untuk rakyat termiskin kadang-kadang kakitangan kerajaan ataupun keluarga kakitangan kerajaan yang tidak seharusnya mendapat bantuan tetapi boleh mendapat bantuan oleh kerana mereka yang benar-benar perlu bantuan tidak mengetahui cara yang betul untuk mendapat bantuan. Maka saya rasa di dalam keadaan ekonomi negara sekarang ini pihak Kementerian Penerangan haruslah memainkan peranan yang lebih positif dan proaktif supaya keadaan masalah kemiskinan khususnya ataupun ekonomi rakyat di luar bandar akan dapat ditangani oleh kerajaan.

Saya berpendapat bahawa di dalam konteks ini sistem penerangan kita haruslah dua hala, iaitu memberi penerangan kepada rakyat tentang dasar kerajaan dan juga menerima maklumat tentang masalah rakyat di mana perlu. Melalui program luar sivik tadi saya rasa pihak kementerian mempunyai peranan yang penting untuk membantu kerajaan terutama sekali untuk menangani keadaan masalah sekarang, khususnya tentang bantuan-bantuan yang boleh diperolehi oleh rakyat daripada kementerian kerajaan untuk membantu kerajaan mengatasi masalah yang kita hadapi sekarang.

Jadi, saya rasa itu sahaja yang saya ingin sumbang, Tuan Pengerusi. Sekian sahaja, saya menyokong.

**4.07 ptg.**

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin [Yan]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya kira Kementerian Penerangan ini ialah satu kementerian yang memang tugas dan tanggungjawab untuk memberi penerangan kepada rakyat, untuk memberi panduan kepada rakyat dan juga untuk memberi

teladan yang baik kepada rakyat. Kerana ini adalah satu kementerian yang mempunyai jentera penyiaran mereka termasuk TV dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Balik Pulau, kerana kita memberi peruntukan kepada Kementerian Penerangan. Jadi kementerian ini sebenarnya selain daripada mendapat kutipan daripada iklan-iklan dan juga tayangan-tayangan filem dan sebagainya, mereka mendapat peruntukan khas daripada kerajaan. Oleh yang demikian, saya kira kementerian ini boleh memainkan peranan yang lebih mantap, yang lebih baik daripada stesen-stesen komersial yang lain. Tetapi kadang-kadang ternyata kita dapat lihat bahawa mutu rancangan penyiaran TV, RTM ini agak tidak begitu setanding kalau kita bandingkan dengan stesen-stesen komersial.

Begitu juga saya kira elaun-elaun kakitangan RTM ini pun perlu diberi elaun khas. Kadang-kadang apabila mereka menjalankan tugas-tugas luar yang tidak menentu masa dan ketika, supaya mereka ini dapat memberi satu input kepada pihak kementerian.

Tuan Pengerusi, satu lagi saya ingin nyatakan di sini ialah tentang filem-filem yang ditayangkan oleh pihak RTM, memang banyak sudah diperbetulkan kerana kita sentiasa memberi teguran yang membina kepada kementerian. Tetapi saya ingin mencadangkan kepada kementerian kadang-kadang filem-filem yang ditayangkan itu kurang sekali filem-filem yang menjadi tunjuk teladan yang baik. Kita masih lagi menonton filem-filem di kaca TV ini filem-filem yang menunjukkan keruntuhan rumah tangga, perkelahian antara suami-isteri, kekeliruan anak-anak, ibu dan sebagainya.

Jadi, kita sebagai stesen kerajaan, sebagai jabatan kerajaan, sebagai kementerian kerajaan sepatutnya kita memperbanyakkan filem-filem yang memberi teladan yang baik, filem-filem yang memberi contoh keluarga yang bahagia, anak yang sopan-santun. Sungguhpun kadang-kadang di akhir cerita itu akan menunjukkan ending yang baik dan sebagainya, tetapi saya nampak selalunya filem-filem yang ditayangkan ini kebanyakannya masalah krisis rumah tangga. Kalau cerita korporat itu sampai hendak buka mulut sudah tidak boleh actor itu, terlampau berat kerana dia kaya, dia hendak bercakap sudah tidak boleh. Kemudian dia selit dengan bahasa Inggeris. Jadi, orang yang tahu bahasa Inggeris tidak mengapalah kerana dia faham. Tetapi yang tidak tahu bahasa Inggeris dia pening kepala kawan ini bercakap apa. Tadi dok bercakap Melayu elok-elok, tiba-tiba 'yes, no, alright', dia pun pening, dia tidak faham. Kita buat filem hendak beri orang faham. Kalau kita buat filem orang tidak



faham, kemudian orang kena fikir pula apa filem ini, peninglah kepala kita. Sudahlah tiap-tiap tahun kutip cukai.

Jadi, cari filem, beritahu producer filem ini kalau mereka selit bahasa Inggeris kita tidak usah tayang filem-filem ini. Kadang-kadang bahasa yang diguna pun bukan betul sangat, tidak betul. Kita hendak perbetul mereka tidak beri masa. Jadi, masalah-masalah ini pihak kementerian kena ambil kira. Sekarang ini bila kita menghadapi masalah tekanan ekonomi daripada luar kita kena buat filem-filem yang menerangkan bagaimana rakyat kita bertanggungjawab, kurangkan perbelanjaan, makan dan guna benda-benda tempatan dan sebagainya. Inilah masa dan ketikanya pihak kementerian menggunakan jentera yang ada melalui kaca TV dan radio memberi penerangan dan penjelasan yang sebaik mungkin kepada masyarakat kita.

Saya kira RTM ataupun Kementerian Penerangan jangan kira tentang keuntungan, fasal keuntungan jangan kira, kerana tugasnya hendak membantu rakyat, hendak membantu kerajaan. Jadi, bottom line itu kita jangan kira sangat. Saya kira pihak audit pun kena longgar sedikit di Kementerian Penerangan ini supaya jangan mengaudit benda yang pelik-pelik.

Saya bersetuju tentang bahasa, Tuan Pengerusi, saya biasa tengok satu rancangan, dua juruhebah, seorang lelaki dan seorang perempuan, yang lelaki bercakap bahasa Malaysia, perempuan bercakap bahasa Inggeris. Yang faham Bahasa Malaysia dia faham separuh daripada cerita ini. Jadi, dia faham separuh bahasa sahaja. Jadi, kalau kita hendak ambil, producer-producer ini kena fikir, jangan ambil dia sebagai producer dia faham macam ini, dia tidak kira orang lagi, dia kira dia sahaja mana boleh. Orang ramai dok tunggu. Jadi, yang ini pihak kementerian kena jaga.

Kemudian, DJ-DJ pun dalam rancangan-rancangan radio jangan merapu sangat. Kadang-kadang dia merapu dalam radio karut sungguh, dia bercakap bukan-bukan. Jadi, dia seorang tahu kesemua nanti pening kepala, bercanggah kadang-kadang dengan dasar yang dikehendaki oleh kerajaan. Jadi, DJ-DJ ini kita kena dedah juga, mereka kena faham apakah politik.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Hendak bertanyakah? Fasal dia bangun.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak, dia sengaja bangun.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak mengapa. Jadi, DJ-DJ kena faham tentang isu-isu semasa, jangan dia bercakap merapu sangat. Kadang-kadang isu-isu yang tidak berkenaan ditimbulkan. Kita buka line telefon untuk orang masuk. Kadang-kadang jadi romantik, line telefon

jadi romantik. Kita dengar pun naik seram, sungguhpun. Tambah pula kadang-kadang queue dalam hujan seramalah. *[Ketawa]* Fasal cara bercakap, dia tanya kereta jam, di sebelah kereta itu siapa, makwekah. Adakah benda-benda itu dia bertanya dalam radio. Kita pun beralih tengok betul-betulkah ada makwe. Tetapi saya tidak pernahlah buat kerja itu. *[Ketawa]* Tetapi inilah ceritanya. Jadi, saya minta DJ-DJ ini supaya agak bersopan-santun apabila kita berada di udara. Kerana setiap masyarakat, setiap rakyat dengar percakapan kita di dalam radio-TV itu.

Tuan Pengerusi, saya juga berterima kasih banyak kepada kementerian kerana siri Forum Perdana Ehwat Islam ini sungguh menarik begitu ramai penonton-penonton. Saya berharap pihak kementerian juga akan mengadakan mini ceramah perdana. Mini ceramah perdana maknanya kita turun juga bukan sahaja ke kawasan-kawasan atau daerah-daerah yang besar tetapi turun juga ke kampung-kampung dengan kerjasama Jabatan Penyiaran Luar. Gunakan jentera ini juga untuk kita turun ke kampung-kampung. Saya harap janganlah setiap kali hendak mengadakan ada pihak swasta untuk advertise, untuk memberi bantuan kewangan dan sebagainya. Kalau boleh inilah satu cara lagi kita hendak mengembangkan syiar Islam dan pihak RTM kena berkorban sedikit untuk rakyat terutama sekali bagi rakyat yang berada di luar bandar.

Tuan Pengerusi, Butiran 030200 - Perkhidmatan Luar Sivik dan Masyarakat. Tuan Pengerusi, dalam keadaan kita menghadapi masalah ini dan masalah yang akan datang sehingga keadaan ekonomi pulih, saya berharap Kementerian Penerangan akan menyusun strategi dengan memberi input-input yang baik kepada pegawai-pegawai Penerangan supaya mula turun ke kampung-kampung, mula turun ke desa-desa, adakan rancangan-rancangan sivik untuk kita memperjelaskan kepada rakyat. Kerana hari ini kadang-kadang pihak parti lawan terutama sekali parti-parti pembangkang menyalahkan kerajaan, dia menyalahkan Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri kita, terutama sekali ceramah-ceramah diadakan oleh parti PAS, sehingga Menteri Besar Kelantan, Yang Berhormat Dato' Nik Aziz pun dalam surat khabar baru-baru ini menasihati penceramah-penceramah PAS supaya berbudaya Islam. Jadi, kalau tok guru mereka suruh perbetul anak buah, sudah kira teruk parti PAS ini, Tok Guru menasihati anak buah. Bermaknanya bila berceramah jangan menyakiti orang, jangan menyakiti rakan-rakan dan menyakiti rakyat.

Jadi, waktu ini pihak kementerian gunakan jentera yang ada, turun ke desa-desa memberi penjelasan fasal apakah masalah ekonomi terjadi begini. Jangan ada orang kata ini kerana Perdana Menteri kita bercakap banyak, bila dia bercakap orang asing ambil tindakan, tidak. Sebenarnya

masalah serantau. Jadi, bagaimanakah pihak kementerian untuk menjelaskan kepada rakyat harga tepung hendak naik, harga gula hendak naik. Orang kampung bukan kira Internet atau bukan Internet. Dia kira harga tepung, gula, susu jangan naik. Kalau benda ini naik, dia pening. Jadi, macam mana pihak kementerian hendak menerangkan kepada masyarakat di luar bandar yang membentuk kerajaan hari ini supaya mereka faham kenapa harga barang-barang keperluan ini dinaikkan. Sekadar kita kata kerana kita import itu kadang-kadang orang-orang kampung tidak faham. Jadi, yang ini saya harap pihak kementerian memainkan peranan, kena mobilise hari ini.

Kemudian, Filem Negara kena buat filem, banyakkkan filem seperti jenis harimau stunt dahulu. Zaman dahulu semasa itu TV tidak ada, saya ingat lagi semasa itu Filem Negara atau Filem Malaya bila lambang seekor harimau terjun yang ditayang di luar bandar. Jadi, kita akan gunakan benda ini tayang kepada kawan-kawan kita di luar bandar. Kadang-kadang setakat kita pergi bersyarah mereka tidak larat dengar. Mereka kata bersyarah di merata tempat mereka tidak larat dengar, bagi orang-orang kampung ini. Kita gunakan filem, kemudian kita terang kepada masyarakat kampung. Walaupun ada kaca TV sekarang ini, kita terang masyarakat kampung tentang keadaan semasa, tunjuk gambar-gambar negara-negara lain orang lagi susah, perut boroi kerana tidak makan, seksa dan sebagainya. Tunjuk pula negara kita macam mana, bandingkan antara negara kita dengan negara-negara lain. Tunjuk kepada masyarakat kita bahawa negara kita amat maju ke hadapan, walaupun pihak PAS dok bising kata macam-macam, tetapi itu adalah benda-benda yang pembohong. Jadi, kita beritahu betul-betul kepada rakyat. Filem Negara kena memainkan peranan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah suntuk.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Sudah cukup. Bolehkah saya gulung, Tuan Pengerusi. Kalau tidak gulung saya terus naik. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Jadi, Filem Negara juga masa ini kena memainkan peranan filem-filem yang baik-baik, filem-filem rencana untuk kita 'educate'kan rakyat, untuk suruh rakyat tanam balik - ini Rancangan Buku Hijau, supaya tanam sayur di sekeliling rumah. Daripada tanam bunga ros lebih baik tanam cabai, daripada tanam bunga orkid lebih baik tanam terung, supaya ini menyelamatkan kos. Beritahu kepada rakyat jangan makan buah-buah import seperti apple, orange, grape dan sebagainya out. Kita guna barang kita sendiri seperti pisang, nenas, buah tembikai, dan makanlah buah apa pun asalkan tempatan. Jadi, yang ini Filem Negara dan kementerian kena ambil peranan.

Jadi, Tuan Pengerusi, last sekali sebelum saya duduk saya hendak minta satu lagi, iaitu Sukan Komanwel ini, pihak kementerian kena main peranan yang paling baik. Saya ucap syabas kerana hari ini kalau kita kata IT, RTM buat rancangan IT dan dibuat lagu IT. Sukan Komanwel nanti buat lagu Sukan Komanwel. Sekarang bila ekonomi merosot buatlah lagu yang ekonomi naik balik. Mempernaikkan balik semangat rakyat yang mustahak. Jangan beri rakyat berasa demoralise ataupun dia berasa tidak bersemangat, tidak bermaya.

Jadi, Kementerian Peneranganlah satu kementerian yang boleh menghidupkan semangat rakyat bangun untuk berdikari, bangun untuk bantu kerajaan, bangun untuk menentang parti-parti pembangkang yang membuat dakyah yang tidak kena. Ini tugas Kementerian Penerangan. Saya hendak ucap banyak terima kasih kepada Menteri sampailah kepada Setiausaha Parlimen, termasuk setiap kakitangan RTM yang telah berkhidmat dengan baik kepada kerajaan dan rakyat. Cuma laporan Dewan Rakyat, Tuan Pengerusi, tolonglah-nu. Mereka bukan kenal yang mana satu Timbalan Speaker, sungguhpun. Siapa dia Timbalan Speaker mereka tidak kenal, fasal apa, sebab tidak keluar langsung gambar dalam TV. Mereka tidak tahu siapa Speaker Dewan Rakyat. Yang mereka dok nampak Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Menteri Penerangan, Timbalan Menteri Penerangan dan menteri-menteri lain. Tetapi Ahli-ahli Dewan Rakyat yang bercakap sampai suara pun tidak ada ini tidak ada. Dahulu ada juga gambar ketar-ketar, sekarang tidak ada.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. *[Ketawa]*

**4.21 ptg.**

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mahu sebut Butiran 010000 - Khidmat Sokongan, Butiran 020000 - Perkhidmatan Penyiaran.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Parit Sulong ada mengkritik menegurkan Kementerian Penerangan oleh kerana sudah gagal untuk menjalankan tugasnya membantu kerajaan memberi sebab yang sebenarnya mengenai krisis ekonomi. Saya setuju dengan Yang Berhormat dari Parit Sulong sungguhpun bukan atas sebab-sebab yang sama. Kalau dalam satu perkara yang sangat mudah Kementerian Penerangan tidak boleh selesai, bagaimana Kementerian Penerangan boleh menjalankan tugas untuk memastikan bahawa mesej atau imej baik negara kita sama ada dalam negara atau di dunia.

Satu contoh ialah mengenai ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Kuala Terengganu yang mengakibatkan satu kontroversi dunia sampai sekarang belum habis, sehingga Dewan yang mulia ini meluluskan satu usul kepercayaan. Tetapi masalahnya ialah sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan di Kuala Terengganu bulan lalu adakah menyentuh kata mengenai ada satu konspirasi, satu agenda Yahudi antarabangsa yang mahu menjahanamkan ekonomi Malaysia dan ekonomi negara-negara muslim. Sangat simple semasa perbahasan saya ada kata kepada Yang Amat Berhormat Menteri Penerangan bahawa siarkan recording RTM itu, boleh siarkan satu hari dua puluh kali seperti amalan RTM dalam pilihan raya besar untuk dapat undue electro, unfair electro advantage untuk Barisan Nasional.

Sekarang untuk kepentingan negara, kalau benar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan di Kuala Terengganu tidak pernah sentuh mengenai satu konspirasi, satu agenda Jewish antarabangsa, siarkan recording itu, bukan sahaja Ahli-ahli Parlimen pembangkang, Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional supaya setiap rakyat boleh tahu apa yang sebenarnya berlaku. Kalau itu pun RTM tidak boleh buat, kenapa teguran daripada Yang Berhormat dari Parit Sulong bahawa Kementerian Penerangan sudah gagal dalam tugasnya untuk menyampaikan mesej bagi pihak kerajaan. Kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada cakap begitu sungguhpun bukan bererti, bukan bermaksud cakap begitu, patutlah Kementerian Penerangan sebagai satu jabatan yang bertanggungjawab mengenai imej negara kita dalam dunia, luar negara bahawa nasihatkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengakui, minta maaf to urge his human to forgive it divine, tidak menjatuhkan martabat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya perkara ini tidak terus, dengan izin, horn international relation, economic relation, political relation Malaysia dengan negara-negara lain.

Sekarang kita tahu bahawa Kementerian Penerangan ada minta kebenaran daripada Jemaah Menteri untuk beli ruang dalam CNN, media massa antarabangsa. Apa guna kalau perkara ini sebegini simple pun tidak boleh dikendalikan. Ini buang duit rakyat. Kalau Kementerian Penerangan tidak boleh menjalankan tugasnya untuk mengadakan mesej negara kita, memberi maklumat yang sebenar, tetapi mahu beli space CNN, Televisyen Amerika dan lain-lain ini menunjukkan bahawa sudah gagal. Apa yang lebih penting bukan untuk beli air time di luar negeri, tetapi untuk tukar Menteri Penerangan supaya ada seorang menteri yang boleh menjalankan tugas lebih berkesan.

Dalam negara kita adakah RTM benarkan kerajaan negara yang lain untuk beli masa melalui televisyen-radio, tidak. Tentu tidak. Apabila parti pembangkang dalam Malaysia pun tidak boleh

gunakan sama ada iklan atau ruang masa. Kalau begitu apa justifikasi, apa alasan untuk mengadakan beli masa CNN dan mass media yang lain dan keputusan ini patut dibatalkan.

Saya hairan baru-baru ini nampaknya ada lebih kerap kali berlaku insiden-insiden di mana mass media tempatan ada black-out laporan-laporan berita luar negeri yang ada bersangkutan-paut dengan Malaysia sungguhpun mungkin laporan-laporan itu tidak begitu menyenangkan pemimpin-pemimpin the power that's be. Dalam ucapan saya dalam Budget saya ada sentuh satu insiden, iaitu insiden yang terbaru ialah mengenai laporan reaksi Congressman, Robert Wexler kepada usul keyakinan yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini di mana semua ahli Parlimen tidak kira kerajaan atau pembangkang dalam perkara untuk mengutuk Robert Wexler oleh kerana ada ketetapan vote yang tidak hormat hak sovereignty Malaysia yang mahu campur tangan hal ehwal dalaman, beliau ada buat reaksi bahawa beliau sebenarnya mahu, dengan izin, the strong bilateral relationship between Malaysia and US to move on and want Perdana Menteri apologize for his reportedly anti-Jewish remark. Dia kata, "if not new action will be considered reluctantly". Dia kata bahawa beliau mungkin consider linking some American training assistance toward acknowledgement of inappropriate behavior by Dr. Mahathir. More importantly, he may look into the kind of assistance that the international monetary fund may be planning for Malaysia and condition this to an apology.

Dia kata bahawa, "the whole point of non binding resolution introduced on October 22nd was a both sides should be able to move on in positive way after an apology by Dr. Mahathir. He clarify that House Legislator were not asking him to resign outright, I don't want him to resign but I want him to acknowledge his remark as inappropriate adding that there was a significant period of time for Dr. Mahathir to do so between now and the new congressional calendar in late January."

Kita semua mengutuk Wexler, kita semua sebulat suara berpendapat bahawa pendirian Wexler menuntut Perdana Menteri resign terlalu, dengan izin, beyond the bound of acceptable international behavior. Tetapi kita hak untuk tahu apa reaksi dia. Rakyat Malaysia ada hak untuk tahu apa reaksi dia. Apabila dia ada reaksi kenapa ini di 'black-out' dalam mass media tempatan. Adakah ini atas arahan Kementerian Penerangan yang rasa lebih baik rakyat Malaysia tidak tahu apa berlaku di luar negeri sungguhpun bersangkutan-paut dengan Malaysia.

Inilah satu sikap yang begitu tertutup, tidak selaras, tidak sesuai untuk satu zaman baru apabila kita mahu masuk dalam satu masyarakat maklumat. Bagaimana kita boleh ada seorang Menteri Penerangan yang berfikiran, mentaliti begitu conservative, begitu out-dated. Kita bersikap terbuka,

kita mahu tahu siapa Wexler atau reaksi mereka supaya kita boleh menyesuaikan pendirian kita, kedudukan kita untuk menjaga kepentingan negara, kenapa mahu black-out. Saya harap....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan Lim Kit Siang:** Wah! Begitu cepat. Okay, akhirnya saya harap bahawa kita menjagakan hak rakyat untuk kebebasan akhbar, kita perlu membuka democratisen press freedom dalam Malaysia, kalau kita tidak ada press freedom, kita tidak boleh compete, tidak boleh bersaing dengan dunia, it is the world are information society, no press freedom, Malaysia akan mundur, suka atau tidak suka. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Serdang.  
**4.31 ptg.**

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Sukacita saya menyentuh butiran 05400 - International Broadcast Centre (IBC). Saya minta penjelasan dari kementerian, apa fungsi yang telah dimainkan, telah dijalankan oleh IBC ini dan cara mana untuk menjalankan fungsi ini supaya dapat mencapai satu tahap yang baik.

Ini adakah berkaitan dengan siaran seberang laut? Maka saya minta juga pihak kementerian untuk memaklumkan kepada Dewan ini bahawa kedudukan sebenarnya siaran seberang laut buat waktu ini. Dan berapa jenis bahasa yang telah digunakan dalam siaran seberang laut dan juga negara yang terlingkung dalam senarai negara menerima siaran ini. Semasa ini saya masih ragu-ragu terhadap siaran seberang laut ini setakat mana tahapnya.

Maka saya minta juga penjelasan sama ada pihak kementerian telah menjalankan penilaian terhadap pengaruh setelah siaran tersebut, apa reaksinya dari negara-negara yang menerima siaran ini di mana mereka akan seterusnya menerima siaran daripada siaran seberang laut ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh berkenaan butiran 020000 - Perkhidmatan Penyiaran dan juga butiran 030000 - Perkhidmatan Penerangan. Setelah saya mendengar ucapan dari Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tadi, pandangan saya terhadap apa yang dijelaskan oleh beliau terhadap penyiaran dalam negara kita ini, saya tidak yakin bahawa kekuatan penyiaran negara kita boleh menentang sebarang berita siaran dari luar dan juga saya menganggap bahawa mungkin pihak DAP atau Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP telah dipengaruhi oleh liputan siaran asing dan hanya memberi sokongan siaran asing untuk mengutuk atau mencaci negara kita ini.

Saya tidak tahu apa logiknya yang dikatakan tadi dan saya juga rasa pihak DAP sentiasa untuk menyertai persidangan antarabangsa dan memberi ucapan yang sentiasa tidak menghuraikan kebenaran yang berlaku di negara kita ini. Jadi, mungkin pihak DAP telah menyertai persidangan antarabangsa menggunakan forum tersebut untuk sentiasa bersubahat dengan siaran-siaran luar untuk menjatuhkan Kerajaan Barisan Nasional.

**Tuan M. Kulasegaran:** *[Bangun]*

**Dato' Yap Pian Hon:** Saya tidak beri peluang.

**Tuan M. Kulasegaran:** Beri ulasan sedikit, jangan kata saja-saja.



**Dato' Yap Pian Hon:** Tadi saya ulaskan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, tetapi semasa, Tuan Pengerusi, semasa Usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk memberi sokongan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, tetapi isi kandungan itu dia kata, saya sokong separuh dan saya tidak sokong separuh. Maka semasa keputusan Dewan ini, hanya di dalam Dewan semasa keputusan itu, di mana Ahli-ahli Yang Berhormat DAP? Dia lari, tidak membuat keputusan supaya tidak berani untuk menghadapi cabaran dalam Dewan ini, maka saya boleh ....

**Tuan M. Kulasegaran:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Teluk Intan bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak mahu beri jalan Yang Berhormat?

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Pengerusi, mungkin ada calon parti mereka untuk menyatakan pendirian mereka dalam Dewan yang mulia ini. Dewan yang mulia ini ada hak bagi setiap wakil rakyat untuk memberi pandangan, ulasan terhadap sesuatu parti tersebut, maka sebab itulah rakyat jelata faham melalui RTM, melalui TV1, TV2, TV3 telah mengetahui betapa pentingnya negara kita dan memberi satu paluan hebat kepada DAP pada masa pilihan raya yang lalu.

Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau, mungkin liputan persidangan Dewan Rakyat ini kurang sedikit dalam RTM

**Tuan M. Kulasegaran:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Yang Berhormat, dia tidak mahu beri jalan.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Pengerusi, apa takut kalau saya caci sedikit kepada DAP tak khuatir, ini sikap tidak demokrasi, tidak ada sabar, semasa wakil rakyat Barisan Nasional, cerita sedikit kuasanya, Tuan Pengerusi, untuk menjimatkan masa .....

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, ada yang bangun Yang Berhormat, Batang Lupar bangun.

**Dato' Yap Pian Hon:** Minta maaf, minta maaf.

Tuan Pengerusi, negara kita sedar bahawa komunikasi siaran antarabangsa kini masih dikuasai oleh negara-negara Barat, walaupun BERNAMA tidak dapat bertanding dengan Reuters, AP dan lain-lain tetapi BERNAMA tetap seharusnya memainkan peranan untuk menyiarkan berita-berita tentang pendirian dan dasar negara terhadap sebarang isu negara atau isu antarabangsa supaya membela kedaulatan negara serta keunggulan pemimpin-pemimpin negara.

Tuan Pengerusi, saya mintalah kementerian cara mana untuk memberi garis panduan lebih tegas lagi kepada BERNAMA untuk menjadikan satu saluran penyiaran seberang laut di mana boleh memainkan untuk membetulkan kesilapan atau salah tanggapan atau memutarbelitkan berita-berita yang sebenarnya berlaku di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, siaran TV1, TV2 dan TV3 boleh juga memainkan peranan untuk menyebarkan ketidakpuasan terhadap sebarang isu yang menjejaskan imej negara, sungguhpun liputan dan taraf komunikasi siaran kita tidak setanding dengan siaran CNN. Walaupun kita mungkin tak sampai sama taraf untuk membanding dengan siaran CNN tetapi masih ada ruangan untuk RTM untuk memainkan peranan penting dalam bidang penyiaran.

Tuan Pengerusi, sungguhpun Kementerian Penerangan menghadapi tekanan daripada siaran media massa asing tetapi kementerian perlu mengatur strategi untuk mengatasinya, umpamanya membekalkan butiran dan laporan yang sebenarnya untuk menentang sebarang laporan yang menyeleweng terutama media CNN. Pihak kementerian perlu juga berbincang dengan Ketua Biro CNN di Kuala Lumpur supaya laporan yang tidak terbatas dapat dibetulkan. CNN perlu juga sedar bahawa medianya mempunyai rangkaian dan aktiviti perniagaan yang banyak di Malaysia. Pihak kementerian juga mengeluarkan lesen atau permit siaran kepada hotel yang membolehkan siaran CNN dilangsung seterusnya.

Tuan Pengerusi, walaupun tadi Yang Berhormat dari Tanjong katakan, apa fasal kementerian akan memberi ruangan (air time) di dalam media asing tetapi oleh kerana media asing di dalam dunia sekarang telah dikuasai oleh negara-negara Barat maka Malaysia sebagai sebuah negara kecil yang sedang membangun tidak berkuasa, tidak ada peluang untuk mengisikan apa gambaran yang sebenarnya berlaku di negara kita. Maka saya memberi sokongan kalau kementerian memberi air time di mana-mana media asing untuk membetulkan

gambaran yang nyata, yang berlaku di Malaysia supaya bolehlah membetulkan kesilapan atau tanggapan yang salah kepada dunia ini.

Tuan Pengerusi, saya juga berharap RTM mungkin sudah sampai masanya untuk menambah satu lagi saluran di mana masyarakat Cina, India masih kekurangan dapat berita yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa cukup.

**Dato' Yap Pian Hon:** Jadi, saya mintalah jika kementerian boleh menimbangkan untuk menambah satu saluran lagi untuk masyarakat Cina dan India supaya dapat berita lebih banyak lagi berkenaan dengan perkembangan politik, perkembangan ekonomi di negara kita supaya lapisan termasuklah masyarakat Cina, India agar dapat memberi sokongan penuh kepada Kerajaan Barisan Nasional. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tambun.  
**4.40 ptg.**

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ringkas sahaja dalam Jabatan Penerangan. Saya ingin menyentuh tentang tajuk Perkhidmatan Penyiaran. Sepertimana kita sedia maklum bahawa antara tujuan Kementerian Penerangan adalah untuk menyebarkan maklumat kepada rakyat.

Negara kita telah mencapai kejayaan demi kejayaan tetapi kepada saya antara kejayaan terbesar negara kita adalah apabila kerajaan kita

memperkenalkan Wawasan 2020. Buat pertama kali rakyat negara kita mempunyai satu wawasan yang boleh membentuk satu budaya kerja yang cemerlang bagi seluruh rakyat negara kita.

Tetapi masalahnya kalau kita pergi kepada masyarakat bawahan, boleh dikatakan ramai yang masih tidak faham apakah itu Wawasan 2020 kerana itu tidak diperincikan kepada rakyat. Dengan itu saya dapati bahawa ada kelemahan dalam penyebaran maklumat kepada rakyat yang dilakukan oleh kementerian di bawah perkhidmatan penyiaran buat masa ini.

Saya berpendapat bahawa program berbentuk perbincangan seperti forum memang patut diperbanyakkan dan kita patut kaji semula keberkesanannya dari segi cara persembahan dan sebagainya. Saya dapati ada beberapa kelemahan dalam program tersebut, pertama dari segi pemilihan tajuk. Kadang-kadang tajuk itu tidak begitu menggambarkan isu-isu semasa, di mana sekarang kita berhadapan dengan masalah krisis mata wang dan ekonomi, tajuk ini patut diberi tumpuan dalam perbincangan.

Kedua, tentang isu perbincangan, kadangkala kita dapati bahawa tokoh-tokoh yang dijemput merupakan orang yang mempunyai pengetahuan yang cukup pakar dalam bidang-bidang tersebut, tetapi dari segi penyampaian maklumat, ia menggunakan bahasa-bahasa dan terminologi yang begitu tinggi. Kita perlu faham bahawa lebih kurang 90% rakyat kita adalah rakyat biasa yang tahap pendidikannya setakat peringkat SPM sahaja dan menggunakan terminologi yang besar itu tidak membuat mereka dapat memahami isu-isu yang dibangkitkan.

Saya dapati juga bahawa perbincangan kadangkala tidak terperinci, ia hanya separuh jalan sahaja dan ini tidak memberi kesan yang baik kepada pendengar dan begitu juga dari segi pengerusi, kadangkala saya lihat pengerusi yang dipilih tidak berjaya untuk membawa perbincangan menjadi menarik, akhirnya penonton akan menggunakan saluran yang lain.

Ada juga saya dapati di negara-negara luar dalam sesi forum sepertimana saya nyatakan, ia menggunakan latar belakang seperti gambar dan sebagainya. Tidak semata-mata perbincangan antara dua, tiga orang tokoh sahaja untuk dia menarik lagi minat dan juga supaya rakyat lebih memahami lagi apakah perkara yang hendak dibincangkan.

Sehubungan dengan itu juga, saya berpendapat bahawa berita TV1 patut dipanjangkan daripada setengah jam sekarang kepada satu jam supaya memberi ruang yang lebih luas lagi untuk maklumat dapat diperolehi sepertimana yang telah dilakukan oleh TV3.

Saya juga ingin menyentuh tentang filem-filem yang ditunjukkan dalam televisyen. Saya dapati sekarang, selain dari filem Inggeris, kita ada filem Melayu, Cina dan India. Saya berpendapat kita patut juga ada filem yang berbentuk filem Malaysia melibatkan rakyat kita yang pelbagai keturunan.

Sekarang ini kalau kita melihat dari segi filem, kita ada sitcom seperti lawak jenaka menggunakan orang Melayu, orang Cina dan orang India, tetapi ini tidak mencukupi, saya ingat dalam filem-filem yang serius, soal perniagaan dan soal-soal lain, kita patut mula melangkah menggunakan tiga bangsa utama dan juga kaum-kaum lain supaya kita dapat mempunyai filem Malaysia yang

tidak hanya menumpukan atau yang menonjolkan budaya hidup satu bangsa, kalau orang Melayu filem Melayu, orang Cina filem Cina, orang India filem India, kerana ini saya dapati penting. Dalam kajian saya di kawasan-kawasan tertentu, saya ambil satu contoh di kawasan kampung baru umpamanya, cukup ramai penduduk yang masih belum boleh berbahasa Malaysia.

Saya ingat ini juga peranan yang boleh dimainkan dengan adanya filem-filem yang menggabungkan tiga bangsa terbesar dan juga kaum-kaum lain, dengan cara itu kita dapat menyebarkan maklumat kepada kampung-kampung baru supaya penduduk dapat dengan itu belajar untuk bercakap bahasa Malaysia.

Saya juga ingin menyentuh tentang soal tajuk Perkhidmatan Penerangan iaitu perkhidmatan luar sivik dan masyarakat. Saya berharap kementerian akan memberi tumpuan kepada sektor ini kerana, Tuan Pengerusi, saya dapati bahawa kursus-kursus sivik yang dijalankan sekarang tidak memuaskan, banyak program-program dibuat secara *ad hoc* di samping itu, penceramah-penceramah yang terlibat adalah penceramah yang tidak mempunyai ilmu dalam bidang-bidang yang dibincangkan, seolah-olah kita panggil orang-orang tertentu mengadakan satu program, panggil orang kampung. Dengan sebab itu, pertama, kita tidak dapat menyebarkan maklumat secara meluas dengan baik dan keduanya, kehadiran ke kursus-kursus sivik ini tidak menggalakkan.

Tuan Pengerusi, saya ambil contoh, semasa saya berada di Libya pada tahun 1989, saya lihat bagaimana pemerintah mempunyai satu wawasan mereka, ia ada tiga buku 'green books' - green books on politic, economy and

religion dan penyebaran dibuat melalui kursus sivik. Pada setiap hujung minggu, Sabtu dan Ahad pegawai-pegawai kerajaan baik lecturer mahupun daripada swasta, orang-orang yang berilmu akan turun ke kampung-kampung dan melalui program-program sivik penyebaran maklumat dibuat sehinggakan kita dapat melihat, kalau kita ambil Libya sebagai satu case study, Muammar Ghadafi mengambil alih kepimpinan Libya daripada King Abdul Aziz, dalam tempoh beberapa tahun yang begitu pendek, penyebaran maklumat tentang 'the green revolution' dapat disampaikan kepada seluruh pelusuk masyarakat negara itu sehinggakan masyarakat dapat berubah daripada sebuah negara yang berbudayakan kepada sistem Eropah ala Italian kepada sistem masyarakat Libya sendiri, kerana masyarakat faham wawasan 'green revolution' ini dan maklumat ini disampaikan dengan begitu efektif sekali, masyarakat faham, masyarakat proaktif dan mengambil tindakan.

Jadi, saya berpendapat bahawa pihak kementerian perlu mengadakan monitoring, saya berpendapat sepertimana pernah saya nyatakan bila kementerian menyediakan peruntukan, katalah untuk daerah Kinta peruntukan yang mesti dibelanjakan RM1 juta, apa yang dikehendaki oleh kementerian adalah pada hujung tahun untuk melihat berapa banyak peruntukan telah digunakan, kalau telah digunakan RM1 juta maka program itu berkesan. Cara penilaian itu tidak betul.

Maksud saya bila ada monitoring, ia mesti pergi turun ke bawah dan melihat, adakah program ini dijalankan dengan baik, adakah perbelanjaan yang dikeluarkan ini betul-betul mendatangkan kesan ataupun tidak. Kerana ada



dua pemikiran, pemikiran kementerian dengan pemikiran orang di peringkat daerah ini berbeza. Setengah itu ada juga yang hendak mencari peluang daripada program kursus, setengahnya ada pula kepentingan yang lain.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa cukup Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Pengerusi, pendek betul. Jadi, saya harap pihak kementerian akan membuat monitoring, enforce kuasanya kepada peringkat bawah supaya program ini dijalankan dengan lebih tersusun dan menilai keberkesanan program tersebut agar supaya duit yang digunakan setiap tahun ini tidak akan sia-sia. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Batang Lupar.

**4.50 ptg.**

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Sebelum saya menyentuh butiran ini, saya pun hendak bertanya dengan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kalau tahu, kenapa pula Ketua Pembangkang ini berapa kali ulang kali soalan kemudahan perfileman di Terengganu itu? Jadi, apa motif dan tujuan yang sebenarnya, kehendak transparency dan sebagainya tidak kita ulang-ulang setiap kali di Dewan ini tidak ada cerita lain pula, jadi, setiap kali ada peluang bercakap, bercakap hal itu sahaja. Jadi, saya pun naik bosan mendengarnya. Jadi, kalau Yang Berhormat Datuk tahu cerita dan motifnya itu tolong terangkan kepada Dewan nanti.

Selain dari itu, ingin saya menyentuh kepada Butiran 01000 dan dibawah program 010200 - Perancangan, Pembangunan dan Penyelidikan. Saya memang merasa tugas dan tanggungjawab kementerian ini amat berat dalam mempertimbangkan persoalan keperluan untuk transparency ataupun commercialisation dalam satu-satu program dan untuk menyesuaikan program itu supaya boleh mendatangkan kesan yang baik untuk masyarakat dan sebagainya.

Jadi, ini banyak diperbincangkan terutamanya pembina-pembina filem yang mengatakan masih banyak had-had yang tertentu diberi kepada mereka, jadi the playing field, dengan izin, untuk mereka mengarah dan membuat filem adalah terhad, berlandaskan dasar dan arahan yang diberi oleh pihak kementerian, dalam masa yang sama mereka juga diperlukan membuatkan satu-satu benda, dokumentari ataupun yang seumpamanya yang mestinya berkualiti, yang mestinya menunjukkan kebolehan sebagaimana pihak luar negara berbuat.

Jadi, kalau benda ini ditandingkan di luar negara, jadi ada kalanya dan limited playing field given kepada mereka ini telah menghadkan dia punya inisiatif mereka untuk membuatkan filem-filem yang baik.

Walau bagaimanapun, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Suhaimi Baba yang dapat menang dalam filem di luar negara baru-baru ini dengan Layar Lara beliau.

Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian berhubung dengan perancangan pada masa yang akan datang, apakah tindakan kementerian untuk

menggalakkan industri perfileman ini supaya penglibatan kementerian ataupun kerajaan lebih besar lagi kerana pada satu ketika nanti mungkin 500 tahun yang akan datang, pembangunan culture dan sebagainya mungkin menjadi satu detik-detik sejarah negara kita yang akan diingati sepanjang zaman.

Saya percaya kementerian ini boleh memainkan peranan yang penting untuk menghalakan ke arah itu, mungkin syarikat-syarikat besar mungkin sudah sejarah sahaja pada 500, 600 tahun yang akan datang kerana kalau kita pandang sejarah-sejarah lama dan tamadun-tamadun lama banyaknya menunjukkan benda-benda yang bercorak cultural dan sebagainya itu akan wujud sepanjang zaman dan akan kekal selama-lamanya dan apakah tanggungjawab dan tindakan kementerian agar menuju ke arah itu dan tidak dibiarkan kepada individu terlibat dengan industri ini sahaja.

Tuan Pengerusi, di samping itu, saya ingin juga bercakap sebagai wakil rakyat kawasan saya. Banyak menyebutkan Sarawak hampir 50% orang Sarawak yang dua juta meraikan 1 Jun, sebagai hari kebesaran mereka saya mengulang, kalau orang tanya apa motivasi saya, boleh tanya, saya boleh jawablah itu. 1 Jun kalau dicampur dengan orang-orang Sabah lagi, ada kemungkinan satu setengah juta rakyat Malaysia meraikan 1 Jun, 31 Mei setiap tahun sb hari perayaan mereka. Tetapi pada tahun lepas apabila saya melawat kerumah rakan, semasa Dayak Festival, saya nampak yang ditunjuk ialah Russian circus. Jadi, tidak ada langsung hubungkait Russian circus ini dengan festival Dayak di Sarawak. Selain dari orang Melayu dan Cina, semua orang Sarawak meraikan 1 Jun. Jadi, saya berharaplah daripada bulan sekarang

hingga bulan Jun yang akan datang, kalau kementerian boleh mengadakan satu perancangan khususnya pada hari itu orang kita semua mungkin duduk di Dewan ataupun duduk di pejabat, tetapi orang Iban di Sarawak, orang di Sabah kebanyakan mereka duduk di rumah melihat televisyen. Tetapi apa yang mereka lihat kalau Russian circus, French circus ataupun English circus yang mereka tengok. Jadi, malanglah, sedih sekali kalau kita bertanya apa yang berlaku pada hari itu, tetapi kita tunjuk itu benda-benda yang completely lainlah.

Jadi, saya berharap program yang tertentu untuk menunjukkan sekurang-kurangnya pada hari itu yang ada relevan dengan keriaan yang diraikan sebahagian besar rakyat Sabah dan Sarawak pada hari 31 Mei dan 1 Jun setiap tahun. Jadi, ini juga rungutan dari rakyat di kawasan saya yang termasuk 32% orang di kawasan saya ialah orang yang meraikan hari 1 Jun.

Tuan Pengerusi, saya ingin berpindah kepada butiran lain iaitu 020200 - Perkhidmatan Luar Sivik dan Masyarakat. Saya memang menyanjung tinggi tujuan kerajaan untuk mengadakan program ini dan program ini amatlah penting dan besar maknanya, tetapi saya sebut beberapa kali tetapi keadaan belum lagi berubah. Saya tidak salahkan pegawai tetapi perancangan untuk mengadakan sivik ini adalah terhad sekali terutama sekali di negeri-negeri macam Sarawak mungkin juga di negeri-negeri yang lain, yang besar. Kalau di Sarawak, kalau di kawasan saya masih banyak kawasan yang mana orang sivik ini tak boleh sampai, kalau datang pun betul-betul untuk satu hari sahaja. Dan tujuan sivik ini untuk memberi penjelasan kepada masyarakat luar bandar

dan masyarakat luar bandar tidak mendapat penerangan yang khusus daripada kerajaan.

Jadi, kalau tujuan kita mengadakan mana-mana perancangan ataupun program yang secara orang kata 'too prompt action', yang pertama, untuk membangunkan minda manusia. Yang kedua, untuk membangunkan secara fizikal infrastruktur kita tetapi pembangunan minda di luar bandar adalah amat berkurangan sekli.

Umpamanya, di kawasan Lubok Antu, di kawasan Batang Lupar, masih banyak pancaran televisyen dan radio belum sampai, tak payah sebut TV1 dan TV3, TV2 pun tak boleh sampai. Tetapi TV2 itu hanya program pendidikan yang banyak, tetapi orang luar bandar tak terima. Jadi, orang dengar sahaja TV1 itu dan TV3 tetapi Astro itu saya tak tahulah, kalau di kampung kawasan saya Kasindu, Lunying, Belimbing Besi, Lubok Antu, Bujang Senang dan sebagainya, saya tak tahu sama ada boleh sampai siarannya, saya percaya tak boleh sampai.

Jadi, yang amat penting sekali masyarakat luar bandar diberi maklumat yang khusus, maklumat yang kita ini sudah maju, yang masyarakat ini sudah naik kereta, bukan naik perahu lagi di luar bandar. Jadi, mereka hendak melihat juga apa yang berlaku.

Jadi, kita boleh beri kalau siarannya boleh sampai, Tuan Pengerusi. Mungkin Ahli Parlimen ini boleh dibenarkan oleh kementerian untuk meminta kepada kerajaan supaya setiap rumah panjang diberi satu televisyen. Dan televisyen itu diberi di situ sebagai sumber maklumat kepada orang luar bandar

dan bila disampaikan televisyen itu kepada setiap rumah panjang dan setiap kampung itu, diletakkan sama ada di dewan masyarakat ataupun di mana-mana, tetapi kalau siarannya tidak boleh sampai ke sana, bermakna televisyen itu tinggal televisyen macam itu sahaja, peti yang tidak bermakna.

Jadi, maklumat yang ingin kita sampaikan tidak sampai kepada targeted group, dengan izin, di luar bandar. Jadi, saya berharap kalau pihak kementerian belum mendapatkan satu mekanisme yang mana siaran ini boleh dihantarkan, saya berharap tindakan boleh diambil supaya masyarakat di luar bandar bukan sahaja tidak melihat jalan tetapi sepatutnya sekurang-kurangnya sudah boleh mendengar berita yang jalan itu akan sampai ke kampung mereka. Dan janganlah orang tak tahu siapa Perdana Menteri, siapa Timbalan Perdana Menteri dan jauh lagi hendak tahu siapa menteri-menteri lain kalau tak datang ke tempat yang tersebut.

Jadi, saya berharaplah soalan penyiaran ini ....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa cukup.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Insya-Allah, Tuan Pengerusi. Saya gulung. Saya berharap perkara itu diambil penekanan yang berat supaya masyarakat seluruh negara Malaysia ini boleh menerima siaran televisyen TV1, TV2 dan TV3 kalau selepas itu Astro dan pihak Ahli Parlimen boleh digalakkan meminta kepada kerajaan supaya setiap rumah panjang, setiap komuniti diberi satu televisyen untuk menjadi sumber maklumat kepada mereka.

Tuan Pengerusi, yang akhir sekali, sebagai gulungan, saya haraplah TV1 dan TV2 tak payahlah keluar video clip banyak sangat, kalau video clip itu keluar biarlah Astro yang buat, biarlah TV3 yang buat, video clip dan lagu, Saya pun tak faham lagu itu, biarlah dikeluarkan oleh pihak lain, RTM tak payahlah keluarkan video clip, kalau hendak keluarkan maklumat hal pembangunan dan kejayaan kerajaan bolehlah. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Teluk Intan.

**5.00 ptg.**

**Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin menyentuh mengenai Butiran 020000, 030000.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini pada 17 Mei bila saya telah dilantik sebagai Ahli Parlimen, seperti biasa walaupun ada bantahan di sini, saya telah dipilih.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan M. Kulasegaran:** Minta maaf, saya telah dipilih. Bila saya telah dipilih pada 17 Mei seperti biasa, RTM telah berada di kawasan hari itu kawasan saya juga telah berada menjalankan fungsi sebagai di tempat pengiraan undi, telah mula berada dari pukul 6.00 saya difahamkan. Bila saya sampai ke tempat itu lebih kurang pukul 7.30 malam, 'wire' tak habis-habis lari di sini sana. Dan pegawai RTM dan sebagainya semua ingin mendapat keputusan dan reaksi dari semua, tanpa reaksi dari saya, saya akan beritahu apa jadi selepas itu.

Jadi, mereka yang menunggu adalah keputusan bahawa Barisan Nasional bukan sahaja telah mengekalkan tempat kerusi itu tetapi telah mendapat majoriti yang baik, .....

**Seorang Ahli:** Pandang kepada Speaker.

**Tuan M. Kulasegaran:** ..... bagus, macam sebelum ini 14,000 majoriti akan tetapi lebih kurang 45 minit selepas pukul 7.30 malam, bila saya sampai bila informal keputusan telah diberi bahawa parti DAP telah menang dengan .....

**Seorang Ahli:** Point of order.

**Tuan M. Kulasegaran:** Apakah fungsi RTM ini? Adakah ia telah datang ke sana untuk mendapat satu berita baik yang tidak diberikan oleh Teluk Intan pada hari itu. Jadi, bukankah fungsi RTM untuk menyiarkan cerita yang benar, cerita yang telah terjadi dan mereka dihantarkan oleh rate payers, oleh tax payers di negara ini ke merata-rata tempat di Malaysia termasuk Teluk Intan untuk menyiarkan cerita yang benar, kenapakah hari itu mereka enggan berada di tempat dimasa-masa di mana satu sejarah telah terjadi di Teluk Intan. *[Tepuk]* 'Write history and create miracle.' Ini saya ini. *[Ketawa]* Ini RTM patut menyiarkan seperti yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau yang mengatakan bahawa apa yang terjadi di Dewan yang mulia ini tidak disiarkan di RTM dan sebagainya. Ini mustahak yang kita perlu faham adalah, saya pun bila saya balik ke Teluk Intan ramai orang bertanya apa Yang Berhormat pergi ke Parlimen dan .....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*



**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Hendak beri jalan atau tidak? Rompin bangun.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Katakan saya beri point of order, ini penjelasan tentang sejarah ini. Mungkin sejarah kepada Ahli Yang Berhormat mungkin, tetapi pada kita bukan sejarah saya rasa. Minta penjelasan sedikit ya. Ahli Yang Berhormat menang ini sejarah kepada Ahli Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran:** Ya, sejarah untuk demokrasi Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ini macam Ahli Yang Berhormat ini, Kota Melaka minta berlatih sebagai penceramahkah ini, jangan gunakan Dewan ini untuk hendak berlatih ceramah.

**Seorang Ahli:** Duduklah, apa in!

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih Romin. Saya hairan, bila saya katakan ada sejarah bila di tahun 1995 Barisan Nasional mendapat kelebihan undi lebih kurang 14,000 dan Gerakan boleh dikatakan bukan sahaja mereka dapat mengekalkan kerusi tersebut tetapi akan dapat lebih undi, tetapi bila mereka tak sangkalah yang saya akan bertanding di sana, jadi, bila 'man's of miracle', ini Rompin tak tahu ini. Jadi, bila saya telah dicalonkan ke tempat sana, bukan sahaja saya telah mengalahkan Barisan Nasional tetapi telah .....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** 36(1). Yang Berhormat ini tak ada kena-mengena dengan Jawatankuasa ini. Ini hendak menceritakan sejarah, balik di kawasan panggil ahli-ahli DAP ceritakan sejarah, tetapi bukan di dalam Dewan ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, kes yang spesifik itu pendekkan sahaja Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran:** Spesifik. Yang Berhormat minta penjelasan, jadi, saya berilah. *[Ketawa]* Bila bertanya kita beri, dia tak mahu, dia mahu yang dia mahu sahaja, macam pada 17 Mei, Barisan Nasional mahu menang, tetapi tak jadi, terimalah apa yang telah jadi sejarah. Ha, terima, saya tak mahu buang masa lagi.

Selain dari itu, mengenai Nada Suara yang disiarkan, saya berterima kasihlah kepada RTM yang sekarang menyiarkan pada hari Jumaat dan hari Sabtu, tetapi saya pohon, 'this is special case', kerana rakyat masyarakat India yang berada di negeri-negeri Perlis, Kedah dan Kelantan, mereka dapat menerima Nada Suara pada hari Jumaat dan di lain-lain negeri pada hari Sabtu, jadi yang lebih mustahak adalah kalau dapat di extend timenya dari setengah jam ke satu jam, tambahkan masa.

Selain dari itu, saya juga pohon agar Nada Suara ini bukan sahaja selalunya tak habis-habis, ini ada boring sedikit, selalunya Menteri Kerja Raya selalu ada, dia dengan isterinya tak habis-habis. Bukan saya hendak berada di sana, tetapi show the other aspect, ada banyak rakyat di Malaysia ini, jadi, lebih baiklah kalau kita on the overall aspect.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Rompin bangun lagi Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran:** Minta maaf. Saya ....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya hendak bertanya, tadi Yang Berhormat minta supaya lebih siaran diberi kepada kaum India, MIC bukan orang Indiakah?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, dia tidak mahu beri jalan.

**Tuan M. Kulasegaran:** Lain kali, lain kali.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, dia tidak mahu beri jalan ya.

**Tuan M. Kulasegaran:** Saya hairan, dia tak faham Standing Order ini. Buku biru ada atau tidak? Saya boleh beri Yang Berhormat Dato'. Yang mustahak, saya pohon agar RTM akan melanjutkan masa dari setengah jam ke satu jam sekurang-kurangnya supaya orang-orang di estet dan sebagainya dapat menonton kerana ini adalah penyiaran yang baik dan mustahak.

Selain dari itu, di sesi yang lama saya telah pun bertanya kenapa sebab-sebab tertentu Berita Tamil telah dibawa dari pukul 5.30 ke pukul 5.00, lebih awal. Jadi, ini menyusahkan kepada masyarakat India kerana kebanyakan masyarakat India yang bekerja sebagai kuli balik selepas pukul 5.00. Sebenarnya, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mungkin tahu sebelum ini Berita Tamil adalah pada pukul 6.00 telah dipercepatkan ke pukul 5.30 dan sekarang pukul 5.00. Sebenarnya, bila pukul 5.00 ini kebanyakan orang India tidak dapat menontonnya kerana masa itu adalah masa mereka balik dari

tempat kerja, jadi saya harap kerajaan akan mengambil perhatian dalam perkara ini.

Selain dari itu juga, sebelum ini Yang Berhormat Menteri Penerangan telah memberi kenyataan bahawa beliau akan mengambil perasaan orang-orang yang bukan Islam yang akan membawa lebih program mengenai agama Hindu, Buddha, Kristian mungkin akan menyiarkan di RTM, adakah ini telah dikaji dan adakah ia akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Selain dari itu, saya juga ingin tahu, bukankah masa telah tiba supaya lesen TV semua dihapuskan, ini lebih-lebih lagi kerana TV1 dan TV2 sudah menjadi satu TV yang komersial di mana mereka bukan sahaja menunjukkan gambar-gambar yang ditajakan oleh beberapa syarikat yang tertentu, selain dari itu mengutip wang, bukankah masanya telah tiba supaya lesen TV dihapuskan untuk semua di Malaysia ini. Saya harap ini akan dilaksanakan dengan segera.

Selain dari itu, saya juga ingin ....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa cukup.

**Tuan M. Kulasegaran:** Saya hendak gulung, kacau sahaja sebelum ini sehingga tak dapat hendak habiskan semua. Saya hendak katakan lagi satu adalah mengenai BBC yang ditayangkan 24 jam. Kerana apakah ia tidak ditayangkan di negara ini? Saya difahamkan bahawa CNN, ABN dan semua news agency yang lain membenarkan kerajaan-kerajaan tertentu untuk menapis, 'to censor' tetapi hanya BBC sahaja tidak membenarkan penapisan

ini, adakah ini betul, adakah sebab itu siaran British Broadcasting Corporation (BBC) tidak dibuat di negara ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, masa cukup.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Parit Buntar.

**5.10 ptg.**

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya bangun sejak pukul 3.30 tadi, Alhamdulillah dan terima kasih kerana memberikan kesempatan ini. Saya hanya ingin menyentuh Butiran 030200 - Perkhidmatan Luar Sivik dan Masyarakat, 030300 - Akhbar dan Penerangan dan Sukan Komenwel - 060100. Kesemuanya terletak di bawah Perkhidmatan Penerangan kecuali Sukan Komanwel.

Sudah banyak kita mendengar tentang kelemahan yang dijelaskan oleh sahabat-sahabat saya bercakap sebelum ini tentang ketidakberkesanan maklumat kerajaan sampai ke peringkat akar umbi dan berdasarkan kepada pemerhatian ini dan juga berdasarkan kepada apa yang kita saksikan selama ini, saya rasa mungkin masanya telah sampai untuk Kementerian Penerangan amnya dan Jabatan Penerangan khususnya untuk menilai semula cara mereka beroperasi, struktur organisasi jabatan mereka dan methodologi yang digunakan dalam kempen-kempen awam ini.

Pada dasarnya penerangan yang diberikan itu adalah dari satu segi melibatkan kempen awam dan secara langsung ia merupakan satu proses penerimaan perubahan, kalau misalnya rakyat tidak faham tentang IT, kita jelaskan kemudian mereka faham dan menerima IT, keseluruhan proses itu adalah proses penerimaan perubahan ataupun innovation decision process dalam bahasa Inggerisnya. Dan kalau kita kaji ilmu sosio-psikologi untuk sesuatu perubahan berlaku, kita harus melalui pelbagai tahap, sekurang-kurangnya ada lima tahap. Tahap pertama, ialah tahap awareness ataupun kesedaran dalam mana masyarakat ataupun individu sedar tentang sesuatu, kalau kita bercakap tentang IT masyarakat sedar tentang adanya IT.

Selepas mereka sedar barulah timbul tahap kedua iaitu tahap 'interest' ataupun minat setelah mereka menerima maklumat tentang IT, mereka mungkin timbul minat.

Kemudian barulah sampai ke peringkat ketiga iaitu peringkat 'evaluation' ataupun penilaian individu ataupun anggota masyarakat akan menilai maklumat itu sama ada hendak menerima atau menolak. Dan akhir sekali barulah sampai ke peringkat 'adoption atau rejection' iaitu penerimaan atau penolakan.

Ini tahap ataupun proses yang perlu dilalui dalam penerimaan perubahan. Setiap masyarakat harus melalui proses ini dan kalau kita melihat struktur organisasi penerangan di negara ini, struktur Kementerian Penerangan sendiri, ia terbahagi kepada dua. Satu, Jabatan Penyiaran yang secara langsung

mengendalikan komunikasi massa (mass communication) yang mengendalikan siaran TV, radio dan sebagainya.

Kemudian, Jabatan Penerangan yang mengandungi pegawai-pegawai penerangan adalah melaksanakan apa yang kita sebut, inter personel communication, ataupun komunikasi bersemuka. Ini ada dua perbezaan. Sebenarnya, di samping usaha yang dijalankan oleh lain-lain media cetak, peringkat komunikasi massa hanya berjaya dari penyelidikan, kajian, survey yang telah dibuat oleh banyak negara, hanya mampu memenuhi fungsi yang pertama iaitu melahirkan kesedaran terhadap sesuatu dan paling banyak ia menimbulkan minat. Peringkat penilaian dan peringkat penerimaan atau penolakan iaitu peringkat keputusan, harus dilaksanakan, dicapai pada peringkat komunikasi inter personel ataupun komunikasi bersemuka yang sebenarnya adalah tugas pegawai-pegawai penerangan, sama ada pegawai perkhidmatan luar, sivik dan sebagainya.

Jadi, di sinilah saya rasa timbulnya kelemahan yang kita lihat. Banyak kempen awam yang telah dilaksanakan, kita tidak yakin sama ada apa yang dimaksudkan dengan kempen itu telah mencapai hasrat yang dicita-citakan di sebalik kempen itu, saya ingin bertanya misalnya saya ambil contoh sebagai kempen IT, ada disebutkan tentang Wawasan 2020, sama ada sebelum strategi kempen itu digariskan kita mempunyai data-data yang tertentu tentang target audience, tentang kumpulan sasar yang hendak ditujukan. Kita ingin tahu sama ada kementerian mempunyai profile tertentu tentang sikap, tabiat dan

kegemaran audience sebelum kita cuba memberikan mesej ataupun utusan ini kepada mereka.

Kalau tidak, kita hanya pakai hentam kromo sejak dahulu kita main hentam, ada peruntukan, ini peruntukannya, okay ini kempen, sir, I have done my duty, the campaign has been launched, dengan izin, tetapi kita hendak tahu sama ada yang dibuat itu berjaya, kita hendak tahu sekurang-kurangnya bagaimana sikap masyarakat sebelum kempen, semasa kempen dan sesudah kempen, sekurang-kurangnya ada tiga penilaian barulah kita dapat mengukur kejayaan sesuatu kempen. Kalau tidak, sepertimana yang disebutkan tadi, kita mungkin akan membelanjakan sumber yang terhad, tidak secara maksimum iaitu penggunaan sumber yang terhad, tidak secara berketrampilan. Ini sebenarnya satu pembaziran, tambah-tambah lagi semasa negara sedang menghadapi masalah ekonomi sekarang.

Saya sebut tadi, mungkin masanya sudah sampai untuk kementerian mengkaji semula dan kalau perlu revampataupun susun semula struktur Jabatan Penerangan ini, saya ambil contoh, Perkhidmatan Luar Sivik dan Luar Masyarakat. Yang kita nampak sekarang ini pegawai-pegawai penerangan di peringkat daerah mengadakan jamuan makan, jemput pemimpin masyarakat, jemput ketua-ketua tertentu beri ceramah, itu sahaja dan kalau ada pun ada sedikit soal jawab untuk memenuhi keperluan inter personel communication tadi, tetapi apakah methodology ini yang telah kita pakai sejak bertahun-tahun dahulu merupakan satu cara yang efektif, sedangkan manusia telah berubah,



masyarakat sudah berubah, teknologi makin canggih, kita masih menggunakan method ini.

Kemudian sebagai satu contoh akhbar dan pembangunan iaitu Butiran 030300. Untuk makluman Dewan yang mulia ini antara lain tugas bahagian akhbar dan perhubungan ini ialah menyediakan teks ucapan menteri, kenyataan akhbar kepada surat-surat khabar tempatan. Dan teks ini setelah disediakan dimasukkan ke dalam peti yang kita panggil 'pigeon hole' - lubang burung merpati yang terdapat di luar jabatan itu, kemudian barulah despatch rider dari pertubuhan akan datang dua kali sehari, ambil benda dari dalam itu bawa balik ke pejabat mereka, jadi, proses ini daripada menyediakan teks ucapan ataupun statement, pagi paling awal dia akan sampai ke meja pertubuhan-pertubuhan akhbar di sebelah petang. Bayangkan satu benda penyebaran maklumat dari satu tempat ke satu tempat di Kuala Lumpur mengambil masa berjam-jam, empat, lima jam dalam zaman Internet, dalam zaman sains dan teknologi.

Saya perhatikan inilah caranya yang dibuat oleh jabatan ini sejak 30 tahun yang lalu. Saya mula berhijrah ke Kuala Lumpur dalam tahun 1966, itulah caranya, masukkan maklumat ke dalam pigeon hole, yang berubah ialah pigeon hole itu sekarang ada warna, cat baru. Kalau dahulu cat buruk sekarang dia cat baru, itu sahaja. Tetapi kita harus kaji semula, inikah caranya methodology yang hendak kita jalankan setelah 40 tahun lebih merdeka, sekarang kita bercakap tentang teknologi yang canggih.

Saya rasa dari segi kasarnya ini sudah tidak relevan lagi, sebab kalau kita bercakap tentang teks ucapan yang dibawakan oleh Yang Berhormat

Menteri, setiap kementerian ada pegawai perhubungan akhbar, ada setiausaha akhbar, orang inilah yang membuat kerja itu. Jadi, kalau ini dilakukan oleh pegawai-pegawai akhbar dan itu juga yang dilakukan oleh Jabatan Penerangan (Bahagian Akhbar), itulah juga yang dilakukan oleh BERNAMA dan kesemuanya menggunakan dana awam, ini adalah satu percanggahan, pembaziran dana, pembaziran wang, membuat kerja yang sama. Tiga department yang sama menjalankan tugas yang hampir-hampir sama, saya tak kata samalah, tetapi pada hakikatnya kenapa tidak kita selaraskan. Kalau misalnya tugas dan fungsi ini didapati sudah tidak relevan, kita tutup sahaja, kita buat cara lain.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa cukup ya.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Tuan Pengerusi, satu perkara lagi yang ingin saya sentuh ialah tentang Sukan Komanwel.

Saya telah timbulkan tahun lalu tentang pentingnya acara ini dari segi menaikkan imej Malaysia. Kejayaan atau kegagalan Sukan Komanwel bukan terletak kepada kejayaan atlet-atlet kita memenangi pingat, walaupun ini merupakan satu kejayaan. Kejayaannya ialah sama ada kita dapat mengambil peluang ini untuk mempublicisekan atau untuk menyebarkan negara kita ke luar negara dan ini boleh dilaksanakan oleh international media.

Saya ingin tahu dari kementerian apa yang telah dibuat untuk memastikan hal ini sama ada international media centre yang pernah saya sebut

dahulu sudah bersiap sedia untuk menerima tetamu dari luar negara. Sekian, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sibü.

**5.20 ptg.**

**Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin menyentuh maksud B.44 - Butiran 020100 - Rancangan.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Penerangan kerana telah memberi program yang lebih menarik kepada semua rakyat di negara kita iaitu kita tidak menafikan semua aspek broadcasting RTM semuanya telah meningkat - tahniah.

Tuan Pengerusi, tentang rancangan, saya telah berucap beberapa kali di Dewan yang mulia ini tentang program yang berbahasa Mandarin dan Cina. Tentang program Mandarin khususnya di dalam TV series, drama series nampaknya lebih kurang 100% ialah di dalam bahasa Kantonese kerana bahasa Mandarin adalah bahasa common language untuk semua kaum Cina di negara kita, saya haraplah, walaupun saya tahu ini ada alasan mungkin sponsor, mereka ingin disiarkan di dalam bahasa Kantonese, tetapi saya haraplah kementerian akan mengkaji semula mungkin boleh dicampurkan 50% di dalam bahasa Mandarin pada peringkat permulaannya dan meningkat kepada 100%.

Dan tambahan pula saya bersetuju dengan rakan saya dari Batang Lupar di tempat bujang senang ini [*Ketawa*] program tentang aktiviti kebudayaan beberapa kaum di luar bandar di Sarawak terlalu kurang iaitu saya harap dan

saya bersetuju pada masa Pesta Gawai dan lain-lainnya cuba disiarkan satu, dua program khasnya tentang ada kaitan festival yang tertentu.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk Maksud P.44, Butiran 01200 - Liputan TV dan Radio VHF/FM. Sarawak ialah kalau kita kira mengikut area, dengan izin, ialah terbesar di dalam negara kita. Areanya kurang lebih sama besar dengan Semenanjung Malaysia tanpa negeri Perlis, tetapi nampak TV crew hanya di Kuching sahaja. Sibul, Miri, Bintulu tidak ada, kerana itu aktiviti mungkin menarik, mungkin penting untuk kepentingan negara atau rakyat tidak disiarkan, tidak ada mengikut opportunity keperluan yang disiarkan.

Saya merayulah dengan ikhlas kepada kementerian bolehkah dikaji semula membina satu crew camera team di Sibul, Miri minimum, mungkin akan diikuti pula ke bandar-bandar yang lain di Sarawak.

Sekarang di Sarawak kami pun tidak dapat menerima siaran program Metro TV dan di beberapa area di luar bandar TV3 pun tidak dapat diterimakan siarannya, itu sama jugalah seperti yang telah disebutkan oleh rakan saya tadi Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar.

Saya harap perkara ini yang penting, saya harap kementerian akan melaksanakan projek ini supaya semua area akan dicover oleh TV3 dan Metro TV secepat mungkin.

Perkara terakhir ialah tentang masalah parabola. Sekarang berapa ribuan parabola telah dipasang di negeri Sarawak, kalau semua kena denda pun susahlah. *[Ketawa]* Khasnya sekarang saya fikir mungkin kementerian akan

mengkaji semula, sebelum semua area, semua kawasan boleh menerima program siaran dari RTM dan TV3 janganlah didenda parabola yang haram ini, ini saya harap banyak orang yang meminta dan merayu di Dewan yang mulia ini dan saya berharap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan memberi perhatian dengan berat berkenaan dengan isu ini. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sekejap Yang Berhormat, kita ada Usul ya. Majlis bersidang semula.

**Majlis Mesyuarat bersidang semula.**

## USUL

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji**

**Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.”

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [ Dato' Abu Bakar bin Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat,

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.”

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.”

**Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.**

***Persidangan disambung semula.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)  
***mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kota Melaka.

**5.30 ptg.**

**Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan B.44, Butiran 020000 Program/Aktiviti Perkhidmatan Penyiaran.

Di sini saya ada beberapa perkara yang saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian di mana di antaranya ialah, pertama, sama ada pihak kementerian sedar bahawa beberapa penonton berasa tidak puas hati tentang kejayaan Astro yang dapat memonopolikan semua penyiaran permainan bola sepak Inggeris Premier League atau Liga Premier Inggeris di mana semua permainan ini ditayangkan hanya oleh Astro. Bukankah ini merupakan satu penafian hak untuk golongan tidak berada yang suka menonton permainan bola sepak yang bermutu daripada Liga Inggeris di mana kerana mereka tidak mampu untuk melanggan kepada Astro, mereka akan dinafikan hak untuk menonton permainan tersebut yang sebelum ini disiarkan oleh TV3 ataupun RTM.

Saya rasa kalau kita hendak swastakan pun untuk menafikan golongan yang begitu besar khususnya golongan tidak berada daripada menikmati permainan yang bermutu ini saya rasa harus diambil kira oleh pihak kementerian supaya golongan ini bolehlah mendapat pertimbangan yang sewajarnya dan tidak dinafikan oleh kerana ada satu badan swasta yang boleh membuat bayaran yang begitu besar. Saya ingin tahu apakah jumlah bayaran yang dibuat oleh Astro kepada Communication Services International, mungkin Yang Berhormat boleh nyatakan untuk menyiarkan semua permainan bola sepak Liga Inggeris. Adakah pihak kementerian akan sekurang-kurangnya membolehkan penonton-penonton yang tidak melanggan Astro boleh menonton permainan-permainan ini bukan secara recorder telecast, dengan izin, tetapi secara langsung. Saya rasa kalau ini tidak dibenarkan, maka apa yang akan jadi ialah golongan yang tidak mampu akan dinafikan dan penswastaan hanya akan mementingkan atau memihak kepada golongan yang kaya sahaja.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk bertanya berapakah stesen swasta TV yang ada sekarang, kerana saya difahamkan selain daripada RTM, TV3, TV4, Astro dan juga NTV - saya rasa dari Jepun, ada satu lagi lesen baru untuk stesen swasta televisyen telah diberikan untuk daerah utara, kalau tidak silap, diberikan kepada sebuah syarikat yang bernama Masmedan Sdn. Bhd. Bolehkah saya dapat maklumat yang lebih lanjut apakah kawasan yang mereka boleh dibenarkan membuat penyiaran dan siapakah pihak yang di belakang syarikat-syarikat stesen swasta TV ini, sama ada NTV ataupun Masmedan dan sebagainya.

Saya juga ingin bertanya apakah pendirian ataupun dasar pihak kementerian tentang iklan-iklan secara tidak langsung oleh syarikat-syarikat rokok. Saya difahamkan bahawa setiap tahun pihak kementerian atau RTM mengutip bayaran iklan sebanyak RM151 juta, oleh yang demikian mereka enggan mengharamkan pengiklanan secara tidak langsung oleh syarikat-syarikat rokok tersebut. Tetapi

saya rasa pihak kementerian harus lebih mengambil berat kesihatan orang awam kerana pengiklanan secara tidak langsung ini akan secara langsung menggalakkan lebih ramai orang merokok khususnya di kalangan belia dan pemuda.

Saya amat kesal bahawa sungguhpun beberapa saranan telah dibuat, baik oleh pihak doktor ataupun oleh orang awam dan NGO tetapi pihak kerajaan masih tidak mempedulikan saranan supaya semua iklan oleh syarikat-syarikat rokok ini diharamkan sama sekali, iaitu sama ada secara langsung atau tidak langsung. Saya tidak tahu sama ada keengganan untuk berbuat demikian adalah berpunca daripada minat ataupun tabiat Yang Berhormat Menteri ataupun pegawai-pegawai tertentu yang suka merokok, tetapi saya rasa itu tidak sepatutnya menjadi rasional untuk terus membenarkan pengiklanan daripada syarikat-syarikat rokok, baik dalam apa bentuk pun kerana kesihatan orang ramai dan juga kalau kita lihat daripada kos yang akan ditanggung oleh negara pada masa depan untuk mengubati mereka yang menghidapi barah paru-paru, saya rasa ia akan membawa kos yang lebih tinggi daripada apa-apa faedah atau pendapatan yang akan dinikmati oleh RTM.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin bertanya tentang siasatan yang dijalankan oleh pihak kementerian tentang satu dakwaan oleh seorang produser bernama M. Nasir bahawa wujudnya amalan rasuah di kalangan juruhebah, kerana difahamkan bahawa perkara ini telah dirujuk kepada BPR. Adakah perkara ini telah disiasat kepada akar umbi dan apakah keputusan yang dibuat oleh pihak kementerian tentang perkara ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin sekali lagi seperti yang saya pernah buat pada masa lampau bahawa masa siaran untuk Berita Bahasa Mandarin haruslah ditambahkan. Saya membuat saranan ini tanpa sebarang faedah yang saya boleh perolehi kerana saya tahu sungguhpun masa siaran untuk Berita Bahasa Mandarin akan ditambah tetapi pihak pembangkang tidak ada sebarang liputan langsung, tetapi saya rasa masa ini harus ditambah supaya dapat memberikan maklumat yang lebih luas kepada kaum Cina. Saya rasa sungguhpun saya membuat saranan sedemikian, ia akan lebih memanfaatkan pihak kerajaan khususnya MCA dan Gerakan kerana RTM ini tentu akan diarahkan untuk membuat penyiaran berita tentang aktiviti mereka dan bukan berdasarkan kebenaran seperti yang pernah dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Teluk Intan di mana apabila berita-berita yang tidak memihak kepada Barisan Nasional, ia akan terus digam atau terus diharamkan sama sekali. Oleh sebab itu, kalau kita lihat tentang kebebasan yang ada dalam RTM tidak payah sebutlah, memang tidak wujud



langsung. Semua berita yang dibuat oleh parti pembangkang sungguhpun berdasarkan fakta dan kebenaran tidak akan diberikan sebarang liputan dan liputan.

Di samping itu saya juga ingin mendesak kalaulah pihak kerajaan atau RTM atau pihak kementerian tidak mahu menyiarkan berita-berita dalam media massa elektronik ataupun cetak tentang aktiviti-aktiviti ataupun pandangan oleh pihak pembangkang atau NGO, mereka harus sekurang-kurangnya menghormati institusi Parlimen. Parlimen sebagai satu institusi yang paling unggul dan paling tinggi dalam Perlembagaan kita harus diberikan tempat yang sewajarnya.

Saya rasa kalau kita lihat pengalaman di negara-negara maju, yang juga maju dari aspek demokrasi, siaran secara langsung untuk persidangan dan mesyuarat Parlimen disiarkan tetapi untuk negara kita, ia tidak dibuat. Apa yang berlaku ialah semasa Belanjawan ataupun apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri atau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat sesuatu pesanan atau utusan barulah siaran dibuat tetapi tidak meliputi keseluruhan persidangan Parlimen. Saya rasa kegagalan RTM berbuat demikian mungkin punca daripada perasaan malu oleh pihak kerajaan kalau rakyat boleh lihat prestasi yang disampaikan oleh ahli-ahli Parlimen khususnya para menteri tentang urusan Parlimen. Kalau mereka boleh lihat berapa kerap menteri-menteri datang ke Parlimen, contohnya sekarang hanya Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sahaja yang ada, biasanya beliau tidak ada tetapi sekarang beliau ada. Kalau siaran secara langsung dibuat, saya percaya lebih ramai menteri akan hadir, bukan seperti sekarang hanya dia tunggal satu orang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa cukup.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya akan gulung. Adalah harus ia akan memberikan insentif kepada menteri-menteri termasuk Yang Berhormat Menteri Pengangkutan untuk lebih kerap datang ke Parlimen. Kalau kita hendak bercakap tentang mempertingkatkan prestasi sektor awam, kita mesti bermula dari atas iaitu kita mesti ikut cogan kata Kepimpinan Melalui Teladan. Kalau kakitangan kerajaan yang selalu datang sepenuh masa untuk menjalankan urusan Parlimen daripada 2.30 petang sampai larut malam 8.45 tetapi lihat kehadiran menteri, saya rasa mereka pun akan menggelengkan kepala. Adakah ini prestasi menteri yang malas datang ke Parlimen. Kalau begitu, macam mana kita boleh cakap tentang mempertingkatkan prestasi kakitangan sektor awam. Ia mesti bermula daripada para menteri. Kegagalan berbuat demikian saya rasa akan menjejaskan.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masa sudah cukup, Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Guan Eng:** Minta jalan? Sila.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat tidak boleh beri jalan, masa sudah cukup.

**Tuan Lim Guan Eng:** Dia boleh berucap nanti, tidak apa.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masa sudah cukup. Minta sudahkan ucapan, sudah habislah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Oleh sebab itu saya harap bahawa siaran secara langsung boleh dibuat supaya kita dapat mempertingkatkan prestasi ahli-ahli Parlimen. Kalau tidak, saya rasa kerana kita dalam proses menjimatkan wang, mungkin mereka pun akan mencadangkan tengok prestasi macam ini, gaji menteri dan mereka yang tidak datang pun mungkin harus dipotong juga. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Bagan. Selepas ini kementerian akan menjawab.

**5.41 ptg.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Tuan Pengerusi, Butiran 020000 Perkhidmatan Penyiaran. Sebentar tadi kami telah mendengar ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka berkenaan dengan liputan langsung yang disiarkan berkenaan dengan persidangan Parlimen. Siaran langsung dilakukan dalam sidang Parlimen apabila Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan membentangkan Belanjawan untuk tahun depan dan juga satu siaran langsung telah dilakukan tiga hari yang lepas apabila Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan juga Timbalan Perdana Menteri membuat satu kenyataan rasmi berkenaan dengan saham UEM-Renong.

Kedua-dua siaran ini telah ditonton oleh semua lapisan rakyat tetapi masalah yang saya hendak membangkitkan di sini ialah sama ada arahan ada diberi kepada jurukamera-jurukamera berkenaan dengan gambar-gambar yang telah ditangkap dalam Dewan ini kerana apabila saya balik ke kawasan ada rakyat bertanya kepada saya di mana Yang Berhormat duduk? Yang Berhormat tidak ada hadir di Dewankah? Saya cakap, ada, saya duduk di depan sana. Dia kata, tidak nampak langsung. Dia cakap, semua ada, menteri ada, timbalan menteri ada dan backbencher semua ada dan tidak nampak semua pembangkang. Jadi, saya pun ambil peluang pada pukul 11.00 malam apabila saya menonton TV dan saya nampak betul juga, jurukamera di sebelah sana apabila dia tangkap dari sana sampai sini sudah hilang. Apabila sampai sini, dia sudah lesap, sudah hilang.

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Tanjung Karang bangun, hendak beri jalan?

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya.

**Tuan Noh bin Omar:** Saya hendak minta sedikit penjelasan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat dari Bagan, Yang Berhormat kalau menengok televisyen ada nampakkah Ketua Pembangkang pun ada, masa dia sedang bercakap pun ada ditunjuk di dalam televisyen? Kalau Yang Berhormat kata ada, sepatutnya Yang Berhormat pun mesti nampak sebab Yang Berhormat duduk di belakang Ketua Pembangkang. Saya sendiri lihat Ketua Pembangkang dia beri fokus, walaupun suaranya tidak keluar tetapi gambarnya diambil waktu dia bercakap dan waktu dia berdiri. Yang Berhormat masa itu keluar Dewan, sebab itu tidak nampak.

**Seorang Ahli:** Dia ponteng.

**Tuan Lim Hock Seng:** Bukan. Tuan Pengerusi, saya sendiri ada lihat dalam televisyen, TV1, TV2 ada tunjuk gambar sedikit tetapi TV3 langsung tidak ada, apabila sampai sini, sudah hilang. Dia jalan sana, sampai sini sudah hilang.....

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Itu filem habis. *[Ketawa]*

**Tuan Lim Hock Seng:** Dan Ketua Pembangkang apabila beliau mengambil bahagian dalam perbahasan, pada mulanya beliau berkata 'sokong penuh' - itu ada disiarkan. Tetapi sampai masa dia kata 'tetapi....' - sudah dipadamkan. Mengapa tidak mahu menyiarkan sepenuhnya perbahasan beliau supaya ada fakta dan maklumat-maklumat yang diberi oleh sebelah sana dan juga ada perbahasan diambil dari sebelah sini dan memberi rakyat satu gambaran bahawa demokrasi ada wujud dalam Parlimen, bukan dengar sebelah sahaja, Tuan Pengerusi.

Dan juga diketahui umum jikalau dalam satu pilihan raya kecil kalau rakyat mahu tahu apa keputusannya, tunggulah televisyen atau radio. Kalau dalam masa pukul 9.00 hingga 11.00 atau larut malam langsung tidak ada berita, itu bermakna berita baik kepada pembangkang kerana pembangkang telah menang dan tidak disiarkan langsung. Tetapi kalau Barisan Nasional menang, awal-awal pukul 9.00 lebih sudah ada keputusan permulaan. Walaupun keputusan belum muktamad tetapi ada tanda-tanda berkata telah menang. Inilah keadilan perkhidmatan penyiaran dalam negara kita. Saya tidak tahulah, mungkin ini radio dan televisyen sama ada ia dimiliki oleh kerajaan atau Barisan Nasional? Di sini kami patut membezakan kerajaan dan Barisan Nasional adalah dua perkara yang tidak serupa.

Kerajaan itu kerajaan, tetapi Barisan Nasional itu adalah parti. Bukan sahaja berkhidmat untuk parti sahaja, tetapi untuk kerajaan dan rakyat sekalian.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyarankan bahawa bayaran lesen RM24 terhadap televisyen ini patut dihapuskan kerana seperti rakan-rakan saya telah berkata bahawa dari iklan-iklan yang disiarkan dalam televisyen, pihak TV3 dan RTM telah dapat banyak hasil dari kutipan iklan itu. Saya rasa RM24 bagi kerajaan bukanlah satu jumlah yang sangat besar, lagipun kerana ada ramai yang tidak bayar lesen. Jadi buat jasa baik kepada rakyat, dihapuskan bayaran lesen ini.

Tuan Pengerusi, Butiran 030000 Perkhidmatan Penerangan. Saya suka membawa satu peristiwa, pada setiap pilihan raya kecil atau pilihan raya umum, jentera-jentera Jabatan Penerangan dipakai sehabis-habisnya dalam satu pilihan raya. Baru-baru ini di Sungai Bakap, kereta-kereta Jabatan Penerangan juga dilihat untuk menjalankan kempen-kempen bagi parti Barisan Nasional. Mereka menganjurkan acara-acara untuk pemimpin-pemimpin Barisan Nasional pergi ke sana menemui rakyat. Mereka juga mengaturkan pembesar suara atau P.A. system di merata-rata tempat.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan Lim Hock Seng:** Eh, banyak cepatnya. Saya gulung. Dan juga jentera-jentera Jabatan Penerangan seolah-olah hanya membantu pihak Barisan Nasional.....

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Hock Seng:** Masa saya sudah habis.

Dan juga saya ingin membangkitkan satu perkara.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:**.....ialah Pembantu Luar Khas Wakil Rakyat Barisan Nasional. Pembantu Luar Khas ini adalah satu monopoli.....

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Pokok Sena, masa dia sudah cukup, ya.

**Tuan Lim Hock Seng:**.....satu monopoli oleh wakil rakyat Barisan Nasional. Mereka ini bekerja dengan kontrak.....

**Seorang Ahli:** Duduklah, habis modal.

**Tuan Lim Hock Seng:** Sedikit sahaja, habis ayat ini. Mereka ini bekerja secara kontrak dan tugas mereka ialah untuk membantu wakil-wakil rakyat Barisan Nasional menjalankan tugas-tugas mereka di kawasan-kawasan mereka. Bukankah gaji ini dibayar oleh rakyat dan mengapa kerajaan dapat membekalkan seorang Pembantu Luar Khas kepada wakil-wakil rakyat Barisan Nasional dan tidak kepada wakil-wakil rakyat dari pembangkang?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, masa sudah lebih. Setiausaha Parlimen diminta jawab.

**Tuan Lim Hock Seng:** Dengan itu, saya ucap terima kasih kerana mahu bercakap lagi pun masa tidak ada.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen diminta jawab.

**5.51 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil peluang untuk membahaskan di peringkat Jawatankuasa perbahasan Belanjawan pada kali ini dan hampir 12 orang yang telah melibatkan diri dan banyak perkara yang telah dibangkitkan.

Yang Berhormat dari Parit Sulong telah membangkitkan beberapa perkara mengenai dengan siaran radio dan televisyen. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, kerajaan telah meluluskan sebanyak 7 buah stesen radio swasta di mana di antaranya ialah Measat Radio Communication, Measatra Broadcast Sdn. Bhd. dan Measat Rediffusion Cable Network, Rediffusion Sdn. Bhd., Suara Johor, Crystal Harta, Radio Lebuh Raya dan lain-lain dan hanya 2 sahaja stesen radio swasta yang kita galakkan penggunaan bahasa Inggeris dan Measat Radio Communication dan Measatra, manakala 5 stesen swasta yang kita telah luluskan, kita kenakan syarat iaitu 60% daripada bahan (content) siarannya haruslah menggunakan bahasa Malaysia dan 40% daripada content yang lain, bahasa-bahasa yang lain termasuk bahasa Inggeris. Kemungkinan masa Ahli Yang Berhormat mendengar siaran radio waktu itu disiarkan secara kebetulan melibatkan siaran yang menggunakan bahasa Inggeris, maka mungkin banyak daripada DJ kita telah menggunakan bahasa Inggeris.

Walaupun demikian, sekiranya ada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai dengan penggunaan pencemaran bahasa ini, kita amat menitikberatkan. Pada setiap bulan

kita mengambil tindakan tegas untuk menyemak agar juruhebah-juruhebah kita tidak akan melampau batas daripada peraturan yang telah kita kenakan. Sekiranya mereka terlibat secara tidak langsung untuk mencemarkan bahasa satu dasar negara kita, maka kita akan mengambil tindakan tegas dan mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat pun sedia maklum bahawa sebelum ini kita telah mengambil tindakan tegas, amaran-amaran untuk pihak-pihak juruhebah yang telah melibatkan diri dengan keadaan-keadaan yang kita tidak ingini.

Mengenai dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong juga mengenai dengan content ini, stesen-stesen TV dan radio adalah tertakluk kepada Akta Penyiaran 1988. Garis panduan penyiaran dan Akta Penapis Filem (LPF) 1992, ini di bawah jagaan Kementerian Dalam Negeri, kita memang sedia maklum bahawa kawalan ini dikendalikan oleh Kementerian Dalam Negeri untuk memastikan agar bahan-bahan siaran ini tidak akan mengandungi bahan-bahan yang lucu dan juga yang boleh menggalakkan anak-anak kita dan juga muda-mudi kita terjerumus ke arah budaya yang songsang, budaya yang kita tidak ingini ataupun budaya kuning, makanya pihak kementerian di samping itu juga kita mengamalkan sistem dalaman, beberapa peringkat penapisan bahan, satu di peringkat Lembaga Penapisan Filem Negara di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Yang kedua, kita tapis di peringkat kementerian sendiri dan selepas itu kita juga menapis menerusi pemilihan bahan-bahan yang diperolehi oleh stesen-stesen itu dan di peringkat stesen-stesen sendiri contohnya Astro. Mereka juga mempunyai sistem penapisan sendiri di mana garis panduan ini kita berikan kepada mereka dan mereka juga melibatkan beberapa pakar dan juga pihak-pihak yang terlibat termasuklah daripada Kementerian Dalam Negeri. Kemungkinan kalau ada spesifik kes yang mana Ahli Yang Berhormat ternampak dan terdengar bahawa pada sekian waktu liputan dan juga drama-drama ataupun filem-filem yang menampakkan adegan-adegan yang tidak baik, saya merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menyatakan kepada kita secara spesifik agar tindakan selanjutnya kita boleh ambil kepada pihak-pihak stesen yang terlibat menyiarkan adegan-adegan dan bahan-bahan yang tidak sepatutnya.

Mengenai dengan Ahli Yang Berhormat nyatakan tadi.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Ya.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya, sekarang diluluskan 7 buah lesen untuk radio swasta dan 2 yang diizinkan untuk menggunakan bahasa Inggeris. Satu lagi persoalan saya tadi ialah adakah pihak kementerian mempunyai kuasa di bawah akta untuk menentukan kandungan, adakah diizinkan radio ini hanya cuma radio muzik sahaja atau juga dia harus memainkan peranan dari segi menyebarkan maklumat mengikut peratusan-peratusan yang tertentu. Umpamanya macam Time Highway Radio, saya rasa memang radio muzik sahaja. Radio Measat adalah radio muzik sahaja. FM JB adalah radio muzik sahaja.

Tuan Pengerusi, saya mahir pasal radio sebab setiap minggu saya paling kurang dua setengah jam pergi dan dua setengah jam balik saya dengar radio dalam kereta balik ke Johor. Jadi, ini waktu saya mendengar radio. Jadi, siaran ini tidak ada mengandungi isi-isi lain selain daripada hiburan. Adakah itu yang dimaksudkan dengan content kepada 7 buah radio swasta yang diluluskan. Kalau itu maksudnya mengapa tidak diarahkan supaya sekurang-kurangnya 5%kah didedikasikan kepada negara. Ini asyik hendak menghibur sahaja macam mana?

Yang keduanya, televisyen. Saya hendak tanya adakah pihak Kementerian Penerangan walaupun penapisan filem di bawah kementerian yang lain, iaitu di bawah Kementerian Dalam Negeri, adakah Kementerian Penerangan berpuas hati dengan penapisan filem-filem daripada TV satelit, baik MGM Gold, HBO, Star TV, Disneyland Cartoon, siapa yang hendak memantau perkara ini? Takkanlah saya yang menjadi penonton hendak pergi hantar laporan kepada kementerian? Saya consumer, saya memberi pandangan. Takkanlah kami, semua rakyat jelata sekian hari hendak beri laporan kepada kementerian, tidak ada juga tindakan kalau kita berbuat demikian. Saya hendak tanya adakah pihak kementerian selaku menteri yang melesenkan televisyen-televisyen swasta berpuas hati dengan kandungan filem-filem yang disiarkan oleh televisyen swasta khususnya televisyen satelit iaitu Astro?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong. Mengenai dengan soalan beliau iaitu bersabit dengan radio tadi, memang pihak kementerian, menteri kita mempunyai kuasa dalam bidang ini untuk menentukan sedikit kandungan dalam radio mahupun TV. Di samping itu juga, kita memang sudah keluarkan lesen untuk beberapa stesen radio swasta yang menggunakan supaya cara penyebaran maklumat ini harus sedikit sebanyak mengandungi hiburan. Pada keseluruhannya kita akan menyampaikan maklumat ini dengan menggunakan rancangan-rancangan maklumat 24 jam. Kemungkinan untuk kita menarik para

pendengar yang terdiri daripada generasi-generasi belia yang kemungkinan tidak terdorong ke arah itu, maka agak sulit dan rumit sedikit bagi kita untuk menarik pendengar-pendengar yang dalam golongan, dengan izin, segment pendengar itu. Makanya penting bagi kita sedikit sebanyak, kemungkinan Yang Berhormat sedia maklum bila mendengar radio itu kadang-kadang pihak juruhebah kita akan masukkan di sepanjang penyebaran muzik itu sedikit maklumat di sepanjang siaran-siaran radio ini untuk kita ketengahkan kepada mereka. Walaupun demikian, seperti yang saya nyatakan tidak semua stesen radio kita.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Beri saya peluang sedikit untuk menjawab, selepas ini saya beri. Seperti yang saya nyatakan, bukan semua stesen radio ini kita akan beri kelulusan untuk muzik semata-mata. Ada lesen-lesen yang lain seperti Radio Lebu Raya, Rediffusion dan lain-lain juga kita keluarkan untuk menghebahkan pelbagai maklumat.

Mengenai dengan Ahli Yang Berhormat sentuh tadi iaitu Lembaga Penapisan Filem, memang pihak kementerian bekerjasama cukup rapat dengan Kementerian Dalam Negeri. Buat setakat ini memang kita dapati bahawa adegan-adegan yang dipaparkan di TV khususnya Astro adalah mematuhi garis panduan yang telah dikenakan oleh Lembaga Penapisan Filem di bawah Kementerian Dalam Negeri. Walaupun demikian, kita tidak.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Hendak beri jalan kepada Yang Berhormat dari Parit Sulong?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Nanti saya beri kerana saya menjawab dua soalan tadi. Kalau saya tidak menjawab dua soalan tadi, kita akan ada soalan tambahan lagi.

Mengenai dengan soalan Yang Berhormat tadi berkenaan penapisan filem sama ada kementerian puas hati ataupun tidak, setakat ini seperti yang saya nyatakan kita berpuas hati di atas kerjasama daripada pihak-pihak yang lain termasuklah pembabitan kita di mana kita menduduki jawatankuasa walaupun bukan pengerusi di peringkat Lembaga Penapisan Filem yang dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Dalam Negeri. Walaupun demikian, kita tidak meminta supaya pihak ahli-ahli Parlimen pada tiap-tiap hari untuk menekankan meminta supaya laporan daripada Ahli-ahli



Yang Berhormat. Cuma saya nyatakan bahawa di peringkat kita sendiri khususnya pegawai-pegawai khas di luar-luar juga kita telah arahkan untuk sedikit sebanyak memberi maklumat tentang maklum balas perkembangan-perkembangan sama ada masyarakat kita berpuas hati dengan siaran-siaran radio dan TV yang sedang kita laksanakan pada hari ini iaitu sedikit input. Kemungkinan input itu agak berbeza daripada input mungkin pihak-pihak yang bebas dan ini sedikit sebanyak kalau dapat kita persamakan semata-mata untuk kepentingan negara dan untuk melahirkan satu bangsa yang mempunyai budaya yang kita cita-citakan. Sila Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya faham bahawa sebilangan majoriti radio-radio swasta ini wujud atas dorongan pasaran atau market driven, dengan izin. Jadi, saya juga tidak mahu supaya radio ini jadi macam Radio Malaysia, tetapi yang saya tanya apakah pulangan radio-radio ini kepada proses sumbangan pembinaan generasi? Saya hendak tanya adakah dia seratus peratus cuma radio hiburan ataupun tidak boleh kita menuntut 10% berilah kepada kerajaan supaya diselitkan secara menurut strategi edutainment umpamanya, menerusi satu persembahan yang menarik supaya sesuai dengan selera remaja yang menjadi target utama kepada radio-radio ini tetapi ini tidak berlaku, Tuan Pengerusi.

Saya dengar radio ini kadang-kadang penyanyi Barat diberi profail dia, wah, penyanyi ini.....kita siasat penyanyi ini penagih dadah. Penyanyi yang dia beri profail, penyanyi ini lesbian. Jadi, adakah kita faham perkara ini? Kita memberi glamour kepada idola-idola yang salah kepada generasi muda kita. Adakah kami yang bertanggungjawab? Adakah pihak kerajaan bertanggungjawab supaya orang-orang ini tergila-gilakan membina idola-idola dengan gaya hidup yang songsang, saya hendak bertanya.

Saya tidak tahulah macam mana caranya, Setiausaha Parlimen, cuma saya kata, kalau lagu P. Ramlee tidak adapun profail dia, mengapa harus kita memberi bias dan emphasis kepada Barat kalau kita sendiri yang mengendalikan radio itu anak Malaysia? Saya tanya, mengapa tidak disalurkan jiwa-jiwa kemalaysiaan sedikit di dalam cara kita menyampaikan olahan kita di dalam radio itu. Perkara ini penting, Tuan Pengerusi.

Saya dan kami di sini tidak mahu memandang ringan perkara ini kerana peranan radio apatah lagi sekiranya target audience itu adalah remaja yang paling besar jumlahnya di dalam negara kita. Sudahlah masalah sebilangan besar majalah hanya mengkhayalkan remaja, takkan radio juga tidak boleh menyumbang 5%kah terhadap pembinaan atau pengukuhan semangat kemalaysiaankah, kalau

tidak ada semangat patriotisme yang harus kita salurkan. Ini yang saya amat prihatin, Tuan Pengerusi, dalam hal ini. Terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Pengerusi, memang pandangan Yang Berhormat dari Parit Sulong itu adalah pandangan yang cukup baik. Seperti yang saya nyatakan kerana masyarakat kita adalah masyarakat yang pelbagai kaum, pelbagai anutan agama dan pelbagai selera, makanya perlu bagi kita untuk memenuhi sedikit selera daripada masyarakat, walaupun demikian pandangan Yang Berhormat kita ambil perhatian.

Mengenai dengan perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, dia bangun lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Sekali lagi, Tuan Pengerusi. Saya hendak beza, saya bukan mengatakan kita harus memberi emphasis.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, sekejap ya. Kalau minta penjelasan biar ringkas sedikit.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Minta penjelasan kepada Setiausaha Parlimen.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Biar secara ringkas ya, jangan berucap.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, ini masalah negara, takkan kita nak ringkas-ringkas.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, sila teruskan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya hendak tanya, saya bukan menyatakan hanya untuk orang Islam. Saya kata semangat kemalaysiaan untuk seluruh rakyat Malaysia. Rakyat Cinakah, keturunan etnik apakah, kita harus tanamkan semangat kemalaysiaan pada setiap masa supaya tidak luntur. Ini yang penting.

Tuan Pengerusi, sebagai contoh, ada beberapa juruhebah radio yang mempunyai target audience remaja yang besar, cara persembahan kegila-gilaan. Saya bukan remaja, anak saya remaja pun kata keterlaluan, ada yang lelaki menggayakan dirinya sebagai golongan 'sotong' yang lembut. Adakah kita mahu mempromosikan, memaparkan wajah Malaysia masa depan orang laki-laki yang

pondan, saya hendak bertanya. Perkara ini tidak bolehkah kita tegur? Kita harus menegur perkara ini, tidak boleh diteruskan berlarutan. Kalau tidak ada teguran, dia akan berterusan dengan celoteh dia.

Saya pernah mengalami dan semua orang pernah mengalami zaman remaja, tetapi saya lihat kalau ada satu faktor yang menyumbang ke arah generasi muda Malaysia kemudian yang agak songsang, salah satu faktornya ialah 7 radio swasta yang kita luluskan dengan tanpa sekatan minimum sekalipun. Itu yang saya hendak jelaskan supaya kita sama-sama sedar. Saya prihatin dan saya rasa semua rakan saya sedar akan hal ini.

Jadi, saya harap di atas hal ini kita tegurlah sedikit radio-radio ini dengan juruhebah. Biarlah kita izinkan dia dengan keremajaannya tetapi jangan kita melangkaui batas-batas hidup yang saya rasa rakyat Malaysia tidak mahu jadi demikian. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri minta kita membina generasi Malaysia yang seimbang, bukannya hendak jadi pondan. Itu yang saya tidak setuju sangat ini. Terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Yang Berhormat dari Parit Sulong. Tuan Pengerusi, seperti yang saya nyatakan kementerian tidak langsung terlintas dalam hati dan jiwa kita bahawa kita mengetepikan tentang tanggungjawab kita untuk melahirkan bangsa yang bertamadun yang mempunyai akal budi yang baik dan sosial mereka kita cukup kagumi. Dalam pada itu, memang kita sudah pun wujudkan 13 stesen Radio Tiga di peringkat 13 negeri. Di seluruh negeri itu kita masukkan dalam saluran-saluran tersebut pelbagai rancangan, agama dan lagu P. Ramlee pun ada. Mungkin secara kebetulan oleh kerana ada di antara belia-belie kita minat seperti yang saya nyatakan tadi dalam radio swasta ini, walaupun demikian pandangan Yang Berhormat yang baik kita akan ambil perhatian dan saya akan membawa perkara ini ke pengetahuan rakan-rakan saya untuk kita ambil tindakan setegas mungkin.

Mengenai dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong juga apakah langkah-langkah kerajaan untuk menerangkan kepada rakyat mengenai dasar-dasar kerajaan dan isu-isu semasa seperti masalah negara sekarang ini dan apa yang difahamkan bahawa rakyat sekarang ini masih belum lagi memahami kedudukan sebenar. Ini mungkin kerana kelembapan Jabatan Penerangan melaksanakannya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Penerangan memang ada melaksanakan kegiatan-kegiatan untuk menerangkan dasar-dasar kerajaan dan isu-isu semasa kepada masyarakat.

Mengenai masalah ekonomi yang dihadapi oleh negara kita sekarang, jabatan ini juga memainkan peranan untuk menjelaskan perkara tersebut kepada masyarakat mengenai masalah tersebut. Walau bagaimanapun, jabatan ini menggunakan strategi secara low profile bagi mengelakkan timbulnya ketegangan dan suasana kebimbangan di kalangan masyarakat terhadap masalah tersebut dan seterusnya keadaan ini akan digunakan jika menggugat kestabilan negara kita. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa setakat ini kita telah.....

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun, hendak beri jalan?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Sekejap, saya akan beri. Setakat ini kita telah mengeluarkan beberapa siri-siri senarai penerbitan, contohnya mengenai dengan cyberjaya, intelligent city dan pada hari ini kita sudah keluarkan sebanyak 730,000 naskhah yang melibatkan peruntukan sebanyak RM262,000 untuk bahan-bahan yang melibatkan seperti risalah kempen kesedaran IT (information technology awareness) dan pelbagai lagi.

**Tuan Noh bin Omar:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak dapatkan sedikit penjelasan mengenai sebaran risalah yang kita dengar begitu banyak dibuat. Jadi bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen terangkan bagaimana risalah itu disebarkan.

Yang kedua, apabila ada satu-satu isu semasa seperti isu IT dan juga krisis ekonomi, adakah pegawai-pegawai penerangan khas ini dipanggil diberi taklimat dan diberi penerangan secara spesifik kepada mereka untuk menyampaikan maklumat ini hingga ke peringkat grass root?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang, memang kita edarkan maklumat-maklumat risalah ini ke peringkat akar umbi seperti ke daerah-daerah menerusi pegawai-pegawai kita yang berada di Jabatan-jabatan Penerangan di peringkat daerah dan cara-cara kita menyampaikan sedikit sebanyak kita panggil jentera kita untuk memaklumkan mereka tentang keadaan suasana pada hari ini.

Begitu juga dengan masalah seperti yang kita sedar, pada hari ini kita menghadapi masalah krisis mata wang seperti apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong. Tidak lama lagi kita akan mengadakan satu makalah yang mana mengandungi masalah ekonomi ini kerana keadaan ini adalah satu keadaan yang baru kita tidak pernah alami dan bukan mudah bagi kita pada hari ini untuk membuat satu makalah ataupun ringkasan daripada sorotan kelakuan kejadian ini dan

akibatnya kalau kita tidak berhati-hati, sedikit sebanyak masyarakat akan terpesong. Dalam apa sebab timbul masalah kewangan dan apakah langkah-langkah yang akan diambil, ini perlu daripada input pihak-pihak seperti Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan untuk membolehkan kita.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Parit Sulong bangun lagi, Yang Berhormat.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:**....walaupun kita sedia maklum bahawa perkara ini sudah berlaku pada sekian lama, tetapi seperti yang kita nyatakan kita harus mengambil langkah yang tidak mendahului kementerian-kementerian yang mempunyai tanggungjawab secara langsung. Walaupun demikian, pihak kementerian.....saya rasa, Tuan Pengerusi, saya mempunyai masa yang begitu singkat sekali, kalau boleh saya ringkaskan.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, minta duduk dahulu, dia tidak beri jalan.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Ya, seorang sahaja.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan. Saya tahu Jabatan Penerangan mengeluarkan banyak risalah, 735,000 risalah, berapa jodol, berapa cepat. Masalah yang saya persoalkan tadi berapa cepat maklumat sampai ke bawah, itu yang saya soalkan menggunakan radio tadi. Rakan saya dari Parit Buntar memberi lima proses penyebaran maklumat. Okay, radio dan televisyen hanya proses menimbulkan kesedaran. Saya kata berapa cepat mengenai IT, sudah dua tahun. Okay, berapa lama kita hendak menunggu? Yang kita berhadapan sekarang ini krisis. Adakah krisis kita mahu tunggu, tak apa dua bulan boleh, tiga bulan boleh. Krisis adalah krisis, takkan kita hendak lambat. Harus ada satu inisiatif yang cepat walaupun peringkat awal keluarkan dahulu apa yang harus diketahui.

Yang saya marah, Tuan Pengerusi, menimbulkan vacuum kepada pembangkang untuk meracuni rakyat. Ini menyukarkan lagi pemimpin akar umbi untuk menangani masalah pemikiran yang telah diracun, jadi siapa hendak bertanggungjawab dalam hal ini?

Masalah krisis kewangan diakui oleh Setiausaha Parlimen, masalah yang tidak pernah berlaku, jadi harus ditangani dengan cara yang tidak pernah berlaku, dengan cara yang extra special, jangan kita hendak menunggu-nunggu lagi. Saya hendak tanya, adakah telah dipanggil pegawai-pegawai

penerangan khas di seluruh negara untuk satu taklimat khas? Saya rasa belum dipanggil. Daripada bulan September, Oktober, November, sudah hendak masuk Disember, belum panggil. Jadi, apa yang kita hendak buat? Siapa yang hendak bertanggungjawab kalau rakyat di bawah terus diracuni dan Barisan Nasional mendapat sokongan yang terus terhakis, saya hendak tanya. Terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, memang kita mengambil tindakan yang cukup cepat bila mana keadaan ini berlaku. Bukan hanya setakat itu, kadang-kadang seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Batang Lupar, kita juga membuat lagu-lagu seperti kempen IT dan lain-lain kempen.

Mengenai dengan masalah mata wang ini, beberapa langkah kita sudah ambil, kita masukkan dalam siaran radio.....

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, beri dia jawab dahulu.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Saya rasa oleh kerana masa tidak mengizinkan, beri saya jawab, kalau tidak, saya tidak boleh jawab soalan ini. Kalau boleh mengenai dengan perkara ini, seperti yang saya nyatakan, kita sudah masukkan program-program seperti dalam *Minda dan Global* membincangkan perkara ini di mana kita sebarkan. Tidak cukup daripada itu, Radio Tiga di peringkat negeri-negeri juga sedikit sebanyak kita menjelaskan keadaan ini sehingga langkah-langkah yang kita telah ambil lebih awal menggalakkan supaya masyarakat, rakyat di negara ini membeli barangan-barangan tempatan, menggunakan bahan-bahan keluaran tempatan, makan buah-buah tempatan semata-mata langkah-langkah itu kita ambil kita sebarkan di radio dan TV untuk memperingatkan betapa pentingnya rakyat di negara ini untuk bersama-sama menangani masalah ini.

Saya rasa untuk menyatakan bahawa kita lambat mengambil tindakan, itu tidak benar. Bahawa kita sudah pun mengambil tindakan yang secepat mungkin. Walaupun demikian, dalam masalah krisis mata wang ini kita tidak boleh be specific dengan detail menyatakan kepada rakyat di peringkat akar umbi. Pada dua minggu yang lalu kita adakan satu forum dialog di Kedah yang dihadiri oleh Timbalan Menteri Kewangan memperjelaskan tentang masalah ini. Itu sedikit sebanyak usaha kita ke arah untuk mengadakan keadaan ini.....

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Hendak beri jalankah?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:**.....Seperti yang saya nyatakan oleh kerana Kementerian Penerangan adalah merupakan sebagai kementerian yang.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sekejap Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak beri?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Saya tidak beri jalanlah.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, sila.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:**.....kerana masa tidak begitu mengizinkan, saya rasa banyak ahli yang telah membangkitkan.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau pula membangkitkan kenapakah air time terus dijual sedangkan RTM menerima peruntukan wang awam di bawah anggaran belanjawan mengurus atau pembangunan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau, RTM tidak menerima apa-apa peruntukan di bawah anggaran belanjawan mengurus untuk membiayai kos perolehan rancangan. Pada masa ini perolehan rancangan itu kira-kira sejumlah RM200 juta setahun dibiayai menerusi jualan air time.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau juga membangkitkan mengenai dengan prosedur siaran trailer khidmat awam. Siaran trailer khidmat awam diselaraskan oleh Jawatankuasa Trailer Perkhidmatan Awam, Kementerian Penerangan. Di antara peraturan yang telah pun kita tetapkan ialah mengemukakan trailer perkhidmatan awam dan ini melibatkan siaran setiap jam diperuntukkan dua minit untuk siaran trailer khidmat awam secara percuma. Oleh hal yang demikian, dakwaan yang menyatakan bahawa Kementerian Penerangan mengenakan caj kepada siaran trailer khidmat awam adalah tidak benar.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau juga telah membangkitkan mengenai dengan kita menangani masalah seperti krisis mata wang yang ada hubung kait dengan apa yang telah saya jawab yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Tuaran.....

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Balik Pulau pula bangun.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, penjelasan. Sebenarnya yang saya bangkitkan adalah perkara yang lebih asas daripada yang dijawab. Saya bangkitkan konsep kenapa kita tidak ada satu public broadcasting station. Kenapa kita tidak ada satu channel yang

dimiliki oleh awam yang mana kita tidak jual air time di mana kita beri peruntukan dan digunakan channel tersebut untuk tujuan-tujuan yang dibincangkan tadi sama ada dari segi penerangan, coverage Dewan Rakyat dan sebagainya. We can go on splitting hairs on the concept hendak jual atau tidak hendak jual air time dan sebagainya, tetapi konsep bahawa kita seharusnya ada satu channel yang dimiliki oleh awam.

Sebenarnya saya tengok dalam perbelanjaan pengurusan ini pun emolument perkhidmatan penyiaran RM83 million, takkan tak ada masuk dalam pembayaran gaji kakitangan Radio Televisyen Malaysia? Jadi, contention saya ialah yang itu. Bila ada badan-badan awam lain yang hendak menggunakan ruang masa untuk tujuan yang dijelaskan yang saya minta tadi iaitu public message, tadi Yang Berhormat kata dua minit untuk tiap-tiap jam. Jadi, bolehkah misalnya kalau Perpustakaan Negara, kes khusus yang saya bangkitkan tadi, hendak menggunakan air time untuk tujuan kempen membaca misalnya, adakah boleh RTM memberi ruang masa yang tersebut secara percuma bukan sebagai public service sebab RTM sendiri sudah memang public station.

Jadi point saya, RTM ini public station tetapi dia tidak berfungsi macam public station. Saya tidak kisah sama ada hendak ada RTM2, RTM3, RTM4, dia hendak berniaga, dia hendak jual air time tidak apa, tetapi kita mesti ada satu stesen yang dimiliki oleh awam sepenuhnya. Dalam peruntukan di sini gaji kerajaan bayar, infrastruktur dan sebagainya kerajaan bayar coverage tentang perkara-perkara yang saya katakan tadi, coverage Parlimen pun tidak ada, coverage untuk benda-benda dari segi kebudayaan, dari segi seni, dari segi mungkin forum yang tidak laku orang hendak dengar kalau advertiser tidak hendak beli air time tidak ada. Benda-benda macam itu yang pokok pada pandangan saya.

Yang kedua, bolehkah Yang Berhormat memberi jaminan macam kempen membaca Perpustakaan Negara, kita boleh guna 30 saat air time secara percuma untuk sebahagian daripada dua minit tiap-tiap satu jam. Itu yang sebenarnya asas contention saya. A public station that belongs to the public sebab kita ambil duit daripada public.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Saya rasa Ahli Yang Berhormat pun sedia maklum bahawa setiap kementerian ini mengambil peruntukannya daripada public. Kalau kita lihat contohnya Kementerian Dalam Negeri yang terpaksa meminta peruntukan setiap tahun untuk memperoleh sedikit kewangan untuk mengurus dan mentadbir kementerian tersebut. Walaupun demikian, mereka terpaksa mengenakan caj kepada pengeluaran pasport, kepada masyarakat yang memerlukan pasport tersebut



oleh kerana sedikit kewangan itu akan membolehkan kementerian itu menjalankan tugas-tugas dengan lebih berkesan lagi. Makanya dalam konteks itu, Kementerian Penerangan yang mempunyai tanggungjawab yang cukup menyeluruh bukan hanya seperti tuntutan untuk kita mengadakan siaran yang meliputi Batang Lupar dan pelbagai kawasan yang di bawah bukit, di atas bukit dan pelbagai lagi. Di samping itu juga, kita dituntut untuk membeli bahan-bahan yang mempunyai kualiti yang cukup baik agar kita dapat paparkan kepada masyarakat kita di negara ini. Memang pandangan Yang Berhormat itu cukup baik tetapi oleh kerana keadaan seperti yang saya nyatakan tadi sehingga termasuklah untuk memansuhkan lesen, memang pada hari ini tidak ada langkah kerajaan untuk memansuhkan lesen sebanyak RM24 setahun.

Namun demikian, mengenai dengan langkah-langkah untuk mendaulatkan bahasa dan mempertingkatkan ilmu, kementerian menerusi RTM juga telah mengadakan satu rancangan TV Pendidikan contohnya, di mana sumbangan kementerian sedikit sebanyak untuk mempertingkatkan bahasa kita dan pelbagai lagi. Mengenai dengan budaya-budaya juga kita.....

**Tuan Yunof Edward Marinking:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Tuan bangun, hendak beri jalankah?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Saya rasa peluang Yang Berhormat ada nanti bila saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat. Saya berharap kepada rakan-rakan untuk keadaan ini dapat kita atasi bersama kerana semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing, mungkin badan bahasa mempunyai peruntukan yang khusus untuk mempertingkatkan bahasa di negara ini dan di samping itu kita menganjurkan atas anjuran-anjuran seperti di peringkat penerangan khas di mana kita anjurkan di peringkat daerah-daerah penggunaan bahawa pertandingan pidato umum yang mana kementerian menerusi Jabatan Penerangan memberi peruntukan khas khusus untuk mempertingkatkan ini. Maknanya, khidmat sumbangan yang diberikan oleh kementerian adalah pelbagai peringkat, bukan hanya menerusi TV, radio bahkan juga di peringkat jabatan-jabatan tertentu semata-mata selaras dengan kehendak Yang Berhormat dari Balik Pulau tadi. Saya rasa Ahli Yang Berhormat.....

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Saya minta satu penjelasan sahaja. Maknanya cara Yang Berhormat jawab Yang Berhormat tidak mencerminkan bahawa Kementerian Penerangan mempunyai satu sikap bahawa negara ini perlu wujud satu public station. Dan saya telah memohon tadi misalnya kalau boleh benda ini dibincang di peringkat kementerian dan dibawa kepada Kabinet, sama ada dia

hendak terima atau dia tidak mahu terima itu dia punya hal, saya akan terus memperjuangkan di atas konsep bahawa ruang udara (air wave) di negara kita ini adalah milik awam, milik semua orang. Kerajaan menerusi Kementerian Penerangan cumalah menjadi custodian sahaja dan semestinyalah sebahagian daripada ruang udara ini yang telah dikomersialkan adalah milik rakyat sendiri. Jadi, itu asasnya. Saya mohon supaya sekurang-kurangnya benda ini dibincang pada peringkat yang lebih lanjut untuk cuba merumuskan sesuatu, sama ada hendak terima atau tidak terima itu tidak apa.

Penjelasan yang kedua ialah Yang Berhormat tidak jawab lagi soal tentang misalnya selain daripada coverage yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong dan sebagainya, macam liputan proses pengasingan politik (political alienation) di kalangan rakyat kita dari segi kerelevanan badan perundangan ini sendiri. Kalau RTM dan Kementerian Penerangan menjadi custodian of public interest, termasuk dengan press sekali, maka sebahagian besar daripada peranan custodian of public interest itu ialah memperjelaskan kepada rakyat apa yang berlaku di sini. Sekarang ini macam Dewan Rakyat sendiri tidak relevan kepada hidup rakyat biasa. Middle class, working class, proses perundangan, proses politik, institusi politik ini tidak relevan. Jadi, seharusnya Kementerian Penerangan sebagai sebahagian daripada jentera kerajaan sendiri memainkan peranan untuk mendekati rakyat dengan proses politik khususnya dalam masa krisis ini. Jadi, itu perkara yang saya minta penjelasan. Terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau. Beliau menyatakan bahawa kita tidak membuat liputan secara langsung, memang kita sedia maklum tentang perkara ini. Walaupun demikian, seperti yang saya nyatakan, kita masukkan liputan ini menerusi Berita Perdana dan sepanjang 10 minit menyebarkan tentang persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Kemungkinan kalau ada satu stesen lagi, seperti yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, apa rayuan-rayuan yang telah dibangkitkan boleh kita penuhi selera dan kehendak masyarakat kita.

Memang kita akui bahawa RTM1 dan RTM2 adalah merupakan public broadcasting yang kita tidak akui bahawa mereka adalah private entity, it is a public broadcasting, we are subject to scrutiny directive from the government, mengikuti dasar-dasar kerajaan. Maka saya rasa langkah yang ada sekarang ini adalah satu langkah yang cukup baik.

Ahli Yang Berhormat dari Tuaran meminta supaya kakitangan RTM dari Sabah yang berkhidmat di Angkasapuri ditukarkan ke Sabah setelah berkhidmat di Semenanjung sekian lama. Suka saya nyatakan kepada Ahli Yang Berhormat dari Tuaran bahawa kita mempunyai peraturan-peraturan yang termaktub di dalam perkhidmatan awam dan faktor-faktor seperti mereka ini terpaksa berkhidmat oleh kerana kemahiran mereka, perkhidmatan mereka masih diperlukan di sini. Tidak semestinya mereka harus balik bila perkhidmatan itu tidak diperlukan. Saya rasa sudah sampai waktunya inilah masalah pihak pembangkang di negara ini.

Tadi beliau menyatakan bahawa kita harus timbulkan rasa kasih sayang, cinta, tetapi malangnya bila saya melihat ke negeri Sabah bila saya balik, bukan kasih sayang yang hendak ditimbulkan oleh pihak pembangkang, mereka menghasut rakyat membenci Kerajaan Pusat tentang pembangunan yang kita laksanakan di negeri Sabah.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Saya rasa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mungkin sama ada dia tidak dengar atau sengaja. Seseorang rakyat itu boleh membentuk bukan sahaja sivik, tetapi patriotism, dengan izin di dalam mencintai negara. Saya ingin mengambil satu contoh di dalam sejarah pembentukan Malaysia misalnya. Saya mencabar kementerian Yang Berhormat, misalnya di Semenanjung Malaysia berapa ramaikah budak-budak yang berumur di bawah 30 tahun, yang mengetahui betul-betul bilakah pembentukan Malaysia telah berlaku? Tidak ada pun.

Pada 16 September tahun ini TV3 telah membuat satu coverage dan bertanya “tahukah apa yang telah berlaku pada hari ini?” “Tidak tahu” oleh kerana tidak ada orang yang memberitahu. Ini menunjukkan kementerian Yang Berhormat gagal untuk menjalankan tanggungjawab atau mungkin sengaja menghapuskan sejarah. Jadi, adakah ini baik untuk negara?

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Marahkah?

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Pokok Sena yang tidak marah.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Saya rasa saya sudah jawab soalan Ahli Yang Berhormat. Namun demikian, seperti yang saya nyatakan bila berada di Dewan ini, pihak pembangkang khususnya Ahli Yang Berhormat dari Tuan bercakap lain buat lain. Ini yang membimbangkan kita oleh kerana keadaan ini bila kerajaan menerusi rangkaian Saluran Nasional ini menyebarkan berbagai maklumat yang inginkan rakyat supaya bersatu padu contohnya, tetapi malangnya bila kita sampai ke akar umbi pihak pembangkang menyatakan dan menafikan bahawa pembangunan, keharmonian kaum harus dijaga secara baik, tetapi menyatakan sebaliknya bila berada di kawasan masing-masing.

Ahli Yang Berhormat dari Yan pula menyentuh mengenai dengan adakah filem untuk menonjolkan ekonomi Malaysia maju. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Yan, Filem Negara menyiapkan beberapa filem dokumentari dan beberapa filem promo pada setiap tahun untuk menerangkan kepada rakyat serta melibatkan kempen dan dasar-dasar kerajaan. Beberapa filem dokumentari sedang dibuat mengenai perkembangan semasa dan ini insya-Allah akan dapat ditonton oleh masyarakat di negara kita. Begitu juga beliau telah menyentuh beberapa perkara yang saya sudah sentuh semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong.

Filem-filem yang menunjukkan morale story, dengan izin, walaupun Yang Berhormat menyatakan memang benar, bila mana filem-filem yang kita tayangkan pada awalnya kelihatan bahawa kita hanya memaparkan tentang

keadaan keluarga, permasalahan rumah tangga, permasalahan perusahaan, tetapi sebaliknya the morale story behind it akhirnya akan ada kebaikan yang kita tunjukkan di sepanjang drama-drama itu. Tidak semua drama yang kita paparkan di TV1 mahupun TV2 tidak mempunyai mesej. Kita sudah tapis di peringkat kementerian bahawa setiap drama-drama dan filem-filem yang kita siarkan mempunyai mesej yang sudah pasti baik dan boleh membentuk masyarakat yang progresif.

Mengenai dengan mutu rancangan RTM tidak setanding jika dibandingkan dengan stesen komersial. Saya rasa berdasarkan pendapatan iklan yang tinggi menunjukkan bahawa filem-filem yang disiarkan di peringkat RTM adalah setanding dengan stesen-stesen komersial yang lain di negara ini.

Mengenai dengan persoalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong, justifikasi kenapa kerajaan beli semasa siaran CNN. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuannya ialah untuk mempromosikan pelancongan dan budaya sebagai satu langkah penyaluran maklumat dan pemasaran bagi menarik lebih ramai lagi pelancong ke negara ini. Contohnya baru-baru ini bila mana kita melihat di peringkat CNN masih lagi dipaparkan mengenai dengan keadaan jerebu di negara kita dan ini sudah pasti tidak akan menggalakkan bukan hanya pelancong datang ke negara kita, bahkan juga kemungkinan untuk menjayakan Sukan Komanwel yang akan datang ini. Sudah pasti dengan adanya langganan ini akan dapat kita perjelaskan kedudukan sebenar yang berlaku bukan hanya mengenai dengan sektor pelancongan, kemungkinan pertumbuhan ekonomi di negara kita, kalau

kita mempunyai satu slot di CNN, sudah pasti kita akan dapat sedikit sebanyak memperjelaskan kedudukan sebenar di peringkat antarabangsa dan dapat mengelakkan kekeliruan yang ditimbulkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, bukan hanya di luar negara bahkan di dalam negara.

Contohnya, pihak pembangkang menyatakan sesuatu sebaliknya bila ada motion, mereka keluar daripada Dewan dan tidak memberi sokongan yang padu dengan membangkitkan isu-isu seperti Renong dan lain-lain. Ini tidak ada langkah-langkah yang menunjukkan bahawa pihak-pihak ini sebenarnya bertanggungjawab untuk ingin membantu memperbaiki kedudukan ekonomi negara demi untuk kepentingan negara, walhal mereka ini semata-mata bersekongkol dengan pihak anasir-anasir luar yang sengaja mahu merosakkan pertumbuhan ekonomi negara kita.

Mengenai dengan International Broadcasting (IBC), peranan International Broadcasting ini diwujudkan ialah untuk berfungsi sebagai pusat penghantaran signal untuk siaran radio dan televisyen daripada Kuala Lumpur ke negara-negara luar khususnya penyiaran client, iaitu client broadcaster, di mana mereka ini yang secara langsung akan terlibat dengan Sukan Komanwel. Kita sudah siapkan pusat ini di Angkasapuri dan boleh digunakan oleh pihak negara-negara yang terlibat untuk menjadi pelanggan kita dan mereka ini akan menggunakan berbagai bahasa yang boleh dimanfaatkan oleh negara-negara yang menggunakan ini.

Mengenai dengan siaran radio seberang laut yang dikendalikan oleh Bahagian Suara Malaysia RTM, kini siaran dibuat dalam liputan bahasa

antarabangsa iaitu bahasa Indonesia, Myanmar, Thailand, Inggeris dan bahasa Arab.

Akhirnya, Ahli Yang Berhormat dari Tambun menyentuh mengenai dengan kursus sivik tidak memuaskan, secara *ad-hoc*, penceramah tidak ada kepakaran, kehadiran tidak memuaskan. Usaha sedang dilaksanakan bagi meningkatkan mutu kursus sivik. Antaranya ialah melatih anggota terlebih dahulu yang terlibat dan mengambil penceramah-penceramah jemputan yang mempunyai kepakaran dan kemahiran, di samping itu juga akan mengkaji keberkesanan kursus-kursus yang sedang dan telah kita adakan. Sememangnya saya amat bersetuju dengan beberapa pandangan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tambun dan saya akan mengambil perhatian yang amat berat di atas cadangan beliau yang cukup baik mengenai dengan cara-cara kita mengendalikan kursus-kursus ini.

Mengenai dengan filem-filem dan rancangan-ancangan di TV Malaysia, adalah menjadi hasrat kementerian menggalakkan siaran rancangan-rancangan yang menggunakan identiti Malaysia. Dalam hal ini kementerian telah menetapkan sekurang-kurangnya 80% daripada rancangan-rancangan yang disiarkan pada tahun 2000 adalah local content dan ini adalah menjadi dasar kita untuk mencapai ke abad 2000.

Mengenai dengan soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar iaitu mengenai dengan penerimaan siaran di TV Sarawak. Kementerian Penerangan telah pun mengeluarkan kontrak untuk pembinaan tujuh stesen pemancar, TV dan radio FM di Sarawak iaitu di Batu

Niah, Saratok, Sarikei, Lubok Antu, Serian, di Ops Sapu Bentong dan Mukah. Pemasangan telah pun dimulakan untuk stesen-stesen tersebut, kementerian akan terus memperbaiki penerimaan radio dan TV berperingkat-peringkat di seluruh negara, sesuai dengan peruntukan yang telah diluluskan oleh kerajaan.

Mengenai dengan rancangan kerajaan untuk menggalakkan industri perfileman, memang kerajaan mempunyai langkah-langkah yang cukup menggalakkan. Pada hari ini di bawah agensinya iaitu Perbadanan Kemajuan Filem Negara telah mengadakan berbagai aktiviti untuk menyemarakkan industri perfileman. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah mengadakan berbagai-bagai insentif. Insentif daripada FINAS, penyediaan bantuan dalam bentuk pemberian langsung atau pinjaman kepada penglibatan-penglibatan industri perfileman bagi membolehkan mereka menambah pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan dengan perfileman. Antara bentuk bantuan yang diberikan adalah bantuan pelajaran, pemberian langsung atau pinjaman bagi mereka yang ingin mengikuti pengajian perfileman, bantuan kewangan bagi mengikuti kursus pendek atau panjang di dalam atau di luar negeri, bantuan penganjuran atau menghadiri seminar dan simposium serta lain-lain.

FINAS juga memberi latihan jangka pendek yang mengambil masa seminggu bagi setiap kursus. Kursus-kursus yang diberikan adalah merangkumi bidang-bidang kemahiran alat produksi, kreativiti produksi, penulisan, penterjemahan, pemasaran dan lakonan. Sehingga ini FINAS telah mengadakan sejumlah 196 kursus di negara kita.



Berhubung kait dengan promosi bagi kementerian membantu.....

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Batang  
Lupar bangun.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Sekejap.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Pengerusi, pembangunan industri perfileman amat penting bukan sahaja membangunkan industri itu tetapi juga sebagai instrument kepada kerajaan untuk menyebarkan daripada segi dasar, pandangan dan sebagainya. Bahkan kalau Datuk lihat Hollywood umpamanya, pada tahun lima puluhan, enam puluhan politik di Hollywood ialah ganyang Jepun, ganyang Arab dan selepas Perang Teluk dan selepas hijacking by Leila Khalid nama dia, pada tahun enam puluhan, kita nampak ganyang Arab oleh kerana keganasan dan sebagainya, selepas itu perubahan politik berada di Hollywood itu. Tetapi kalau kita lihat industri perfileman kita, kalaulah apa yang ada pada masa sekarang kita boleh sebut sebagai industri perfileman, tidak ada agenda yang menolong politik negara menghala ke arah mana dan menyebarkan satu-satu idea yang ada pada kita. Kita bukan hendak mencari gaduh dengan orang lain, tetapi sekurang-kurangnya industri perfileman janganlah sibuk sana, sibuk sini, tidak ada direction.

Saya berharap pihak kementerian menerusi FINAS umpamanya, kita mengadakan satu hala dari segi politik, sosial dan moral dari segi penyebarannya, oleh kerana sekarang kita hendak lihat iaitu pihak perfileman

kita sudah terlibat dengan pihak perfileman luar negara, jangan kita dihijack nanti supaya kita ini dipergunakan oleh filem-filem luar negara untuk memajukan politik mereka di negara kita. Oleh itu, kita mesti mempunyai haluan sendiri, politik kita sendiri dalam industri perfileman itu.

Jadi, selaras dengan pendapat ini Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya untuk penjelasan, kalau kita lihat filem-filem Hollywood, banyak movie yang kita nampak yang besar macam *Brave heart*, William Wallace, episod William Wallace dalam sejarah British ada berapa banyak, tetapi cerita ini adalah berlandaskan fakta yang benar, tetapi ia dihighlight begitu cara menunjukkan heroism yang dibuat oleh William Wallace itu sampai kita terpegun melihatnya. Tetapi kita di Malaysia banyak lagi eksplot orang Melayu yang patut di'highlight'kan dalam movie kita. Sepatutnya FINAS mengarahkan orang menyelidik tiap-tiap pejuang negara ini dan dieksploitasikan mereka dahulu, sama ada memperjuangkan kemerdekaan negara atau memperjuangkan kebajikan masyarakat di Malaysia ini untuk diperbesar-besarkan dan didramatisakan eksplotnya. Ini juga akan membangkitkan perasaan patriotism kita dan cinta kita dengan negara. Jadi, hala industri perfileman mesti menuju ke arah itu, kalau tidak hendak gaduh dengan orang lain pun sekurang-kurangnya kita membangkitkan perasaan cintakan bangsa dan negara kita ini. Jadi, jangan hendak gaduh sana sini, sampai satu filem di Korea kena reject, macam hendak gaduh.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat diingatkan jangan berucap panjang sangat.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Pengerusi, saya ingat kementerian boleh menjelaskan. Terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Ahli Yang Berhormat memang mempunyai pandangan yang baik. Memang menjadi hasrat kementerian untuk mengambil langkah-langkah seperti yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat, maka seperti yang saya nyatakan berbagai-bagai galakan telah dan sedang diambil oleh pihak FINAS seperti yang saya nyatakan pinjaman maksimum, kemudahan sejumlah RM200,000 bagi filem cereka dan RM330,000 bagi drama TV. Ini sebahagian daripada langkah-langkah kita.

Memang saya sependapat dengan Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar untuk mengadakan lebih banyak lagi, seperti filem-filem bukan hanya melibatkan seperti filem Pasir Salak yang mana membangkitkan semangat nasionalisme di negara kita. Saya berharap pihak-pihak yang terlibat dalam industri perfileman, yang telah pun diberi galakan, insentif berbagai-bagai kemudahan menerusi FINAS ini, pihak-pihak swasta juga harus mengambil langkah, khususnya badan-badan yang terlibat dalam industri perfileman, mengeluarkan filem-filem yang bukan hanya menyelaraskan selera masyarakat pendengar bahkan juga seperti apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Batang Lupar tadi.

Mengenai dengan lesen TV dimansuhkan, yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Teluk Intan. Yang Berhormat dari Teluk Intan sudah pulang dan ini.....

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Yang Berhormat Batang Lupar bangun lagi.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Masa tidak mengizinkan dan saya...

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sedikit sahaja.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Ya.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih kepada kedua-dua Datuk.

Mengenai soalan yang besar tadi Datuk, yang ini nombor dua besar. Yang besar tadi ialah soalan di masa orang Sarawak dan orang Sabah meraikan hari festival mereka itu, jadi saya sudah bertahun-tahun sebut ini, tetapi masih circus Russia, circus Perancis, circus England yang empat orang sahaja berlakon itu pun masuk dalam TV, pada masa Gawai Dayak dan hari keraian di Sabah itu. Jadi apa yang kita minta, enam bulan masih lagi panjang masa kita, kalau dapat kita adakan rancangan, semasa kita duduk di office senang-lenang itu, orang Sabah yang cuti, orang Sarawak yang cuti itu duduklah tengok TV, rancangan yang disiarkan biarlah yang betul-betul rancangan Malaysian untuk festival untuk orang Sabah dan Sarawak itu yang dipertunjukkan, macam mana pandangan Datuk ini?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Memang saya setuju kementerian telah pun mengambil langkah ini menerusi seperti siaran lintas langsung Siaran Pagi. Contohnya kita siarkan bila ada hari-hari perayaan tetamu besar di Sabah iaitu mengenai dengan sambutan masyarakat Kadazan

dan juga di Sarawak di mana kita adakan siaran-siaran sebelah pagi untuk memaparkan kepada masyarakat kita di seluruh negara ini bagaimana penghidupan masyarakat di negeri-negeri lain diamalkan.

Yang Berhormat dari Teluk Intan telah membangkitkan mengenai dengan pemansuhan lesen TV dan seperti yang saya nyatakan perkara ini sudah kita tetapkan bahawa kerajaan tidak mempunyai hasrat untuk memansuhkan. Kadar lesen yang ada sekarang dan saya rasa inilah kadar yang terendah di dunia pada hari ini sebanyak RM24 setahun dan kutipan daripada hasil ini sedikit-sebanyak akan dapat disatukan dan boleh membantu untuk memperbaiki sektor penyiaran di peringkat Kementerian Penerangan.

Mengenai dengan perkara yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan juga iaitu membangkitkan tentang membenarkan rancangan-rancangan yang melibatkan tokoh-tokoh bukan agama Islam muncul di TV. Kementerian telah mengadakan perbincangan dengan Majlis Agama-agama seperti Buddha, Kristian, Sikh, Hindu Malaysia mengenai permohonan mereka untuk masuk di dalam rancangan dan kementerian sedang meneliti perkara ini serta mengambil maklum akan sumbangan Majlis ini dalam usaha menangani gejala sosial di negara ini.

Yang Berhormat dari Teluk Intan juga membangkitkan mengenai dengan rancangan Nada Suara dipanjangkan masanya. Sebelum ini rancangan Nada Suara ialah satu jam, menggabungkan segmen hiburan dan majalah, tetapi kemudiannya ia telah dipecahkan kepada setengah jam setiap satu dengan mengisikan hiburan dan majalah. Untuk makluman Ahli Yang

Berhormat, mengapa siaran BBC tidak disiarkan oleh pihak RTM, setiap stesen siaran mempunyai garis panduan siaran masing-masing, begitu juga dengan RTM, segala bahan yang tidak sesuai, tidak wajar disiarkan sekiranya pihak pembekal tidak ingin bekerjasama dan mematuhi syarat yang kita letakkan kepada stesen-stesen ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membangkitkan mengenai dengan kejayaan Astro mendapat hak siaran English Premier Link. Kementerian tidak campur tangan dalam keputusan Astro membeli hak siaran langsung English Premier Link ini dan ini adalah keputusan perniagaan Astro, tambahan pula Astro terpaksa membayar hak siaran yang tinggi untuk mendapatkannya dan seperti yang saya nyatakan it is a private exercise, dengan izin, dan kita tidak mempunyai hak untuk menentukan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kota Melaka juga membangkitkan mengenai dengan jumlah radio dan televisyen swasta. Saya rasa saya sudah jawab soalan ini di mana kita mempunyai tujuh rangkaian radio swasta dan mengenai dengan TV stesen swasta kita mempunyai enam iaitu Astro, Mega TV, TV3, MetroVision and TV. Mengenai radio pula telah saya nyatakan tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga telah membangkitkan mengenai dengan siaran bola sepak Liga Inggeris, perkara ini sudah dijawab.

Mengenai dengan iklan jenama rokok pula, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga membangkitkan perkara ini dan kerajaan, Kementerian Penerangan khususnya tidak membenarkan siaran iklan rokok secara terus,

tetapi tidak menghalang siaran iklan yang mempromosikan berbagai barangan ini atau perkhidmatan lain yang diluluskan oleh syarikat pengeluar rokok. Adalah tidak adil bagi kerajaan untuk tidak membenarkan siaran iklan semua barangan yang tidak ada kena-mengena dengan promosi rokok.

Yang Berhormat dari Kota Melaka juga membangkitkan mengenai dengan masalah rasuah kakitangan RTM yang didakwa oleh beliau bahawa terlibat khususnya para DJ atau juruhebah-juruhebah. Seperti yang telah saya nyatakan pihak kita masih dalam siasatan di peringkat kementerian dan tanggungjawab untuk menyiasat selanjutnya tertakluk kepada pihak BPR yang mempunyai kuasa mutlak dalam hal ini. Kita tidak mempunyai kuasa untuk mengenalpasti secara terperinci, adakah mereka terlibat dan kita serahkan perkara ini kepada pihak BPR yang masih mengkaji dan meneliti serta menyiasat tentang perkara ini.

Mengenai dengan persoalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sibu iaitu berapakah jumlah parabola haram yang digunakan di Sarawak dan beliau juga memohon supaya tindakan tegas tidak diambil ke atas pengguna parabola haram oleh Kementerian Penerangan disebabkan tidak semuanya yang harus diambil tindakan di negeri Sarawak ini. Dianggarkan sejumlah 20,000 unit yang sedang menggunakan parabola di negeri Sarawak ini dan kementerian telah mengingatkan pengguna-pengguna parabola haram ini beberapa kali supaya mengelakkan penggunaan ini dan supaya mereka juga tidak menggunakan parabola ini secara haram. Sekiranya mereka bertegas dan tidak mematuhi arahan daripada pihak kementerian ini, maka hukuman akan

dikenakan selaras dengan yang telah kita luluskan di dalam sidang yang telah lalu iaitu sebanyak RM100,000 atau penjara selama tiga tahun.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat .....

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Yang Berhormat daripada.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tanjong bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Baik, don't waste time.

**Tuan Lim Kit Siang:** Parabola, parabola. Saya tidak....

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Oleh kerana masa tidak mengizinkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, parabola.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Just one.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, memandangkan bahawa parabola-parabola ini dipasang sebelum ada undang-undang yang mengharamkan alat ini, bukankah tidak adil bahawa mereka yang belanja begitu besar untuk mengadakan parabola sekarang dikehendaki untuk membuang parabola-parabola. Bolehkah kementerian memberi satu kelonggaran atau mengadakan satu moratorium, membenarkan parabola-parabola yang ada didirikan sebelum undang-undang mengharamkannya terus boleh digunakan. Adakah pendirian kerajaan kepada mereka yang mempunyai parabola tidak boleh guna, kalau guna - salah, tidak guna - tidak apa. Tetapi lebih baik membenarkan oleh



kerana Astro pun saya percaya sudah berjalan dengan lancar dan teknologi sudah sampai satu tahap di mana mungkin banyak saluran yang mereka boleh guna dahulu dan sekarang pun ada filters yang lain, yang sihat, bukannya lebih baik untuk membenarkan mereka terus sehingga semua ini menjadi obsolete dengan sendiri.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Pengerusi, seperti yang saya telah nyatakan lebih awal bahawa sudah pun kita beri moratorium, delay of the time for them to dismantle, dengan izin. Sepatutnya kita mengambil langkah ini pada tahun yang lepas, tetapi pada hari ini kita memberi amaran-amaran yang cukup keras dan saya rasa perkara ini sudah pun kita luluskan di peringkat sidang Parlimen yang telah lalu, bila mana kita meluluskan rang undang-undang untuk mengharamkan penggunaan parabola. Maka saya rasa ini sudah memadai kerana barang yang haram, barang yang tidak sesuai, kerana tanggungjawab kita untuk menapis penyebaran berbagai maklumat yang datang daripada negara ini. Sekiranya parabola ini kita biarkan maka maklumat-maklumat yang kita tidak ingini akan datang masuk, bukan hanya kita juga cukup bimbang daripada dua negara dan apatah lagi di dalam negara kita berbagai maklumat yang disampaikan. Maka dengan itu kita bertegas bahawa keadaan ini sekiranya tidak mematuhi, dalam tempoh masa yang kita sudah jelaskan akan kita ambil tindakan setegas mungkin.

Mengenai dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Sibu tadi menggunakan penggunaan bahasa Mandarin di RTM. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Radio 5 menyiarkan rancangan-rancangan dalam bahasa

Mandarin dan TV2 menyiarkan rancangan-rancangan dalam bahasa Cina, dalam bahasa Kantonis dan Mandarin.

Kementerian Penerangan berpendapat bahawa jumlah rancangan-rancangan Cina dalam bahasa Mandarin pada hari ini adalah memadai kerana kita harus faham bahawa ada juga masyarakat yang tidak mempunyai peluang langsung di mana bahasa-bahasa seperti Iban dan juga Kadazan tidak dapat diselitkan untuk dimasukkan di dalam rancangan-rancangan. Walau bagaimanapun, adalah menjadi tujuan kita untuk melahirkan satu bangsa Malaysia yang mempunyai identiti tersendiri dan kesatuan bahasa, seperti yang kita nyatakan penggunaan Bahasa Malaysia dan sudah pasti sedikit sebanyak usaha seumpama ini untuk menggalakkan bahasa-bahasa loghat ibunda masing-masing memadai setakat ini.

Mengenai dengan crew TV cuma ada di Kuching dan tidak ada diletakkan di lain-lain bandar. Jadi, crew TV di Kuching boleh digunakan atau digerakkan di'mobilise'kan ke bandar-bandar bila mana mereka diperlukan dan tidak ditempatkan di kawasan itu, oleh kerana keadaan dari segi perbelanjaan dan kalau setiap 24 jam kita letakkan, sudah pasti masalah dari segi penginapan dan elaun-elaun yang lain akan timbul. Kita boleh menggunakan mereka bila mana keadaan memerlukan pegawai-pegawai ini untuk memberi perkhidmatan penyebaran untuk mengambil maklumat-maklumat yang berlaku di kawasan tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan membangkitkan mengenai dengan pegawai khas ditempatkan kepada wakil-wakil rakyat BN sahaja, mengapa

tidak diberikan kepada pegawai khas di kawasan pembangkang. Sebenarnya pembantu-pembantu ini adalah ditempatkan di semua kawasan Dewan Undangan Negeri, tanpa mengira sama ada kawasan berkenaan diwakili oleh pihak pembangkang mahupun sebaliknya, mereka tidak dikhaskan untuk Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya sendiri tidak mempunyai pegawai khas di kawasan saya sendiri dan saya rasa perkara ini harus menjadi amalan dan akan terus dilaksanakan oleh pihak kementerian.

**Tuan Lim Hock Seng:** Boleh saya minta penjelasan? Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pembantu khas luar ini, saya nampak seperti ADUN atau wakil rakyat dari Barisan Nasional mereka ada hak menentukan siapa yang menjadi pembantu khas luar ini. Adakah benar bahawa ini ada berlaku di mana pembantu khas dilantik (di'appoint') oleh ADUN atau MP?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi pegawai-pegawai luar khas ini, ia adalah di bawah jagaan dan peraturan perkhidmatan awam, maka pihak JPA mempunyai tanggungjawab secara terus mengenai dengan perlantikan pegawai-pegawai khas ini, di mana tidak melibatkan Ahli-ahli Dewan Rakyat mahupun Dewan Undangan Negeri. Begitu juga saya difahamkan bahawa pihak pegawai-pegawai Kemas juga tidak terlibat, it is not a political appointing, dengan izin. Ia adalah merupakan pegawai-pegawai di bawah perintah perkhidmatan awam dan selepas itu di bawah kawalan JPA.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan juga membangkitkan mengenai dengan kenapakah slot-slot dalam Dewan Rakyat tidak dibuat secara

menyeluruh supaya setiap ahli dapat liputan gambaran yang secukupnya. Yang penting bagi kita ialah liputan dalam waktu mesej itu disampaikan news value dengan seringkis mungkin. Ini kita laksanakan seperti yang saya nyatakan, kita mengambil maklumat-maklumat yang kita perolehi menerusi persidangan ini pada setiap hari dan kita siarkan selama 10 minit menerusi rancangan Berita iaitu di masa Prime Time dan di situ kita paparkan perkara-perkara yang dibincangkan, khususnya perkara-perkara yang penting.

Mengenai dengan masalah yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan iaitu jabatan-jabatan penerangan digunakan oleh pihak Barisan Nasional, perkara ini adalah tidak benar. Mereka ini adalah digunakan untuk memberi maklumat. Begitu juga Yang Berhormat dari Teluk Intan menyatakan di mana pegawai-pegawai penerangan ini bila sudah selesai pilihan raya, keputusan sudah pun diketahui dan pihak pembangkang juga memperolehi, yang penting bagi kita ialah untuk memperolehi maklumat itu, keputusan sudah kita terima dan mereka sudah pun maklum, jadi kita baliklah, takkanlah hendak tunggu di Teluk Intan lagi.

Yang Berhormat dari Bagan menyatakan untuk menunggu sepanjang masa apakah kesudahan daripada keputusan seterusnya. Saya rasa langkah itu adalah satu langkah yang tidak baik.

Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar pula membangkitkan perkara-perkara seperti saranan beliau, bagaimana kita memaksimumkan penggunaan perkhidmatan telekomunikasi yang ada seperti mesin faks, telefon dan lain-lain. Saranan beliau saya akan ambil perhatian dan pandangan yang cukup

baik daripada seorang tokoh yang mempunyai pengalaman, sebelum ini pun berkhidmat sebagai Chief Editor di situ. Begitu juga beliau menekankan tentang peranan bahagian akhbar atau perhubungan awam seperti *Bernama* dapat dipertingkatkan. Perkara ini juga seperti yang saya nyatakan, demi kepentingan umum kita akan ambil perhatian.

Tuan Pengerusi, itu sahaja yang saya sempat menyentuh perkara-perkara yang telah dikemukakan.....

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Parit Buntar bangun.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Terima kasih, Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Sebenarnya saya hendakkan laluan ini awal tadi semasa Yang Berhormat menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, bagaimanapun ada juga relevannya. Dari jawapan Yang Berhormat tadi, saya mengucapkan terima kasih kerana sanggup menimbangkan saranan-saranan yang telah saya berikan. Tetapi gambaran yang saya terima daripada jawapan Yang Berhormat Datuk tadi, saya mendapat faham bahawa Kementerian Penerangan lebih mengutamakan radio, TV dan penerbitan sebagai medium untuk menyalurkan maklumat kepada orang awam.

Jadi, peranan jabatan penerangan iaitu inter-personal communication, yang saya sebut dalam ucapan saya tadi, seolah-olah tidak diberi perhatian. Walhal sepertimana yang telah saya katakan radio TV dan penerbitan yang disebut sebagai mass media dan mass media *per se*, sepertimana yang banyak

study atau kajian telah dibuat, ia tidak berupaya untuk merubah fikiran rakyat. Ini hendaklah digandungi atau dicomplement oleh saluran inter-personal yang saya katakan tadi. Itulah sebabnya saya sarankan supaya kerajaan mengambil perhatian yang lebih kepada jabatan penerangan yang terlibat dengan inter-personal communication.

Jadi, adakah tanggapan saya ini benar, kerana saya difahamkan bahawa Kementerian Penerangan tidak begitu mengambil berat tentang inter-personal communication, malah yang lebihnya ialah radio TV, penerbitan yang hanya merupakan mass media.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Pengerusi, sebetulnya tanggapan Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak benar yang kita mengetepikan peranan pegawai luar tentang penyebaran maklumat ini. Cuma mungkin kelihatan tidak begitu menonjol sangat seperti TV dan radio dan di peringkat ini pun kita gunakan seperti yang saya nyatakan tadi, penggunaan tenaga-tenaga mahir daripada pegawai-pegawai luar khas ini dengan mengadakan program-program seperti yang kita sering adakan, misalnya ‘Pemimpin Bersama Rakyat’. Penyebaran maklumat yang terkini ini kadang-kadang menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat, Menteri-menteri Kewangan, Timbalan Menteri Kewangan, pakar-pakar kementerian yang lain yang terlibat dalam penjualan barangan dan lain-lain, jadi kita gunakan sepenuhnya pegawai-pegawai ini semata-mata dimanfaatkan untuk bersama-sama dengan perkhidmatan seperti TV dan radio.

Tuan Pengerusi, saya rasa itu sahaja, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara penting berhubung kait dengan kementerian ini. Jika ada perkara-perkara yang dibangkitkan yang saya tidak sempat menyentuh, pihak saya memberi jaminan dan saya akan mengambil perhatian semungkin boleh untuk diambil tindakan oleh pihak kementerian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM335,065,200 untuk Maksud B.44 di bawah Kementerian Penerangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM335,065,200 untuk Maksud B.44 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM51,655,200 untuk Maksud P.44 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1998 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM51,655,200 untuk Maksud P.44 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1998.

**Maksud B.45 [Jadual] -  
Maksud P.45 [Anggaran Pembangunan, 1998] -**

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Kepala Bekalan B.45 dan Kepala Pembangunan P.45 di bawah Kementerian Sumber Manusia terbuka untuk dibahas sekarang. Tuaran.

**7.09 mlm.**

**Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan khusus untuk Butiran 020000 - Kemajuan Guna Tenaga Rakyat. Tuan Pengerusi, saya sedar bahawa pihak kementerian sedang berusaha untuk melatih ataupun mengambil pelbagai langkah untuk melatih tenaga manusia untuk memenuhi keperluan perindustrian negara. Tetapi saya ingin membangkitkan satu masalah mengenai perkara ini, iaitu atas perancangan, walaupun itu memang Kepala yang terlebih awal, tetapi adalah meliputi tentang keperluan tenaga manusia - Perancangan dan Penyelidikan Dasar khusus untuk keperluan tenaga manusia yang saya ingin bangkitkan.

Dalam konteks ini saya fikir kementerian perlu mengambil perhatian khusus masalah terlalu bergantung kepada tenaga buruh asing, di mana dilaporkan bahawa kita bergantung kepada tidak kurang daripada 2,800,000 tenaga buruh asing di negara kita. Ada pula laporan yang diterima di mana lebih kurang 3 juta pula rakyat tempatan yang tidak mempunyai pekerjaan di kampung-kampung. Jadi, saya rasa walaupun pihak kementerian mungkin tidak mengakuinya, tetapi kita mempunyai maklumat seperti itu, dan inilah yang kita ingin sampaikan. Kalaulah ini benar, maka satu perkara yang aneh sekali, oleh kerana kita mengatakan kita sudah sampai kepada tahap full employment, tetapi ada pula rakyat yang tidak bekerja. Mungkin di kampung-kampung yang belum lagi sampai maklumat kepada pihak kementerian.

Oleh yang demikian, saya ingin cadangkan supaya pihak kementerian memberi perhatian tentang hal ini. Satu cadangan saya ialah supaya kurangkan pergantungan kepada tenaga buruh asing. Oleh kerana ini pada jangka masa panjang akan merugikan negara. Sudah pasti bahawa kita perlu melatih tenaga buruh ini untuk memenuhi keperluan produktiviti dan juga kualiti barangan yang kita hasilkan untuk pasaran luar. Lambat-laun pula tenaga buruh asing ini kalaulah kerajaan tidak bercadang untuk mengambil mereka untuk dijadikan rakyat Malaysia selepas beberapa tahun, mereka akan kembali kepada negara asal masing-masing. Tetapi pengalaman mereka itu ataupun latihan yang diberikan kepada mereka itu dengan menggunakan wang rakyat, kita sudah kerugian. Jadi, saya rasa pihak kementerian harus ambil perhatian tentang hal ini.

Satu lagi perkara yang saya ingin membawa kepada perhatian pihak kementerian, iaitu khusus di Sabah di perladangan. Tidak dapat dinafikan bahawa suatu masa nanti Sabah akan menjadi satu daripada negeri di Malaysia sebagai pengeluar utama kelapa sawit. Tetapi malangnya pekerja atau tenaga buruh yang digunakan secara meluas oleh pemilik-pemilik perladangan ialah rakyat asing. Yang lebih malang ini telah diambil kesempatan untuk menggunakan tenaga buruh yang dahulu sebagai pendatang tanpa izin. Tetapi melalui kononnya regularisasi mereka ini sudah menetap ataupun dibenarkan tinggal di Sabah.

Masalahnya ialah pihak pemilik-pemilik perladangan kelapa sawit ataupun lain-lain perusahaan tanaman di negeri Sabah sudah ghairah bergantung sangat kepada tenaga buruh asing ini. Saya rasa seperti yang saya telah katakan tadi ini akan mendatangkan masalah jangka masa panjang kepada negara kalau kita tidak berhati-hati. Jadi, saya harap pihak kementerian membuat satu perancangan bersama dengan pengusaha-pengusaha kelapa sawit dan juga ladang koko supaya janganlah terlalu bergantung sangat kepada tenaga buruh asing hanya semata-mata untuk mengaut keuntungan jangka masa pendek atas alasan kononnya untuk mereka mengambil tenaga buruh asing ini ialah mereka ini murah, ataupun upah mereka murah.

Itu memang betul, oleh kerana bagi pendatang tanpa izin apa sahaja upah yang diberi kepada mereka, mereka akan sanggup terima. Di situlah satu fenomena yang tidak sihat di mana rakyat tempatan sendiri displaced ataupun tidak dapat diberi pekerjaan, oleh kerana semua pekerjaan yang wujud diambil oleh pendatang asing atas alasan cheap labour. Tetapi adakah dasar kita ini, dengan izin, to exploit even the illegal immigrant. Saya rasa ini pada jangka masa panjang tidak akan menjadi satu aset kepada perkembangan buruh negara. Lambat-laun pihak ILO akan campur tangan, dan satu



masalah lagi nanti akan timbul di peringkat antarabangsa untuk negara. Jadi, sebelum ini terjadi biarlah pihak kementerian membuat satu perancangan penyelidikan dan rancangan dasar perindustrian dan juga keperluan tenaga.

Saya juga difahamkan bahawa sebenarnya gaji di sektor perladangan di Sabah bukannya murah ataupun terlalu rendah. Tetapi apa yang diketahui oleh rakyat tempatan ialah gaji minimum misal kata RM350. Pada pandangan rakyat tempatan itu tidak mencukupi tetapi tidak pula diperjelaskan bahawa kalau mereka sanggup untuk bekerja ataupun di samping gaji yang tetap itu ada lagi gaji-gaji sampingan termasuk juga kemudahan-kemudahan perumahan dan juga transportation.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Saya akan gulung. Jadi, di dalam konteks itu saya mintalah pihak kementerian supaya memberi penjelasan faedah sampingan yang diperolehi oleh pekerja-pekerja tempatan kalau mereka sanggup untuk bekerja di ladang-ladang. Itu sahaja yang saya ingin sumbangkan, Tuan Pengerusi. Saya menyokong Maksud. B.45. Sekian, terima kasih.

**7.19 mlm.**

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]:** Tuan Pengerusi, Butiran 020000 - Kemajuan Guna Tenaga Rakyat. Saya alu-alukan pengumuman baru-baru ini iaitu kerjasama Kementerian Pembangunan Luar Bandar dengan kementerian Sumber Manusia untuk mencari tenaga sepenuhnya untuk digunakan di Malaysia ini. Sebab kemelesetan ekonomi sekarang ini kita hendaklah menumpukan tenaga tempatan untuk digunakan sebelum kita mengambil tenaga daripada luar.

Memang tenaga-tenaga luar sama ada buruh daripada Indonesia, Bangladesh atau Filipina, kalau boleh mereka itu kita tidak boleh biarkan lama. Bila lama mereka berada di satu tempat sudah timbul gangtarism ataupun sudah ada pakatan di antara mereka dan kadangkalanya pihak majikan tunduk ataupun lebih suka kepada mereka ini daripada pekerja tempatan. Misalnya ada orang buat aduan kepada saya dia cuba mencari kerja di KLIA sebagai buruh tetapi tidak dapat. Kerana setiap kumpulan itu sudah ada ketua-ketua, ketua dari Bangladesh, ketua dari Filipina atau ketua dari puak Pakistan telah menentukan orang-orang yang mereka boleh terima untuk bekerja di situ dan pihak Kementerian Sumber Manusia mesti mengambil perhatian hal ini, seolah-olah sudah wujud satu kumpulan seperti yang berlaku dahulu sebelum merdeka iaitu Kumpulan Ghee Hin dan Hai San. Ini

kita lihat ada kadangkalanya berlaku pergaduhan antara satu puak dengan satu puak kerana mereka telah bertapak lama dua-tiga tahun dan mereka seolah-olah telah memilih ketua untuk mengendalikan hal-hal mereka dan pekerja-pekerja tempatan walaupun cuba menawarkan diri untuk bekerja, kadangkalanya tidak diberi peluang ataupun diugut oleh sekumpulan pekerja-pekerja ini. Ini kita boleh lihat berlaku di tempat-tempat yang tenaga luar dikumpulkan.

Buruh-buruh di tempat-tempat seperti ini kadangkala gaji mereka mahal antara RM40 hingga RM100. Kalau ada kemahiran membancuh simen, piling, melicinkan dinding itu, semuanya itu kita lihat memerlukan sedikit kepakaran, gaji mereka sehingga RM80-RM90 satu hari. Pekerja-pekerja tempatan tidak berpeluang menikmati gaji ini walaupun mereka dipanggil buruh dan mereka tidak berpeluang kerana seolah-olah wujud seperti kongsi ataupun puak yang menguasai di tempat-tempat pembinaan yang besar ini.

Tuan Pengerusi, begitu juga hal ehwal kesatuan sekerja, sekali lagi saya merayu supaya kesatuan-kesatuan sekerja (inhouse union) ini dibenarkan bersatu dengan kesatuan sekerja di peringkat kebangsaan, khasnya pekerja-pekerja elektronik yang sampai sekarang masih dinafikan hak mereka untuk bergabung dengan kesatuan di peringkat nasional. Memanglah majikan selalunya mahu keuntungan yang semaksimum. Pekerja pula mahu upah yang semaksimum. Oleh itu, perundingan yang lebih kuat mesti diwakili oleh mereka yang diwakili di peringkat kebangsaan. Oleh itu, walaupun Timbalan Menteri baru-baru ini menjawab bahawa mereka tidak mahu dieksploitasi, kerajaan tidak mahu mereka dieksploitasi oleh pemimpin kesatuan sekerja. Saya ingat tidak timbul sekarang ini kerana pemimpin kesatuan sekerja kebanyakannya telah menyokong UMNO termasuk Zainal Rampak. Sebahagiannya telah menyokong UMNO, jadi soal diskriminasi kepada pekerja ini tidak timbul kerana mereka in-line dengan kerajaan. Jadi, saya harap mereka ini dibolehkan untuk joint kesatuan sekerja.

Begitulah juga keselamatan industri, kita mahu kalau boleh sekali lagi kita merayu supaya pekerja-pekerja ini, insurans mereka dicover daripada dalam perjalanan ke tempat kerja, di tempat kerja dan balik daripada kerja. Sekarang ini insurans ataupun SOCSO cover hanya di tempat kerja. Oleh itu, kemalangan yang berlaku dalam perjalanan, kemalangan yang berlaku semasa balik daripada kerja tidak dicover oleh insurans, sedangkan mereka bila keluar daripada rumah sudah dikira masa untuk bekerja, dan ulang-alik mereka kadangkalanya terlalu jauh dan kemalangan-kemalangan yang dahsyat berlaku kadangkalanya meragut nyawa sehingga satu bas atau satu van yang berlaku di Sungai Petani

baru-baru ini. Oleh itu, kita harapkan kerajaan berikhtiar supaya majikan dapat lagi cover insurans kemalangan kepada pekerja dalam perjalanan pergi dan balik di samping di tempat kerja.

Butiran 040400 - Major Hazard. Sekali lagi kita lihat masalah-masalah pencemaran yang berlaku sekarang ini dan mereka yang bekerja di tempat yang merbahaya itu. Misalnya mereka yang bekerja di tempat amonia, di tempat membuat klorin, membuat paraquat. Mereka ini mestilah diminta oleh kerajaan memaksa majikan itu membuat full medical check-up kepada pekerja mereka yang bekerja di tempat-tempat seperti itu yang kita lihat ada di antara mereka yang membuat aduan kepada saya, iaitu setelah mereka bekerja begitu lama di tempat klorin, mereka tidak subur lagi. Misalnya sebelum mereka bekerja dahulu, dua tahun dia dapat anak seorang. Selepas bekerja begitu lama di tempat itu dia tidak lagi memperolehi anak. Mungkin kerana sebab-sebab yang lain. Walau bagaimanapun, kajian perlu dibuat supaya mereka ini diadakan medical check-up yang penuh setiap tahun, dan juga sekali lagi walaupun mereka ini duduk di kementerian lain dan kerajaan telah berjanji untuk buat full medical check-up kepada pasukan bomba kita yang bertugas di Sumatera baru-baru ini yang kita lihat pelbagai penyakit yang kena kepada mereka sampai kerajaan tidak lagi mengeluarkan apa punca akibat yang menyebabkan kita lihat mereka ini sekarang ditimpa berbagai-bagai penyakit dan full medical check-up untuk 2,000 orang itu kerajaan berjanji untuk diadakan kesemuanya dan kita alu-alukan.

Seterusnya, Pengurusan Pentadbiran Personal dan Kewangan. Walaupun hal EPF ini di bawah Kementerian Kewangan, tetapi Kementerian Sumber Manusia yang bertanggungjawab terhadap pekerja kita harap ada bargaining power untuk menentukan nasib pekerja sekarang dan pada masa yang akan datang. Walaupun kita EPF itu wang di bawah Kementerian Kewangan, tetapi jikalau wang EPF hendak digunakan hendaklah Kementerian Kewangan kalau boleh berunding juga dengan pihak kementerian Sumber Manusia sama ada Menteri, Timbalan Menteri atau pegawai-pegawainya tentang baik buruknya kepada pekerja, sekarang dan pada masa yang akan datang menggunakan wang mereka. Sebab baru-baru ini kita lihat sebahagian daripada Khazanah Holdings yang diambil dari selainnya ialah RM30 bilion daripada EPF, nasib baiklah tidak digunakan untuk membeli saham kesemuanya. Kalau wang itu digunakan tergopoh pada hari itu, apa jadi kepada pekerja.

Sebab itulah kita mengambil berat perkara itu sampai ke peringkat membuat memorandum kepada Kementerian Kewangan supaya jangan mudah guna wang itu. Harapan diberi oleh Kementerian Kewangan dalam Belanjawan selepas Belanjawan ekonomi akan naik, tetapi bursa saham

kita terus turun dan terjerumus sampai ke peringkat yang cukup parah sehingga sampai ke peringkat perlu isytihar darurat ekonomi sekarang ini ataupun perlu dibuat nasional council. Nasib baiklah wang EPF ini tidak digunakan lagi. Tetapi kalau barangkali pihak pembangkang tidak ingatkan perkara ini, barangkali kerajaan terpaksa mengambil wang lain untuk menampung pembayaran dividen EPF yang dijamin oleh kerajaan. Sebab itulah dalam langkah-langkah ini kita lihat wang daripada pekerja ini, Kementerian Sumber Manusia walaupun bukan Kementerian Kewangan di tangannya, tetapi perundingan mesti ada untuk memelihara hak-hak pekerja terutama dalam keadaan ekonomi yang sedang dilanda krisis sekarang ini.

Begitulah juga kita harap masalah ekonomi akan selesai dengan cepat, tetapi kalau ia berlarutan barangkali ada kilang-kilang yang akan ditutup ataupun industri-industri yang gulung tikar. Kita harap Kementerian Sumber Manusia menanganinya daripada awal supaya pekerja-pekerja yang hilang pekerjaan itu dapat disalurkan ke tempat-tempat yang sekarang ini dipegang oleh pekerja-pekerja asing, dan pekerja-pekerja asing itu eloklah kita tidak ambil lagi sekarang, yang ada ini dikurangkan dan maksimumkan pekerja-pekerja sumber-sumber tempatan untuk mengambil alih tempat-tempat pekerja asing pada masa yang akan datang. Sekian, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Tambun.

**7.28 mlm.**

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Di bawah Kementerian Sumber Manusia, saya ingin menyentuh program aktiviti Kemajuan Guna Tenaga Rakyat. Dalam laporan Kementerian Kewangan kita dapati dalam tempoh tujuh bulan pertama 1997 produktiviti meningkat pada kadar 10.8%, manakala gaji meningkat pada lebih 20%. Dalam keadaan ekonomi sekarang dan untuk kita berhadapan dengan masa hadapan, sumber manusia menjadi bidang utama yang akan menentukan berjaya atau tidak perjuangan ekonomi kita. Dengan itu, saya berpendapat bahawa elok pada masa sekarang kita mengkaji semula sistem latihan di dalam negara kita ini.

Pada saya ada dua jenis latihan yang diperlukan oleh pekerja. Satu, latihan budaya kerja ataupun lebih dikenali sebagai organisational culture dan satu lagi latihan kemahiran. Sehubungan dengan organisational culture kita dapati ada dua extreme. Di Jepun budaya organisational culture berasaskan kepada mereka bekerja sebagai satu kelompok yang mempunyai semangat berpasukan yang begitu tinggi berasaskan kepada sistem orang samurai. Manakala satu lagi extreme yang dibentuk oleh

firma-firma di Amerika Syarikat yang berasaskan kepada individualistik, memberi kepentingan kepada individual.

Jadi, di dalam negara kita tentunya kita ingin mengambil kedua-dua sistem ini dicampurkan, pekerja-pekerja kita mementingkan kepada kepentingan organisasi, kita sayang organisasi, kita bekerja untuk organisasi, bekerja untuk pasukan kita untuk negara kita. Di samping itu juga kita mahu memberi kebebasan kepada individu supaya dapat memaksimumkan potensi diri kita. Dengan itu kita juga mengiktiraf kepada prestasi individu dalam satu organisasi.

Apa yang ingin saya sentuh di sini saya nampak soal pembangunan organisational culture ini tidak diberi tumpuan dalam sistem di negara kita. Kita dapati firma-firma kita tidak mempunyai unit pembangunan sumber manusia yang menekan kepada perkara ini. Saya sendiri dalam pengalaman saya, saya pernah bekerja di bank Amerika, bank yang dimiliki oleh pelabur Amerika The Chase Manhattan Bank. Saya juga pernah bekerja di bank tempatan, iaitu di Bumiputera Merchant Bankers. Jadi, saya nampak dua budaya ini.

Di Bank Amerika dia mementingkan kepada HRD, ada departmentnya, ada carrier development path, ada latihannya. Apakah budaya kerja yang harus kita terapkan dalam kerja kita setelah dua tahun kita melalui proses itu baru kita menjadi seorang pegawai penuh. Tetapi bila kita bekerja di bank tempatan, selepas enam bulan inhouse training kita terus diterima sebagai pegawai penuh tidak dilatih, tidak diberi kemahiran, tidak diberi suntikan tentang budaya kerja ataupun organisational culture ini.

Jadi, saya berpendapat bidang inilah yang penting apabila kita telah ditanamkan dengan semangat kerja berpasukan untuk organisasi apa pencapaian yang harus kita lakukan dari segi ketepatan waktu dan sebagainya, ia membentuk satu budaya kerja yang cukup hebat, dan berasas kepada ini baru individu mahu bekerja sedaya-upaya yang mungkin, kerana akhirnya matlamat daripada budaya kerja yang dibentukkan, adalah untuk menghasilkan satu pencapaian yang cukup cemerlang.

Jadi, saya ingin bertanya kepada kementerian apakah peranan kementerian dalam soal ini. Dari segi kajiannya sejauh manakah pembangunan organisational culture ini dilaksanakan dalam firma-firma di negara kita, apakah langkah-langkah yang harus dilakukan. Kerana dalam kajian saya berdasarkan penyata kewangan firma-firma di negara kita peratus budget tahunan mereka untuk tujuan HRD ini tidak banyak.

Kedua, tentang latihan kemahiran. Saya bersetuju dengan Kementerian setiap kali kita bertanya, Kementerian telah menjalankan pelbagai program di bawah Tabung Pembangunan Sumber Manusia dan latihan-latihan hands-on yang diberikan itu menepati kehendak negara dan sebagainya. Tetapi saya ingin mendapat maklumat adakah latihan yang kita adakan ini berjaya untuk memenuhi kehendak kilang-kilang kita umpamanya, tahap kemahiran diperlukan oleh kilang-kilang kita, ataupun latihan yang kita adakan ini latihan yang menuju ke arah keperluan tahap kemahiran yang dikehendaki.

Antara keperluan kilang, masalah kita sekarang kita tidak menekankan kepada automasi. Kita hantar pekerja kita berlatih dan bila dia balik mungkin dia boleh menjalankan kerja-kerja di kilang pada peringkat sekarang. Tetapi keperluan sebenarnya untuk negara kita menjadi sebuah negara kompetitif yang tinggi kita mesti menggunakan automasi. Jadi, arah latihan kita sekarang ini sepatutnya adalah latihan untuk menuju kepada tingkat yang lebih tinggi lagi. Kalau tidak kita akan ada apa yang dikatakan sebagai skill gap ataupun technological gap. Jadi, apakah peranan Kementerian ke arah itu. Adakah Kementerian sekadar dengan mengumpulkan pengusaha-pengusaha yang menyimpan dalam tabung tersebut dan memanggil kakitangan daripada kilang-kilang tersebut menjalankan program sepertimana yang dikehendaki oleh pihak berkenaan ataupun pihak Kementerian sendiri setelah membuat kajian, rakyat kita memerlukan skill-skill tertentu pada tahap kemahiran yang lebih tinggi daripada sekarang kemudian mengadakan program-program tersebut.

Pada pendapat saya satu lagi perkara yang mesti ditekankan adalah kerana kita dapati latihan-latihan yang disediakan oleh Kementerian berbentuk am ataupun umum. Saya berpendapat untuk negara kita menjadi sebuah negara yang mempunyai kompetitif yang tinggi kita perlu meningkatkan kemahiran kita kepada peringkat yang advance serta specialise. Dalam hubungan itu, saya berpendapat kilang-kilang harus mempunyai institut latihannya sendiri. Kalau tidak kita kumpulkan kilang yang bergiat dalam bidang yang sama, related industry, bergabung dan dirikan institut latihan supaya dapat mereka menerapkan kemahiran yang bersesuaian dengan keperluan dalam bidang-bidang tersebut. Kalau bidang kenderaan digabungkan, adakan institut latihan serta bidang-bidang yang lain.

Saya dapati bahawa pihak swasta tidak banyak memainkan peranan untuk mengadakan pusat latihan mereka sendiri, kecuali badan-badan multi-national seperti Shell, Esso dan sebagainya. Tetapi jikalau badan-badan yang pelaburnya datang daripada negara kita sendiri, sektor latihan ini tidak diberi penumpuan. Jadi, saya mintalah pihak Kementerian, apakah pandangan mereka dan apakah tanggungjawab yang boleh Kementerian mainkan supaya setiap sektor tertentu dalam kilang di negara

kita harus mempunyai pusat latihan mereka sendiri. Saya berpendapat ini cukup penting dilaksanakan sekarang kerana dalam kajian kita boleh dikatakan semua negara maju, firma-firma negara mereka mempunyai pusat latihan mereka sendiri.

Satu lagi perkara, Tuan Pengerusi, tentang pusat-pusat latihan, saya ambil contoh macam ILP umpamanya. Saya dapati bahawa ia memberi peluang kepada mereka yang mendapat kelulusan SPM untuk masuk dalam setahun setengah atau dua tahun keluar dengan mendapat sijil. Tetapi di kilang ada orang-orang yang tidak sampai kepada SPM begitu ramai. Ke manakah mereka ini boleh pergi. Ada dua perkara yang saya ingin sentuh. Pertama, tidakkah boleh pusat latihan ini selain daripada mengeluarkan sijil, dipertingkatkan sampai keluar diploma dan sampai ke peringkat mengeluarkan degree. Kerana arah atau trend pekerja abad ke-21 adalah trend kita melahirkan knowledge workers. Di negara kita, kita dapati dari segi hierarki, orang yang mempunyai kemahiran begitu kecil. Yang lain kebanyakannya adalah orang yang bukan separuh mahir yang mempunyai kemahiran yang paling sedikit sekali.

Kalau bentuk ini yang terus wujud dalam negara kita, kita tidak akan mempunyai pekerja-pekerja yang bersedia untuk menerima cabaran-cabaran pada masa yang akan datang. Tetapi jikalau kita dapat menyediakan program-program sampai ke peringkat mereka dapat degree daripada orang SPM ataupun SRP dan sebagainya, jadi kita dapat lebih cepat melahirkan golongan pekerja, knowledge workers yang saya katakan tadi.

Di samping itu, sepertimana saya katakan perkara kedua tentang orang-orang yang tidak masuk ILP yang terus pergi bekerja begitu ramai. Tengok di tempat saya boleh dikatakan dalam satu-satu kilang dalam 90% adalah golongan ini. Golongan buruh pekerja hands-on yang paling rendah tarafnya, ke manakah mereka hendak pergi. Kita kata ada Tabung Pembangunan Sumber Manusia, tetapi berapa ramai yang boleh pergi. Kebanyakannya tidak akan dapat pergi ke situ. Hasrat kita melahirkan knowledge workers ini tidak akan tercapai jikalau golongan ini tidak diberi perhatian oleh pihak kerajaan. Di samping itu,....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Di samping itu, Tuan Pengerusi, dengan cara kita memberi perhatian kepada golongan yang ramai ini kita juga dapat menaikkan selain daripada skill melahirkan knowledge workers, kita juga dapat meningkatkan kedudukan sosio-ekonomi negara kita. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Kemaman.

**7.40 mlm.**

**Dr. Ramli bin Taib [Kemaman]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin merujuk secara ringkas sahajalah, kepada Butiran 040000 - Keselamatan, Kesihatan dan Kesejahteraan Pekerja.

Saya ingin merujuk kepada Laporan Tahunan PERKESO 1996 yang menunjukkan bilangan penyakit khidmat yang dilaporkan dan bilangan kemalangan industri pada tahun 1996. Apa yang kita dapati di sini ialah pada tahun 1996 bilangan kemalangan industri yang dilaporkan ialah berjumlah lebih kurang 106,508 orang dan kalau kita bandingkan dengan bilangan penyakit khidmat yang dilaporkan pada tahun 1996 hanyalah sebanyak 1,089 kes.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

Apa yang kita dapati daripada statistik ini dan apa yang saya boleh rumuskan ialah pertamanya kalau kemalangan itu bertambah dengan begitu banyak dan laporan bilangan penyakit khidmat yang rendah, bermakna kita dapati bahawa keprihatinan majikan pada masa sekarang ini masih lagi rendah.

Yang keduanya, ialah kes-kes bilangan penyakit khidmat yang rendah ini mungkin adalah disebabkan oleh under reporting.

Dan yang ketiganya, ialah sebab kelemahan proses pemantauan ataupun monitoring yang dibuat oleh jabatan atau kementerian sendiri.



Jadi, kita dapati sekarang ini majikan tempatan iaitu syarikat-syarikat tempatan masih lagi tidak peka dengan kepentingan keselamatan pekerja-pekerja ini, jika kita bandingkan dengan multinasional companies yang ada di Malaysia ini, saya mempunyai pengalaman bahawa mereka ini cukup memberi perhatian terhadap keselamatan pekerja-pekerja ini. Mereka mempunyai sistem yang begitu bagus dan kalau kita bandingkan dengan majikan atau syarikat tempatan. Jadi, saya berharap kepada kementerian supaya lebih memberi tumpuan kepada syarikat-syarikat tempatan yang tidak prihatin ini.

Mereka ini masih tidak sedar bahawa wang yang digunakan untuk mengubati penyakit-penyakit ataupun kerugian yang dialami oleh syarikat-syarikat adalah lebih besar kalau kita bandingkan dengan wang yang digunakan untuk mengadakan satu sistem keselamatan yang lebih baik.

Apa yang berlaku sekarang ini ialah di mana syarikat-syarikat ini menggunakan sistem panel doktor. Panel doktor ini kalau kita lihat, kebanyakan dari mereka ini tidak mempunyai kelulusan di dalam occupational health. Kita dapati banyak kes-kes yang tidak dilaporkan, umpamanya kita lihat penyakit khidmat, kalau kita lihat umpamanya occupational asthma ataupun asthma yang disebabkan oleh penyakit - '0'. Tidak ada laporan langsung - impossible tidak ada laporan langsung tentang occupational health, chronic obstructive pulmonary diseases - dua kes dalam tahun 1996 dan kita lihat pula 'hearing impairment caused by noise', noise induce hearing impairment - 24 kes dalam masa satu tahun, kalau kita bandingkan bilangan

kemalangan yang direkodkan 106,000 yang hearing impairment hanya 24 orang.

Saya pernah melakukan dahulunya sebagai panel doktor untuk dua, tiga buah syarikat multinational. Apabila saya membuat pemeriksaan untuk pekerja baru yang berpindah dari satu syarikat lain, saya dapati mereka ini kebanyakannya adalah mempunyai hearing impairment dan saya bertanya kepada mereka, apakah monitoring yang dibuat oleh syarikat yang lama itu, dia kata tidak ada.

Ini adalah satu perkara yang amat serius saya kira, maknanya report yang kita ada sekarang iaitu 24 orang dalam masa satu tahun terlampau rendah. Jadi, di sinilah letaknya di mana kepekaan majikan bagi syarikat-syarikat tempatan ini yang masih rendah kerana keprihatinan mereka ini terhadap penyakit ini dan saya ingin mencadangkan di sini supaya kementerian memberi perhatian iaitu bagi semua syarikat ataupun industri kilang-kilang yang terlibat dengan .....

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Pengerusi, tidak cukup kuorum.

*[Ahli-ahli dikira kurang 26 Ahli yang hadir]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Setiausaha, sila bunyikan loceng.

**Loceng dibunyikan.**

*[Ahli-ahli dikira lebih 26 Ahli hadir]*

**Seorang Ahli:** Orang pergi sembahyang Maghriblah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ha, mahu gaduh? Syurga - syurgalah, jangan lari.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, saya ingat, sudah cukup kuorum, sudah lebih lagi. Ya, sudah cukup kuorum, sila teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Resignlah kalau tak mahu datang hadir.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Apalah, bodohkah you?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya minta teruskanlah, ya, sudah cukup kuorum, jangan gaduhlah.

**Seorang Ahli:** Kuorum sudah lebih dari cukup.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, silakan Ahli Yang Berhormat dari Kemaman.

**Dr. Ramli bin Taib:** Okay Tuan Pengerusi, saya sambung.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Dr. Ramli bin Taib:** Saya sambung. Tak apalah, beri dia 'chance'. Apa yang saya sebutkan tadi ialah mengenai .....

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, bertenang ya! Beri peluang untuk berucap. Sila.

**Dr. Ramli bin Taib:** Cadangan saya ialah bagi syarikat-syarikat ini kita cadangkan supaya 'visiting doctors' mestilah yang mempunyai kelulusan

‘occupational health’, kalau syarikat itu tidak ada, yang ada hanya penal doktor sebagai doktor practitional biasa, tetapi syarikat itu mestilah ada ‘visiting doctors’ yang mempunyai kelulusan ‘occupational health’.

Jadi, saya berharap kepada kementerian supaya mengadakan syarat-syarat yang lebih ketat semasa menjalankan pemeriksaan perubatan sebelum ataupun semasa perubatan berkala kerana ada saya dapati bahawa setengah syarikat industri di mana syarikat ini terlibat dengan perkara seperti habuk dan terlampau bising umpamanya, tidak ada dilakukan ‘audiometry test’ ataupun tidak membuat ‘lung function test’. Jadi, dengan adanya ‘visiting doctors’ yang mempunyai kelulusan dalam ‘occupational health’ ini maka kita berharaplah pekerja ini dapat diberi perkhidmatan perubatan yang lebih baik.

Yang ketiganya, ialah tentang monitoring process. Saya percaya kementerian memang ada mengadakan proses monitoring ataupun pemantauan terhadap pesakit ataupun pekerja industri ini. Tetapi saya dapati bahawa ini tidak dilakukan dengan begitu kerap. Department of Safety and Health (DOSH) umpamanya, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada di dalam DOSH ini ada atau tidak pegawai perubatan yang mempunyai kelulusan ‘occupational health’ kerana saya dapati rakan saya yang mempunyai kelulusan ‘occupational health’ tetapi tidak dapat bekerja dengan kerajaan sebab tidak ada jawatan. Pada hal kita mempunyai satu, kita memerlukan orang-orang ini untuk mengadakan pemantauan di syarikat-syarikat yang mempunyai masalah ini.

Jadi, saya kira adalah lebih baik kerajaan atau kementerian untuk mewujudkan jawatan ini kepada pegawai ataupun pengawal perubatan yang mempunyai kelulusan 'occupational health' ini. Saya rasa itulah dua perkara yang saya hendak sebutkan tadi, iaitu syarikat ini masih belum peka dan sistem panel doktor ini belum begitu baik yang perlu diperbaiki dan kes-kes under reporting ini perlu diberi perhatian dan yang ketiganya ialah, monitoring process ini patut dipertingkatkan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong.  
**7.50 mlm.**

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Tuan Pengerusi, saya sentuh Butiran 010000, beberapa perkara saya ingin bangkitkan.

Yang pertama, bahawa ....

**Beberapa Ahli:** *[Keluar Dewan]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Keluar ha!

**Tuan Lim Hock Seng:** Nanti saya panggil kuroum.

**Tuan Lim Kit Siang:** Jangan mahu masuk lagi ha. *[Ketawa]*

**Tuan Lim Hock Seng:** Nanti saya panggil kuorum.

**Tuan Lim Kit Siang:** Beberapa perkara saya mahu bangkitkan, yang pertama, mengenai KWSP saya mahu tanya berapa wang dari KWSP sudah dilaburkan untuk menyelamatkan stock exchange, oleh kerana dalam bulan Ogos antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada mengumumkan satu tabung RM60 bilion untuk menyelamatkan pasaran saham dan institusi kewangan yang terlibat dalam tabung ini termasuklah KWSP dan ini tentulah satu perkara

yang sangat tidak wajar, ini wang rakyat khasnya untuk masa mereka bersara dan tidak patut digunakan dengan risiko yang begitu tinggi dan saya harap bahawa tidak ada satu sen daripada KWSP sudah digunakan untuk selamatkan pasaran saham.

Oleh kerana kalau begitu ada wang yang digunakan RM1,000 sekarang sudah jatuh sehingga RM600 sahaja. Inilah .....

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Tuan Lim Hock Seng:** 13(1). Tidak cukup kuorum.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, mana ada, two, three, four, five ...

**Beberapa Ahli:** *[Keluar Dewan]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Oh, keluar lagi, habis!

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, ya, sila, sila.

**Tuan Lim Kit Siang:** ..... five, six, seven, eight, nine - sembilan orang!

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, sila bunyikan loceng. Ya, ya kita panggil ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dia pun keluar, sembilan orang, lapan orang.

**Tuan Lim Hock Seng:** Lebih baik kita tangguh!

**Tuan Lim Kit Siang:** Lapan orang!

*[Ahli-ahli dikira kurang 26 Ahli hadir]*

*Loceng dibunyikan.*

**Tuan Lim Kit Siang:** What majority? 90% majoriti. Jadi, adjournment speech, keluar pun tak childish.

**Seorang Ahli:** Baru masuk ya! Tak payah masuklah!

**Tuan Lim Kit Siang:** Tak cukup tangguhlah! Mesyuarat besoklah!

**Seorang Ahli:** Naik sembahyang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita tangguh untuk sembahyang!

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Mesyuarat tangguh!

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, boleh minta atau tidak supaya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ini supaya hormat sedikit waktu?

**Tuan Lim Kit Siang:** Bolehkah kita minta bahawa Ahli Parlimen hormat Dewan ini.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Hari ini sahaja you dalam Dewan pukul 8.00. Semalam mana you pergi?

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita kata bahawa kalau masuk Maghrib tangguhkan Dewan ini untuk .....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Semalam you pergi ke mana?

**Tuan Lim Kit Saing:** Ya, kita hormat Dewan ini untuk, ya kita hormat, tetapi hormat Dewan ini ...

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Too much you!

**Tuan Lim Kit Siang:** Jangan keriau-keriau di sini, bukan saya panggil kuorum sekali ini. Tahukah atau tidak?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tadi siapa panggil? Panggil DAP tak cukup kuorum!

**Tuan Lim Kit Siang:** Peraturan Mesyuarat kalau tak suka, tukar Peraturan Mesyuarat. Bukan Pengerusi BBC boleh cakap apa yang suka, dalam Barisan Nasional boleh, dalam Dewan tidak boleh.

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Berhormat ...

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau masa untuk sembahyang, kita hormat, kita tangguhkan Mesyuarat untuk sembahyang.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tadi awak panggil pukul berapa?

**Tuan Lim Kit Siang:** Tak setuju! Kita setuju tetapi mengikut Peraturan Mesyuarat.

*[Beberapa Ahli masuk ke dalam Dewan dan berdiri sambil memerhatikan perjalanan Dewan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, yang sudah masuk, duduklah! Supaya saya boleh kira!

**Tuan Lim Kit Siang:** Pengerusi BBC atau Pengerusi ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sila masuk, jangan berdiri di situ. Tak boleh dikira di situ. Mesti duduk di tempat masing-masing.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

*[Ahli-ahli dikira lebih 26 Ahli hadir]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay, boleh saya teruskan?



**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, sila, silakan. Saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk ya. Saya hari ini bertugas dua-dua jam seorang tahu! Saya boleh duduk di sini selama dua jam. Jadi, mintalah sampai pukul 8.45 malam, diminta duduk. Sila Tanjong!

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay! Jangan buat sangkaan jahat sahajalah ha. Dan KWSP. KWSP kita harap bahawa tidak ada apa-apa, kita mahu satu accounting mengenai berapa jumlah wang daripada KWSP sudah digunakan untuk menyelamatkan pasaran saham. Oleh kerana kalau ada dibuat tentulah rakyat kaum pekerja tentu sudah rugi besar.

Dan kedua, saya harap bahawa khasnya mengenai KWSP, kita tahu ada satu investment panel, tetapi tidak ada wakil-wakil daripada pihak pekerja MTUC dalam investment panel, itulah satu panel yang maha penting, yang akan memutuskan mengenai cara Tabung KWSP digunakan sama ada selamat, sama ada terjamin dan oleh kerana wang ini untuk pekerja-pekerja, saya harap bahawa investment panel ada terdiri, ada dianggotai oleh wakil-wakil pekerja-pekerja.

Masa sudah sampai di mana kita perlu ada peruntukan baharu, pindaan-pindaan kepada undang-undang semacam memperkenalkan inovasi untuk menghadapi perubahan zaman, adakah kerajaan pernah menimbang mengadakan bukan sahaja 'maternity leave' tetapi 'paternity leave'. 'Paternity leave' itu bukan main-main, ini mustahak kalau kita mahu satu keluarga baik mula hayatnya dengan keadaan environmental, emotional yang sempurna di mana bukan sahaja kalau kita mahu satu caring society, satu keluarga sebagai

unit integral masyarakat kita, saya harap bahawa kerajaan boleh fikir 'paternity leave' untuk bapa-bapa, anak-anak yang lahir membantu menjaga mereka menanamkan satu perasaan tanggungjawab, bukan ibu sahaja tetapi bapa juga.

Yang kedua, masa pun telah sampai untuk meninggikan semua umur persaraan (retirement age). Yang Amat Berhormat Perdana Menteri - 71 tahun, masih kuat, kenapa dalam civil service atau dalam private service kita memperkenalkan satu 'retirement age' yang menganggap bahawa selepas 55 tahun mereka tidak berguna lagi kepada perkhidmatan awam.

Saya harap bahawa ini boleh diberi keutamaan supaya dalam Malaysia 'retirement age' dipertingkatkan daripada 55 tahun kepada 60 tahun. Di Singapura kalau saya tidak silap sudah 65 tahun atau 67 tahun.

Dan khasnya lagi mengenai pekerja-pekerja di estet, saya rasa masa pun sudah sampai untuk menyelamatkan kaum pekerja-pekerja estet yang sekarang sudah di 'manipulise' menjadi satu puak satu golongan 'social economic' yang begitu diabaikan, mereka menghadapi masalah sama ada penindasan dalam estet, di mana taraf sosial ekonomi mereka sangat rendah, tidak ada peruntukan untuk perumahan di mana baru 29.4% estet yang ada diberi bekalan air, di mana nisbah doktor kepada pekerja-pekerja atau penduduk estet ialah tiga doktor kepada 300,000 orang dan semua tidak ada gaji yang tetap dan terjamin, ikut cuaca, ikut harga pasaran, sekolah-sekolah di estet-estet tidak sempurna, peruntukan kesihatan sangat tidak puas hati dan sebab itulah saya menyeru bahawa kerajaan mengadakan untuk memulihkan kedudukan dahulu di mana pekerja-pekerja estet ada disifatkan, ada diiktirafkan sebagai specific poverty

group, satu kumpulan kemiskinan yang spesifik yang diadakan dalam Rancangan Malaysia Keempat, Kelima tetapi dalam Rancangan Malaysia Keenam dan Ketujuh, golongan estate workers ditinggalkan sebagai satu specific poverty group, sungguhpun masalah kemiskinan mereka lebih dahsyat dan lebih serius dan saya rasa ini patut diberi perhatian yang berat, mungkin Kementerian Sumber Manusia patut membuat satu cadangan, sungguhpun bertentangan dengan kepentingan kementeriannya ialah untuk pindah tanggungjawab estet kepada rural development, Kementerian Pembangunan Luar Bandar oleh kerana ada satu development budget dalam Kementerian Pembangunan Luar Bandar di mana mereka mungkin boleh memberi peruntukan, boleh membekalkan kemudahan pokok semacam air, electricity, perumahan, pendidikan, health care untuk pekerja-pekerja estet dan bekas pekerja-pekerja estet oleh kerana nampaknya dalam Kementerian Sumber Manusia tidak ada development budget untuk air, untuk electricity, untuk perumahan atau pendidikan dan saya harap ini patutlah kita memberi keutamaan khasnya kepada golongan pekerja-pekerja estet yang ada memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan negara, sungguhpun tidak lama lagi mungkin dalam estet tidak ada lagi pekerja-pekerja Malaysia, semua ada Bangladeshi dan pekerja-pekerja asing dan ini pun satu tragedi untuk negara kita di mana kita membenarkan keadaan tukar begitu cepat, tanpa dikawal dan saya harap bahawa akhirnya saya mahu sokong apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian bahawa masa sudah sampai untuk perlu membenarkan pekerja-pekerja elektronik di'uninise'kan, kenapa kita masih

mahu membenarkan mereka atau national unit of electronic workers dan kedua, peratus pekerja-pekerja yang di'uninise'kan masih sangat rendah, kalau tidak silap 12% atau 10% di antara negara yang terendah sekali. Bagaimana kita boleh kata satu negara yang boleh menjaga kepentingan pekerja-pekerja tetapi uninisation, kadar uninisation pekerja-pekerja begitu rendah dan saya harap bahawa Kementerian Sumber Manusia boleh memberi keutamaan untuk mempertingkatkan peratusan pekerja-pekerja yang terdapat di'uninise' di negara kita. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Bagan selepas ini Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab.

**8.02 mlm.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Tuan Pengerusi, 050000 - Pentadbiran Undang-undang dan Standard Perburuhan. Saya ingin membangkitkan dengan Akta Syarikat 1965.

Tuan Pengerusi, sejak dari tahun 1993 hingga ke tahun ini ada 18 buah kilang elektronik telah ditutup di Pulau Pinang sahaja. Ini membabitkan 3,773 orang pekerja. Dalam masa krisis ekonomi yang melanda dalam negara kita sekarang ini, saya percaya mungkin ada banyak lagi kilang-kilang akan ditutup.

Dalam hal ini, faedah dan kepentingan pekerja-pekerja perlu diambil berat, walhal dalam Akta Syarikat 1965 telah menerangkan bahawa apabila sesebuah kilang ditutup, mereka perlu membayar kepada 'secure claim' sahaja

dan gaji dan faedah menamatkan kerja dan sebagainya kepada pekerja-pekerja ialah dikatakan seperti 'unsecured caring'.

Tuan Pengerusi, saya ambil misalannya ada sebuah kilang Advantech Electronic Sendirian Berhad, di mana apabila ia ditutup sejumlah RM682,975,000 telah ditunggakkan kepada pekerja-pekerja sebagai gaji, faedah, penamatan kerja dan lain-lain. Dan juga sebuah kilang lagi Formula Electronic Sendirian Berhad, tunggakan gaji adalah RM465,000.

Kedua-dua kilang ini telah berhutang kepada pekerja-pekerja dalam hal gaji, faedah dan lain-lain yang perlu dibayar kepada pekerja-pekerja tetapi walaupun ada satu perintah mahkamah diberi kepada penerima harta, tetapi ia tidak dapat diberi kepada pekerja-pekerja kerana harta dan apa-apa yang dapat dilelong dari kilang ini tidak cukup untuk membayar 'secured claim' dan gaji dan lain-lain yang berhutang kepada pekerja-pekerja merupakan 'unsecured claim' kepada mereka, tidak dapat apa-apa dari kilang yang telah ditutup ini.

Maka dengan ini saya fikir patutlah kerajaan kita mengambil berat dan mengambil kepentingan pekerja dahulu, jikalau akta ini masih kekal, saya takut pekilang-pekilang ini akan mengambil kesempatan dengan menghutangkan gaji-gaji tertunggak selama dua atau tiga bulan dan selepas dua, tiga bulan mereka akan mengisytiharkan penutupan kilang ini dan pekerja ini apa yang boleh mereka buat, menuntut kepada Labour Office ataupun pejabat buruh. Walaupun ada satu perintah, walaupun ada satu keadilan diberikan kepada mereka, tetapi wang tidak ada, tak boleh buat apa. Itu satu perkara yang penting, saya haraplah kerajaan boleh mengkaji balik Akta Syarikat 1965 ini.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini saya ada baca dalam surat khabar bahawa kerajaan telah mengizinkan estet atau plantation untuk mendapat lagi pekerja-pekerja asing iaitu dibenarkan menggaji pekerja asing bekerja di estet dan plantation. Dalam hal ini saya rasa ini tidak adil kerana di bidang industri yang lain, mereka telah diharamkan sama sekali untuk mengambil pekerja-pekerja asing mulai dari satu tarikh yang telah ditetapkan itu, tetapi mengapa estet dan plantation masih dapat mengambil pekerja asing. Bolehkah Kementerian Sumber Manusia membuat satu kajian yang betul-betul mengenai kekurangan pekerja di semua lapisan industri bukan sahaja terhadap estet dan plantation bahkan di semua bidang industri menjalankan satu kajian yang teliti sama ada mereka kekurangan pekerja asing atau pekerja asing ada lebih banyak dan jikalau di bidang industri yang lain mereka memerlukan pekerja, maka mereka perlu dibenarkan untuk mengambil pekerja asing dan ini barulah adil kepada semua industri dan bukan sahaja tertakluk kepada estet atau plantation sahaja.

Tuan Pengerusi, dalam hal mengambil pekerja asing untuk estet dan plantation ini, saya rasa pada pengetahuan kami semua bahawa bukan orang-orang tempatan tidak mahu bekerja di dalam estet, pekerjaan di estet dan plantation, jikalau tuan punya estet atau plantation ini betul-betul menjaga kepentingan mereka dengan memperuntukkan rumah-rumah kediaman, bekalan api dan elektrik dan juga memberikan kepada mereka medical benefit, dengan izin, membekalkan bas-bas sekolah untuk menghantarkan anak mereka ke sekolah-sekolah maka ramai pekerja tempatan rela bekerja dalam estet.

Masalah yang mereka hadapi sekarang adalah penghidupan di dalam estet agak susah kerana kekurangan air, elektrik, gaji dan juga masalah anak-anak mereka hendak pergi sekolah dan sekiranya semua ini diambil kira, maka saya yakin ada ramai pekerja tempatan rela bekerja di dalam estet. Dengan ini, sekian sahaja. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

**8.10 mlm.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun memberi pandangan yang pelbagai mengenai perkara yang berkait dengan kementerian saya. Pertamanya, Ahli Yang Berhormat dari Tuaran, dia pun tidak ada di sini.

Tuan Pengerusi, sememangnya kita dapat mengakui bahawa ekonomi negara kita telah pun bertumbuh dengan begitu pantas, ini kita terpaksa berusaha pada satu ketika dahulu kita tidak begitu membangun, maka kerajaan telah pun berusaha bersungguh-sungguh dan kita tidak sangka bahawa usaha kita itu kata orang mendapat kejayaan begitu pesat, begitu cepat dan Alhamdulillah kita pun sekarang, seperti kata orang, 'mature' dari segi ekonomi kita dan dalam hubungan ini maka kita terpaksa mengajikan begitu banyak pekerja asing sehingga lebih dari satu juta orang yang datang secara sah.

Tetapi sebagaimana yang telah diperkatakan berkali-kali, kerajaan sedar bahawa tahap pekerja asing di negara kita ini sudah pun banyak, maka sekarang kita telah pun membekukan pengambilan pekerja-pekerja itu dan sekarang ini kita sedang mengubahsuai keadaan supaya pada satu hari nanti pekerja-pekerja asing yang sedia ada, bukan sahaja kita tidak perlu lagi mengambil pekerja asing yang baru tetapi malah pekerja asing yang ada sekarang ini kita boleh dapat hantar mereka balik perlahan-lahan iaitu dengan kita mengubahkan perindustrian kita berganjak kepada industri hi-tech dan sebagainya dan industri yang merupakan labour intensive, kalau mereka hendak pindah pun memang kita menggalakkan.

Ahli Yang Berhormat dari Tuaran ada juga menyatakan bahawa beliau terdengar kononnya ada lebih kurang tiga juta rakyat Malaysia yang menganggur, ini memanglah tak betul dan memang tidak tepat dan kalau ada mana-mana rakyat Malaysia yang menganggur, tidak ada masalah langsung kerana sebanyak lebih dari 1.7 juta rakyat asing ada di negara kita ini, jadi, tak nampak kenapa kita tidak boleh beri kerja kepada rakyat kita sendiri.

Kementerian Sumber Manusia mempunyai lebih dari 49 Pejabat Tenaga Rakyat di seluruh negara. Boleh dikatakan banyak di daerah yang besar dan juga di peringkat nasional dan pejabat-pejabat ini mempunyai agensi pekerjaan. Jadi semua rakyat Malaysia yang inginkan pekerjaan boleh pergi mendaftar dengan pejabat ini free of charge dan pegawai-pegawai kita akan berikhtiar sedaya upaya untuk mendapatkan pekerjaan kepada mereka. Jadi tidak ada sebab, there is no reason kenapa rakyat kita perlu menganggur. Tetapi memanglah kita ada satu masalah under employment khususnya di kawasan-kawasan luar bandar. Ini atas pilihan sendiri. Rakyat kita yang rasa tidak perlu bekerja lebih kerana dia rasa dengan kerja yang dia ada itu memadai.

Memang kerajaan berhasrat untuk cari jalan bagaimana kita dapat memujuk rakyat kita yang under employed by choice ini yang kebanyakannya di luar bandar untuk keluar bekerja. Ini adalah satu perkara yang cukup sukar, ini membabitkan the state of mind. Kita perlu satu kempen besar-besaran untuk menukar cara pemikiran rakyat itu supaya mereka dapat keluar bekerja dengan sepenuh masa. Jadi memanglah kementerian saya dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah pun menubuhkan satu jawatankuasa dinamakan Jawatankuasa Kerja Gunatenaga Luar Bandar untuk cari jalan bagaimana kita dapat memujuk mereka ini semua keluar bekerja fulltime sebagaimana kita tahu



khususnya di Semenanjung Malaysia dan khususnya lagi di barat Semenanjung, tidak ada satu kampung yang lebih daripada half an hour driving time ke tempat kerja. Kerajaan dalam kebijaksanaannya telah pun menubuhkan kawasan-kawasan industri merata-rata tempat, bukannya tertumpu kepada satu tempat sahaja, bermakna tempat-tempat kerja itu begitu dekat dengan kampung-kampung. Mereka boleh pergi bekerja bila-bila masa yang mereka kehendaki. Jadi inilah satu ikhtiar yang kita akan lancarkan dalam masa yang singkat. Memanglah di Sabah.....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut mengenai masalah under utilisation tenaga manusia khasnya di luar bandar dan ini antara satu cara untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga manusia dan mengurangkan pekerja-pekerja asing. Adakah kajian angka dibuat mengenai berapa orang yang boleh dimobilisasikan melalui cara ini, setengah juta orang, 600,000 orang atau adakah angka-angka dalam kajian yang dibuat.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Pengerusi, memanglah angka itu tidak ada lagi. Ini salah satu usaha yang akan dijalankan oleh jawatankuasa gunatenaga yang saya sebutkan tadi, tetapi kita tahu di tiap-tiap kampung ada wakil-wakil dari syarikat dan macam-macam kilang berkeliaran sepanjang masa untuk memujuk orang-orang kampung kita supaya bekerja dengan mereka dan ikut van mereka untuk bekerja dan orang-orang ini akan diberi komisen dan sebagainya. Jadi dari ikhtiar ini kita tahu bahawa ada orang yang under employed tetapi sengaja tidak mahu bekerja kerana dia rasa cukup, anak-anak dia semua sudah habis belajar, sudah pun kahwin, dia ada rumah, dia tidak ada masalah kenapa mahu kerja lebih. Jadi ada masalah attitude. Jadi, berdasarkan itu kita tahu bahawa memang ada ramai rakyat kita yang under employed dan kita tahu juga untuk memujuk mereka keluar bekerja memanglah satu masalah yang besar dan kita perlu menggunakan mungkin agama, masjid-masjid dan sebagainya untuk meyakinkan mereka tentang peri mustahaknya mereka keluar untuk bekerja lebih sedikit.

Begitu juga di Sabah, kerajaan memanglah terpaksa untuk menggajikan orang-orang luar bekerja di ladang-ladang kelapa sawit dan sebagainya oleh sebab pekerja tempatan tidak mahu bekerja. Ini masalah. Kalau ada pekerja-pekerja tempatan yang sedia bekerja, no problem. Mereka boleh pergi ke mana-mana juga Pejabat Tenaga Rakyat dan mendaftarkan diri dan kita, insya-Allah, mungkin boleh mendapatkan kerja kepada mereka secara serta-merta.

Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian - elok dia pun sudah masuk, kononnya ada seorang sahabat dia hendak bekerja di KLIA tetapi tidak dapat kerja. Saya baru beri penjelasan, mana-mana rakyat Malaysia kalau hendak bekerja, tolonglah pergi daftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat, insya-Allah, kita akan carikan kerja, dia boleh sebut di mana dia hendak kerja, jenis kerja apa, kalau dia hendak kerja part-timekah, full-timekah, kalau part-time dari waktu mana ke waktu mana, insya-Allah, kita boleh carikan kerja dan tidak perlu berlawan atau berkelahi dengan gangster-gangster - no problem. Dan tentang.....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Ya.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri sedar atau tidak sekarang ini kalau orang hendak pergi bekerja macam di KLIA, pekerja tempatan rasa takut seolah-olah dikuasai oleh satu puak dan wujud macam, kita hendak panggil gangsterism tetapi wujud suasana yang begitu yang pekerja tempatan kadang-kadang rasa takut, dia rasa terasing, macam dia berada di negeri lain. Jadi suasana ini yang saya timbulkan tadi.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tidak juga saya rasa, sebab di KLIA pun ramai pekerja tempatan rakyat kita sendiri yang bekerja di sana, cuma pekerja asing ini sebagai tambahan. Jadi saya rasa masalah itu tidak akan timbul kerana kita boleh letakkan pekerja-pekerja kita itu dengan kontraktor-kontraktor yang dia rasa selesa sebab kontraktor-kontraktor itu menunggu pekerja sahaja. Jadi masalah itu saya rasa tidak timbullah.

Memang dari segi gaji, ini memang saya setuju dengan Ahli Yang Berhormat. Mereka ini tahu kedudukan employment di sini ketat, kontraktor-kontraktor sukar untuk dapat pekerja, maka dia cuba memaksa mereka ini untuk membayar gaji yang berlebihan. Ini adalah satu masalah yang Kementerian Sumber Manusia rasa bimbang. Di sektor-sektor lain tidak ada masalah, gajinya mengikut pasaran (market force) dan munasabah iaitu gaji yang rakyat kita sendiri pun sanggup terima dan rasa puas hati tetapi dalam sektor binaan memang kita menghadapi masalah di mana gaji telah pun meningkat naik begitu tinggi dalam masa yang begitu singkat. Ini kita akan cari jalan untuk memperbetulkan. Saya sendiri akan menemui dengan Housing Developers Association, Master Builders Association dalam masa seminggu dua lagi untuk membincangkan bagaimana kita dapat kawal keadaan ini.

Mengenai kesatuan-kesatuan sekerja yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian dan juga Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, kita memang menggalakkan semua pekerja kita untuk membuat kesatuan dan menjadi ahli kesatuan, tidak ada masalah, dan kebanyakan pekerja itu pun berpuas hati dengan in-house union. Kalau mereka hendak kekuatan, tidak ada problem, semua in-house union pun berhak untuk menjadi ahli gabungan MTUC misalnya, tidak ada masalah, dan ramai juga mereka telah pun menjadi ahli MTUC.

**Tuan Lim Kit Siang:** Minta penjelasan. Mengenai pekerja-pekerja elektronik sungguhpun kerajaan membenarkan mereka menubuhkan in-house union, bukannya benar bahawa selepas kebenaran itu dibuat tidak ramai pekerja elektronik menubuhkan in-house union dan perentasannya sangat kecil sahaja. Kenapa tidak boleh mengadakan satu iklim di mana 80% pekerja-pekerja elektronik di'organise'kan?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Pengerusi, ini adalah satu attitude pekerja-pekerja kita, mereka tidak begitu minat hendak buat union dan sebagainya malah kalau kilang-kilang kita atau tempat-tempat kerja hendak buat sesuatu kursus, misalnya kursus dari segi keselamatan dan keselamatan pekerjaan, hendak mendapat attendance yang munasabah cukup sukar, samalah juga dengan parti-parti politik hendak buat mesyuarat UMNO cawangan, Pemuda cawangan cukup sukar sekarang ini kerana rakyat sudah puas hati. Dia dapat gaji yang dia rasa puas hati, jadi dia tidak berminat hendak pergi mesyuarat sini, mesyuarat sana. Ini general attitude di negara kita ini saya dapati. Itu masalahnya. Dan pelbagai kursus pegawai-pegawai kita telah cuba menganjurkan, majikan sudah cuba menganjurkan untuk kebajikan pekerja-pekerja kita tetapi untuk mendapat sambutan memang sukar kerana mereka berpuas hati dengan gaji, dengan kemudahan yang mereka dapat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau kita mengikut hujah-hujah itu bahawa pekerja-pekerja sudah puas hati, gaji, kemudahan dan lain-lain. Kenapa kerajaan enggan membenarkan penubuhan satu Kesatuan Pekerja-pekerja Elektronik Nasional? Satu sebab kerajaan enggan memberi kelulusan untuk National Electronic Workers Union ialah takut bahawa akan timbul masalah-masalah pertikaian-pertikaian industri dan menimbulkan masalah 'industrial troubles'. Tetapi kalau kerajaan sudah dapat satu kesimpulan bahawa pekerja-pekerja Malaysia semua puas hati kenapa tidak benarkan National Electronic Workers Union, oleh kerana kalau membenarkan begitu tentulah dapat nama baik antarabangsa bahawa kita tidak menafikan hak asasi pekerja-pekerja untuk organise. Kalau begitu kenapa takut, kenapa khuatir membenarkan satu National Electronic Workers Union?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Kalau kerajaan berhasrat untuk mempertahankan industrial harmony yang ada dalam negara kita ini, saya rasa itu juga adalah cita-cita Ahli Yang Berhormat juga. Kalau kita ada industrial harmony maka sudah tentulah negara kita stabil, kita dapat maju dengan cepat. Kalau terdapat tanda-tanda bahawa kalau kita benarkan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dan ini akan memudaratkan keadaan dan bukannya baik untuk pihak kerajaan berjaga-jaga dalam meluluskan atau menggalakkan sesuatu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tetapi adakah tanda-tanda? Apa Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi ialah tanda-tanda mereka sangat puas hati, tidak ada masalah. Mana ada tanda-tanda akan menimbulkan satu keadaan memudaratkan industrial harmony?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Di peringkat in-house memang tidak ada masalah, tetapi bila di peringkat nasional maka mungkin ada orang-orang yang hendak tubuh badan-badan besar ini untuk kepentingan lain, kepentingan politik misalnya, kepentingan peribadi, itu masalahnya. Tetapi dengan adanya in-house union, alhamdulillah, di mana-mana sahaja kita nampak almost zero strike. Kalau dari segi legal strike, kita sudah berjaya almost zero strike, bukan mereka tidak berhak untuk mogok, tidak ada mogok, kerana mekanisme rundingan kalau ada masalah, semua telah pun diimplace dan kita berjaya.

Seterusnya saya hendak pergi kepada perkara-perkara lain. SOCSO, saya ingin menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian mengenai insurans keselamatan ini ia juga melindungi pekerja-pekerja yang dapat kemalangan pergi dan balik dari tempat kerja sejak tahun 1991, saya tidak ingat, jadi tidak ada masalah malah banyak bayaran yang dikeluarkan oleh SOCSO ini adalah untuk kemalangan-kemalangan jalan raya, sedikit sangat dengan kemalangan di tempat kerja.

Mengenai bahaya-bahaya pekerja-pekerja kimia dan sebagainya, saya ingin menyatakan bahawa majikan-majikan yang menggunakan bahan-bahan kimia yang boleh membahayakan kesihatan pekerja perlu menghantar pekerja-pekerja terbabit untuk menjalankan pemeriksaan perubatan. Peruntukan ini adalah di bawah seksyen 28 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994, di samping itu kita juga sedang sediakan pelbagai aturan dan peraturan yang detail untuk mengawal kerja-kerja di tempat-tempat yang bahaya seperti kimia dan sebagainya. Kita ada seminar, kursus yang specialise untuk perkara-perkara itu dan kita juga memberi kursus-kursus yang specialise untuk industri-industri seperti ini di National Institute of Occupation Safety and Health (NIOSH) dan kita akan panggil pakar-pakar dan sebagainya untuk mengadakan kursus dan sebagainya.

Mengenai kilang-kilang ditutup. Alhamdulillah, setakat ini sungguhpun kita dengar ekonomi kita teruk dan sebagainya, sehingga sekarang ini kalau ada tekanan kepada kementerian saya, Kementerian Dalam Negeri, adalah dari majikan-majikan untuk membenarkan mereka membawa tambah lagi pekerja.....

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Batang Lupar bangun.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin bercakap sedikit sahaja sebab saya sudah diberi 10 minit, saya tidak bercakap tadi. Saya hendak bertanya satu soalan. Tadi Yang Berhormat dari Kemaman mengatakan soal monitoring penyakit-penyakit yang berbangkit daripada industri dan sebagainya, baru-baru ini ada seorang daripada kawasan saya, dia bekerja di kilang di Semenanjung ini, saya belum pasti lagi kilang apa, selepas bekerja selama setahun lebih, dia menghidap satu penyakit yang mana dia macam hilang fikiran. Jadi, doktor yang dia jumpa itu cuma general practitioner (g.p.) sahaja, jadi tidak mempunyai kemahiran untuk mengesan apa penyakit. Apabila saya tulis surat kepada kilang yang berkenaan, saya mendapat layanan ataupun kerjasama yang begitu baik sekali, apa benda yang saya minta itu semua dia beri, saya minta tiket kapal terbang untuk bapa dia pulang balik ambil anak itu daripada Sarawak pergi ke sini semua dapat.

Soalannya di sini, bukan soal kerjasama yang diberi oleh syarikat ini, soalnya ialah orang ini dapat sakit semasa bekerja di situ yang mana sebelum itu dia mempunyai kesihatan yang begitu baik dan daya fikiran yang begitu cergas. Jadi persoalan di sini, monitoring semasa bekerja itu macam mana berlaku di kilang-kilang di luar negara, umpamanya kilang asbestos dahulu sebelum diharamkan macam di England dan sebagainya, banyak orang tidak tahu apa penyakit yang berlaku. Selepas beratus orang memeriksa penyakit di Amerika dan di England itu baru diharamkan. Jadi, sekarang soal health monitoring ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Ya, saya akan sampai kepada perkara itu apabila saya menjawab. Jadi, soal pekerja itu saya rasa tidak ada masalah sebab kalau ada kilang hendak tutup, Ahli Yang Berhormat dari Bagan pun tadi mengatakan kalau ada kilang hendak tutup, biasanya adalah kilang yang menggunakan banyak buruh (labour intensive). Itu memang sudah menjadi dasar kerajaan sekarang kita menggalakkan dia tutup dan relocate kepada negara-negara sahabat, no problem, kita memang menggalakkan. Dan tidak ada seorang pun pekerja yang telah

hilang kerja dari kilang-kilang itu yang sekarang menganggur, kita boleh instantly, malah sebelum kilang itu tutup pun pekerja-pekerja itu sudah pun dijanjikan dengan pelbagai jawatan dari kilang-kilang yang berdekatan, jadi tidak ada masalah. Saya rasa, insya-Allah, kita tidak akan ada masalah pengangguran akibat krisis yang melanda negara kita sekarang ini.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Mersing bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Berkaitan dengan kilang yang ditutup ini, saya hendak dapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Biasanya apabila kilang ditutup dan katakan kilang itu under servicership, dengan izin, dia ada ranking apabila kilang itu mempunyai liabiliti, kilang terpaksa bayar, katakan kalau hutang secured creditors dan sebagainya dan ranking yang kedua barulah dia bayar gaji pekerja dan sebagainya. Biasanya kalau masalah yang dihadapi oleh syarikat ini, masalah ini adalah masalah pengurusan syarikat, dia tidak berkaitan langsung dengan pekerja. Jadi apabila syarikat digulung, preference is given to secured creditors, kalau ada baki barulah pekerja ini dapat. Jadi, saya hendak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah kerajaan bercadang untuk menukar ranking ini daripada nombor dua kepada nombor satu? Jadi, dia bayar pekerja itu terlebih dahulu.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Mungkin untuk menukar ranking itu sukar sebab dari segi undang-undang sudah tentulah secured creditors itu akan dapat keutamaan, tetapi kerajaan memang sedang memikir tentang kemungkinan kita ini ada satu insurans untuk melindungi pekerja-pekerja yang bekerja dengan syarikat-syarikat yang bankrap ataupun terpaksa tutup oleh sebab kerugian dan sebagainya. Ini memanglah satu perkara yang kita sedang memikir dengan serius, namun demikian masalah-masalah seperti itu tidaklah begitu banyak kecuali dengan beberapa syarikat Taiwan yang tutup baru-baru ini di Pulau Pinang dan ini kita sedang ada rundingan dengan pejabat Taiwan di sini untuk mengatasi perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Tambun telah menyatakan mengenai organisational culture, kemahiran dan sebagainya, sukacita saya menyatakan bahawa pegawai-pegawai di kementerian saya sepanjang masa menekankan soal hubungan baik antara pekerja dengan majikan. Ini saya rasa kita memang telah pun berjaya. Kita telah pun mewujudkan satu culture kerakanan antara majikan dengan pekerja, jadi kita anggap mereka ini sebagai rakan. Pekerja menganggap majikan sebagai rakan dan

majikan pula anggap pegawai sebagai rakan juga. Kita tidak hanya berpuas hati dengan mencapai industrial peace, tidak ada mogok dan sebagainya malah kita hendak lebih daripada itu, kita hendak industrial harmony di mana memang ada muhibah dan persefahaman antara majikan dan pekerja supaya pekerja akan bekerja bersungguh-sungguh untuk melebihi keuntungan kepada majikan iaitu meningkatkan produktiviti dia dan dalam masa yang sama juga, majikan pula akan memberi hadiah yang setimpal kepada pekerja-pekerjanya. Inilah dikatakan meningkatkan gaji dan pendapatan menerusi meningkatkan produktiviti. Saya rasa kita telah banyak berjaya dalam hubungan ini.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Mersing bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sedikit sahaja, Dato' Timbalan Menteri, saya hendak tanya. Dalam usaha untuk mempertingkatkan industrial harmony, kerajaan telah memperkenalkan in-house union. Jadi saya ingin tahu sebab akhir-akhir ini kita tidak dengar sangat cerita pasal in-house ini, bagaimana sambutan tentang perkara ini?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Sambutannya baik, tidak ada problem, sebagaimana yang telah saya jawab awal tadi.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kuala Pilah pula bangun.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Pengerusi, saya cuma bertanya sedikit sahaja. Bercakap berkenaan muhibah di antara majikan dengan pekerja yang Dato' Timbalan Menteri kata tadi adalah satu rapport yang baik. Yang Berhormat Dato' juga pernah membangkitkan keadaan di dalam MAS, bagaimana kedudukan sekarang ini masalah majikan dengan pekerja-pekerja MAS?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Memanglah di sana-sini kita ada masalah, kita ada beribu-ribu majikan, bukan semuanya mempunyai semangat yang sama tetapi keseluruhannya alhamdulillah, malah perayaan Hari Buruh pun sekarang ini kita buat cara tiga golongan (tripartisme) iaitu pekerja, majikan dan juga kerajaan. Kita ada perayaan yang berbagai-bagai, kita berpakat sama-sama dengan majikan dan juga dengan MTUC, CUEPACS dan sebagainya, jadi ini memang merupakan satu kejayaan negara kita ini. Memang ada masalah dari masa ke semasa tetapi alhamdulillah, saya rasa pada keseluruhannya kita memang telah mencapai industrial harmony yang boleh kita megahkan.

Mengenai.....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mengenai apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Pilah khasnya mengenai industrial muhibah atau muhibah pekerja-pekerja dalam MAS. Adakah sekarang Yang Berhormat Timbalan Menteri menjadi welcome object kepada kakitangan-kakitangan MAS sekarang? *[Ketawa]*

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Saya tak payahlah jawab itu ya. *[Ketawa]*

Di Institut Latihan Perindustrian memang kita ada kursus-kursus sehingga ke peringkat Diploma. Tadi Ahli Yang Berhormat dari Tambun menyatakan memang kita ada kursus bukan setakat sijil tetapi kadang-kadang kita juga akan beri advance training sehingga ke peringkat Diploma.

Ahli Yang Berhormat dari Kemaman menyentuh tentang visiting doctors, penal doctors, beberapa pandangan yang baik itu saya akan ambil perhatian dan saya akan check. Tetapi saya memang mengetahui bahawa dalam pekerjaan yang specialise, yang kata orang akan menimbulkan masalah kesihatan jangka panjang dari segi hearing impendment ataupun dari segi sedut habuk dan sebagainya, memang kita ada latihan-latihan dan kursus-kursus tertentu dan pegawai-pegawai kita (pegawai-pegawai DOSH) akan pergi melawat kilang-kilang ini dan kita ada juga instrumen-instrumen tertentu juga untuk menguji keadaan di sesuatu syarikat sama ada syarikat itu sihat atau tidak. Tetapi memanglah kadang-kadang kita cukup sukar untuk hendak mengaitkan sesuatu penyakit yang dihadapi oleh seseorang itu dengan kerja dia cukup sukar untuk hendak membuktikan. Jadi, mungkin oleh sebab itulah kita tidak dapat banyak tuntutan dari PERKESO mengenai penyakit-penyakit itu. Tetapi dalam kes-kes yang doubtful, maka kita biasanya memberi benefit of the doubt kepada pekerja-pekerja malang itu.

Yang Berhormat dari Tanjong sentuh mengenai KWSP itu saya rasa eloklah Ahli Yang Berhormat lebih baik kemukakan perkara ini dengan Menteri Kewangan. Tetapi secara satu pandangan peribadi, KWSP, SOCSO dan sebagainya peruntukan yang ada padanya adalah banyak dan saya rasa di samping pelaburan jangka pendek, mereka juga patut adakan pelaburan jangka panjang tetapi saya tidak tahu kedudukan mengenai pelaburan mereka. Tetapi kalau saya sendiri ada duit banyak, inilah



masanya saya akan beli saham-saham yang begitu murah dan simpan tiga, empat tahun, insya-Allah, dia mungkin naik 400% atau 500%. Jadi kalau mereka melabur pun mungkin itu wisdom, saya tidak tahu, tetapi eloklah dikemukakan kepada pihak itu.

Kita akan pinda, insya-Allah, dalam sesi yang akan datang ini Akta Kerja 1955 akan ada banyak perkara yang baru untuk tingkatkan Akta Kerja kita itu, tetapi saya rasa tentang paternity leave ini terlalu advance sedikit, mungkin kita tidak akan bawa dalam pindaan itu tetapi kita akan fikirilah, mungkin akan sampai satu waktu nanti kita akan consider seriously soal paternity leave.

Mengenai pekerja-pekerja ladang itu saya rasa, Tuan Pengerusi, sekarang ini tidak ada satu ladang di Malaysia ini jauh dari kawasan industri. Jadi biasanya kalau ada seorang bekerja di ladang, maka anaknya empat, lima orang itu biasanya bekerja di factory. Jadi saya rasa pada keseluruhannya keadaan sosio-ekonomi di ladang-ladang itu baik sebab anak-anak mereka semua dapat pelajaran yang baik dan boleh bekerja di tempat-tempat yang berdekatan, malah banyak juga sekarang pekerja ladang ada part-time job pula di waktu petang dan malam. Jadi, pada keseluruhannya saya rasa keadaan tidaklah begitu buruk seperti yang diperkatakan.

Tuan Pengerusi, sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM101,496,100 untuk Maksud B.45 di bawah Kementerian Sumber Manusia jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM101,496,100 untuk Maksud B.45 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM323,983,700 untuk Maksud P.45 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1998 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM323,983,700 untuk Maksud P.45 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1998.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Nampaknya masa sudah cukup untuk hari ini. Dewan bersidang semula.

**Majlis Mesyuarat bersidang semula.**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 8.45 malam.**

